



Mencipta Masa Depan

A large, stylized graphic element occupies the center of the page. It consists of a series of concentric circles in a light olive-green color. Overlaid on these circles are several thick, dark grey bands that curve and overlap, creating a sense of motion and depth. The entire graphic is set against a background of a grid of small, grey square dots, which is also present in the top and bottom borders of the page.

2019 Laporan  
Prestasi  
Tahunan  
Malaysia





# Kandungan

## 1.0 Tinjauan Tahun 2019

### 1.1 Sepatah Kata dari MIDA 6-15

- Pertumbuhan Ekonomi Global
- Pelaburan Langsung Asing Malaysia berbanding Senario Pelaburan Global
- Kedudukan Antarabangsa yang Membanggakan
- Tahun 2019 yang Mencabar
- Pelaburan Diluluskan Tahun 2019
- Pelaburan Berterusan dalam Sektor Perkilangan
- Pelaburan Terus Dikuasai Sektor Perkhidmatan
- Pelombongan Mengungguli Sektor Utama
- Pelaburan Swasta (GFCF)

**Kotak Artikel: Seiring Bersama 16-17 APEC 2020**

**Kotak Artikel: ECRL: 18-19 Penambahbaikan Infrastruktur Sebagai Nadi Pertumbuhan**

### 1.2 Inisiatif MIDA 20-27

- Strategi dan Inisiatif Pelaburan
- Agenda Pelaburan Domestik
- Perancangan Strategik & Sokongan Terhadap Dasar

## 2.0 Prestasi Sektor Perkilangan

### 2.1 Ringkasan Prestasi 30-35


- Dominasi Pelaburan Asing
- Projek Baharu Pelopori Domestik
- Pencapaian Industri
- Pelaburan RM1 bilion ke atas
- Pelaburan RM100 juta ke atas
- Penurunan Intensiti Modal (CIPE)
- Kekal Penyumbang Utama Eksport
- Kumpulan Bakat
- Projek-Projek Diluluskan
- Pelaksanaan Projek Perkilangan

### 2.2 Prestasi Mengikut Industri 36-75

- Produk Elektrikal dan Elektronik
- Teknologi Pengangkutan
  - Rel
  - Automotif
  - Aeroangkasa
  - Pembinaan dan Pembaikan Kapal
- Industri Jentera dan Logam
  - Jentera dan Kelengkapan
  - Industri Sokongan Kejuruteraan
  - Produk Logam Asas
  - Produk Fabrikasi Logam
- Tekstil dan Pakaian
- Teknologi Pembinaan
  - Produk Mineral Bukan Logam
  - Sistem Binaan Berindustri (IBS)
- Teknologi Perubatan
  - Peranti Perubatan
  - Farmaseutikal
  - Bioteknologi (termasuk Projek Bionexus)
- Teknologi Makanan
  - Biojisim Sawit
  - Agro Makanan dan Pemprosesan Makanan
  - Produk Minyak Sawit
- Kimia dan Bahan Termaju
  - Kimia dan Produk Kimia
  - Produk Petroleum (termasuk Petrokimia)
  - Produk Plastik
  - Produk Getah
  - Oleokimia
- Industri berdasarkan Kayu
  - Kayu dan Produk Kayu & Perabot dan Lekapan
  - Kertas, Percetakan dan Penerbitan

**Kotak Artikel: Pemerkaaan 76 Jawatankuasa Nasional Mengenai Pelaburan (NCI)**

**Kotak Artikel: SPM Atas Talian 77**



### **3.0 Prestasi Sektor Perkhidmatan**

<b>3.1</b>	<b>Ringkasan Prestasi</b>	<b>80-83</b>
<b>3.2</b>	<b>Prestasi Subsektor Perkhidmatan</b>	<b>84-105</b>
	• Pertubuhan Global – Hab Prinsipal (PH) – Pejabat Serantau/Perwakilan (RO/RE)	
	• Logistik dalam Ekonomi Digital – Perkhidmatan Logistik Bersepadu (ILS) – Perkhidmatan Logistik Bersepadu Antarabangsa (IILS)	
	• Perkhidmatan Perniagaan – Perkhidmatan Profesional – Perkhidmatan ICT	
	• Penyelidikan dan Pembangunan – Perkhidmatan Penyelidikan dan Pembangunan	
	• Teknologi Hijau – Tenaga Boleh Diperbaharui – Kecekapan Tenaga / Penjimat Tenaga – Perkhidmatan Hijau	
	• Perkhidmatan dan Peralatan Minyak dan Gas	
	• Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan	
	• Perkhidmatan Pendidikan	
	• Hospitaliti – Pelancongan dan Hotel	
	• Perkhidmatan Lain – Hartanah – Utiliti	
	– Perdagangan Pengedaran – Perkhidmatan Kewangan – Telekomunikasi – Pengangkutan – Syarikat Berstatus Multimedia Super Corridor (MSC)	

**Kotak Artikel: Melangkau Tahun 2020** **106-107**

### **4.0 Prestasi Sektor Utama**

<b>4.1</b>	<b>Gambaran Keseluruhan dan Prestasi Sektor Utama</b>	<b>110-111</b>
	• Pertanian • Pelombongan • Perladangan dan Komoditi	

### **5.0 Usaha Sama untuk Menarik Pelaburan Berkualiti** **112-117**

### **6.0 Maju ke Hadapan**

<b>6.1</b>	<b>Tinjauan Pelaburan</b>	<b>120-123</b>
	• Usaha Berganda dalam Negara	
<b>6.2</b>	<b>Strategi Penggalakan Pelaburan Tahun 2020</b>	<b>124-125</b>
<b>6.3</b>	<b>Bajet 2020 – Perspektif MIDA</b>	<b>126-131</b>
	• Sektor Perkilangan: Perangsang Perkilangan • Sektor Perkhidmatan: Mengelakkan Momentum	
<b>6.4</b>	<b>Persediaan untuk RMK-12 dan IMP Baharu</b>	<b>132-133</b>
	<b>Kotak Artikel: Pelan Pembangunan Bakat</b>	<b>134-135</b>
	<b>Lampiran</b>	<b>136-147</b>





# 1

## Tinjauan Tahun 2019

“Meskipun ekonomi global berada di kedudukan yang rapuh, saya percaya rangka kerja dasar yang kukuh dan insititusi yang teguh akan membolehkan negara-negara membangun mencapai pertumbuhan meluas bagi membasi kemiskinan dan mencapai kemakmuran bersama.”

-David Malpass, Presiden Kumpulan Bank Dunia.

Sumber: Petikan ucapan di McGill University, Montreal, Quebec, Kanada, 7 Oktober 2019

## 1.1 Sepatah Kata dari MIDA

# Memperkasakan Diri

Ketegangan perdagangan dan geopolitik telah membayangi ekonomi global pada tahun 2019, mempengaruhi sentimen serta melemahkan pertumbuhan yang menyumbang kepada penurunan dalam pelaburan global. Ekonomi Malaysia adalah tidak terkecuali apabila jumlah eksport negara turut terkesan. Walau bagaimanapun, di sebalik cabaran-cabaran ini, Malaysia berjaya memanfaatkan daya saingnya dalam menarik FDI dan turut menggalakkan perniagaan-perniagaan domestik untuk melabur bagi menjamin masa depan ekonomi negara.



## Pertumbuhan Ekonomi Global

### Tempoh berlarutan

Berbanding krisis kewangan global pada 10 tahun lalu, pertumbuhan ekonomi global pada tahun 2019 didapati berada di tahap paling lemah ekoran pertikaian perdagangan di antara Amerika Syarikat dan Republik China (PRC) yang berlarutan selama dua tahun. Ini mencetuskan pergerakan yang meruncing dalam pasaran ekuiti global, penurunan harga minyak global dan aliran keluar modal yang lebih tinggi dari ekonomi-ekonomi membangun. Ini memburukkan lagi pertumbuhan lebap yang sedang berlaku dalam aktiviti ekonomi global. Berdasarkan Unjuran Ekonomi Dunia pada Oktober 2019, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) telah merendahkan unjuran pertumbuhan ekonomi global bagi tahun 2019 dan 2020 kepada paras tiga peratus, 0.3 mata lebih rendah berbanding unjuran pada April 2019. Meskipun pertumbuhan dijangka akan meningkat semula ke 3.4 peratus pada tahun 2020, unjuran ini masih rendah berbanding unjuran pada April 2019 sebanyak 3.6 peratus.

Laporan Global Economic Prospects oleh Bank Dunia yang diterbitkan pada Januari 2020 menyatakan bahawa kelemahan perdagangan dan pelaburan global yang berlarutan ini dijangka akan membantutkan pertumbuhan di setiap cabang ekonomi pada tahun 2019. Pasaran-pasaran baru muncul dan ekonomi-ekonomi membangun dijangka akan mencatatkan pertumbuhan yang lebih rendah dari jangkaan pada tahun 2019 – 3.5 peratus. Pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat juga telah diturunkan ke tahap lebih rendah dari jangkaan (2.3 peratus), sementara Eropah dan Jepun, kedua-duanya 1.1 peratus dan PRC 6.1 peratus. Seterusnya, IMF mendapati bahawa kadar aktiviti ekonomi global masih di peringkat lemah berdasarkan momentum perlahan yang ketara dalam aktiviti perkilangan, malahan berada di tahap yang belum pernah disaksikan sejak krisis kewangan global terdahulu. Masa depan sistem perdagangan global dan kerjasama antarabangsa turut menjadi persoalan memandangkan ketidakpastian yang terus meningkat susulan ketegangan perdagangan

dan geopolitik yang berpanjangan. Ini seterusnya memberi kesan terhadap keyakinan perniagaan, keputusan pelaburan dan perdagangan global.

Pertumbuhan perdagangan juga didapati perlahan akibat pengurangan import global ke PRC dan Asia Timur serta ketegangan yang dihadapi oleh ekonomi-ekonomi baru muncul. Di samping kemerosotan perdagangan global, pelaburan global turut mencatatkan penurunan selari dengan pengurangan pertumbuhan import yang mencerminkan bahawa faktor kitaran, kerunduman pelaburan di ekonomi-ekonomi yang terjejas dan impak peningkatan ketegangan perdagangan turut memberi kesan kepada sentimen perniagaan dalam sektor perkilangan.

Sementara di peringkat serantau, aliran FDI ke Eropah dan negara-negara membangun Asia didapati mencatatkan penurunan, sementara aliran ke Amerika Utara didapati kekal dan terdapat peningkatan ke Afrika, Amerika Latin, Caribbean serta ekonomi-ekonomi peralihan. Selain itu, impak daripada pelaksanaan pembaharuan sistem percukaian oleh Amerika Syarikat pada tahun 2017 yang telah mengurangkan pelaburan ke luar negara dan menjelaskan FDI global pada tahun 2018, didapati telah berkurangan pada tahun 2019.

Menurut Global Investment Trends Monitor Isu No. 33 yang dikeluarkan oleh United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD), aliran FDI ke negara-negara maju telah merosot sebanyak enam peratus kepada anggaran US\$643 bilion dan kekal pada tahap terendah dalam sejarah. Meskipun FDI ke Amerika Syarikat kekal stabil pada US\$251 bilion, FDI ke Kesatuan Eropah didapati telah menurun sebanyak 15 peratus kepada US\$305 bilion. Bagi negara-negara membangun, aliran didapati kekal tidak berubah pada anggaran US\$695 bilion, di mana FDI ke Amerika Latin dan Caribbean telah meningkat sebanyak 16 peratus dan tiga peratus ke Afrika. Negara-negara membangun Asia menyaksikan kemerosotan aliran sebanyak enam peratus kepada anggaran US\$473 bilion namun masih menyumbang kepada satu pertiga daripada FDI global, manakala aliran ke ekonomi-



ekonomi peralihan didapati meningkat sebanyak dua pertiga kepada US\$57 bilion.

Bagi negara membangun Asia, penurunan keseluruhan adalah disebabkan oleh penurunan sebanyak 21 peratus kadar pelaburan di Asia Timur. Pelaburan ke Hong Kong, PRC didapati menurun hampir separuh daripada jumlah terdahulu kepada US\$55 bilion ekoran pelaburan keluar yang berterusan di sepanjang tahun. Aliran ke Republik Korea (ROK) juga menyaksikan penurunan sebanyak 46 peratus kepada US\$140 bilion yang dikaitkan dengan ketegangan pelaburan dan perubahan polisi pelaburan. Aliran ke PRC pula kekal stabil pada US\$140 bilion. Asia Tenggara kekal sebagai enjin pertumbuhan negara-negara membangun Asia dengan aliran masuk FDI sebanyak anggaran US\$177 bilion, peningkatan sebanyak 19 peratus berbanding tahun 2018. Singapura merekodkan kemasukan FDI terbesar di rantau ini menerusi peningkatan aliran sebanyak 42 peratus kepada US\$110 bilion yang dipacu oleh pelaburan dalam sektor maklumat dan komunikasi. Pelaburan ke Indonesia juga didapati meningkat sebanyak 12 peratus kepada US\$24 bilion menerusi

aliran signifikan dalam sektor perdagangan pemborongan dan peruncitan (termasuk ekonomi digital) dan perkilangan.

**“Asia Tenggara kekal sebagai enjin pertumbuhan negara-negara membangun Asia dengan aliran masuk FDI sebanyak anggaran US\$177 bilion, peningkatan sebanyak 19 peratus berbanding tahun 2018”**

## **Pelaburan Langsung Asing Malaysia berbanding Senario Pelaburan Global Prestasi yang meyakinkan**

Laporan Global Investment Trends Monitor (UNCTAD) Isu No. 33 menunjukkan bahawa pertumbuhan FDI global pada tahun 2019 adalah mendatar pada US\$1.39 bilion, penurunan sebanyak satu peratus daripada nilai US\$1.41 trilion yang telah disemak semula pada tahun 2018 berikutan prestasi makroekonomi


yang lebih lemah dan ketidakpastian dasar oleh para pelabur, termasuk ketegangan perdagangan. Trend sedia ada telah meningkat sehingga lima peratus, perubahan margin yang disumbang oleh kelembapan aliran FDI yang berterusan sepanjang dekad ini.

Di sebalik situasi ini, aliran FDI Malaysia mencatatkan permulaan yang kukuh pada tahun 2019 menerusi FDI sebanyak RM21.7 bilion pada suku pertama berbanding RM11.2 bilion pada suku

pertama 2018. Prestasi ini disumbang oleh daya saing Malaysia dalam rantai bekalan global yang mendorong pemindahan lokasi syarikat kesan krisis perdagangan AS-PRC. Sementara FDI untuk suku keempat telah meningkat sebanyak RM3.7 bilion berbanding RM2.9 bilion pada suku ketiga yang kebanyakannya disumbang oleh sektor pembinaan serta subsektor perdagangan borong dan runcit dalam sektor perkhidmatan.

Sehingga akhir tahun 2019, jumlah stok FDI di negara ini telah melonjak ke RM691.6 bilion, peningkatan sebanyak 9.6 peratus berbanding RM631.2 bilion pada tahun 2018. FDI merupakan penyumbang penting dalam pertumbuhan ekonomi negara dan Kerajaan sentiasa proaktif dalam

### Aliran Masuk FDI mengikut Rantau, 2018 – 2019\*




\*Anggaran Awal

Sumber: UNCTAD

**“** Sehingga akhir tahun 2019, jumlah stok FDI di negara ini telah melonjak ke RM691.6 bilion, peningkatan sebanyak 9.6 peratus berbanding RM631.2 bilion pada tahun 2018

menggalakkan pertumbuhan berdasarkan produktiviti, inovasi dan kemakmuran bersama, selaras dengan FDI yang turut memainkan peranan penting dalam peralihan Malaysia ke arah ekonomi berpendapatan tinggi yang berdasarkan teknologi.

### Aliran Masuk FDI: Global dan mengikut Kumpulan Ekonomi, 2008 – 2019\*




\*Anggaran Awal


Sumber: UNCTAD

## Pelaburan Langsung Asing (FDI) Malaysia dan Pelaburan Langsung di Luar Negara (DIA), Q1 2017 – Q4 2019

**Pelaburan Langsung Asing (FDI)**



**Pelaburan Langsung di Luar Negara (DIA)**



Sumber: DOSM


Jumlah pelaburan langsung di luar negara (DIA) mencatatkan RM486.3 bilion pada suku keempat tahun 2019. Pelaburan syarikat-syarikat Malaysia dalam sektor perkhidmatan, seperti perkhidmatan kewangan serta insurans dan takaful menjadi penyumbang utama kepada DIA sebanyak 44.3 peratus, selain pelombongan dan kuari serta pertanian. Kebanyakan DIA adalah tertumpu ke Singapura dan Indonesia.

### Kemerosotan M&A rentas sempadan global dan projek greenfield

Penurunan M&A rentas sempadan pada tahun 2019 sebanyak 40 peratus kepada US\$490 bilion merupakan tahap yang paling rendah sejak tahun 2014. Pertumbuhan perlahan di zon Eropah dan Brexit adalah antara faktor-faktor yang menyebabkan jualan M&A jatuh hampir 50 peratus kepada US\$190 bilion. Penurunan ini ternyata meninggalkan kesan yang paling buruk dalam sektor perkhidmatan (-56% kepada US\$207 bilion), diikuti oleh sektor perkilangan (-19% kepada US\$249 bilion) dan sektor utama (-14% kepada US\$34 bilion). Selain itu, penurunan nilai ini juga turut disumbang oleh bilangan perjanjian mega yang lebih rendah – 30 perjanjian mega melebihi US\$5 bilion pada tahun 2019, berbanding 39 pada tahun 2018.


**Pelaburan syarikat-syarikat Malaysia dalam sektor perkhidmatan, seperti perkhidmatan kewangan serta insurans dan takaful menjadi penyumbang utama kepada DIA sebanyak 44.3 peratus**

## Nilai M&A Rentas Sempadan, 2008 - 2019



Sumber: UNCTAD Pangkalan Data M&A Rentas Sempadan 2008-2019

## Nilai Projek Pelaburan Greenfield Diumumkan, 2008 - 2019\*



Sumber: UNCTAD Berdasarkan maklumat daripada The Financial Times, fDI Markets

\*Anggaran Awal

Projek-projek greenfield yang diumumkan pada tahun 2019 turut menurun sebanyak 22 peratus, sekaligus menjadi faktor yang membataskan trend masa hadapan; selain keimbangan terhadap risiko perubahan dasar-dasar perlindungan dan peningkatan geopolitik.

## Kedudukan Antarabangsa yang Membanggakan

Pembaharuan dan komitmen yang berterusan untuk mengukuhkan kedudukan fiskal negara telah membantu Malaysia meningkatkan kedudukan daya saing dan mengekalkan

status sebagai destinasi pelaburan global pada tahun 2019. Pembaharuan-pembaharuan yang dilaksanakan oleh pelbagai institusi negara telah membantu Malaysia mencatatkan kedudukan global yang lebih tinggi di tangga ke-12 daripada 190 buah negara yang dikaji menurut laporan Ease of Doing Business 2020 oleh Bank Dunia - kedudukan yang terbaik sejak tahun 2015. Malaysia juga telah melonjak satu anak tangga di kedudukan yang keempat sebagai lokasi paling mudah menjalankan perniagaan di Asia selepas Singapura, Hong Kong dan Korea Selatan. Malaysia turut mendahului negara-negara yang lebih maju dari segi ekonomi seperti Jerman (ke-22), Kanada (ke-23), Jepun (ke-29), Perancis (ke-32) dan Switzerland (ke-36).

Pencapaian memberangsangkan turut disaksikan dalam Worldwide Governance Indicators (WGI) 2018 oleh Bank Dunia, di mana Malaysia telah diletakkan di kalangan ekonomi-ekonomi yang paling banyak mencatatkan peningkatan. WGI mengukur kualiti institusi di 214 buah negara dengan mengambil kira enam dimensi iaitu akauntabiliti, kestabilan politik, kecekapan kerajaan, kualiti kawal selia, undang-undang dan korupsi. Selain kualiti kawal selia, Malaysia mencatatkan peningkatan dalam setiap dimensi berdasarkan pelbagai pembaharuan institusi yang telah dilaksanakan secara meluas oleh Kerajaan.

Bagi daya saing global, Global Competitiveness Report 2019 oleh World Economic Forum telah meletakkan Malaysia pada kedudukan ke-27 dari 141 buah negara berdasarkan pemarkahan keseluruhan Global Competitiveness Index (GCI). Meskipun kedudukan Malaysia adalah menurun sebanyak dua anak tangga, namun masih mendahului PRC yang berada di kedudukan ke-28. Di kalangan ASEAN, Malaysia mencapai kedudukan kedua selepas Singapura berdasarkan markah GCI, sementara Thailand berada di kedudukan ke-40 di peringkat global, tempat ketiga di peringkat ASEAN, manakala Indonesia di tempat ke-50 di peringkat global dan tempat keempat di peringkat ASEAN.

Usaha-usaha Kerajaan Malaysia untuk mengukuhkan rangka kerja harta intelek sebagai ekonomi yang berpacuan inovasi dan disokong oleh paten, cap dagangan, hak cipta dan perlindungan rahsia perdagangan yang mantap, turut menunjukkan hasil apabila negara dianugerahkan tempat kedua di Asia Tenggara dalam Indeks Tahunan Harta Intelek yang ketujuh oleh.

Majalah CEOWORLD juga telah menamakan Malaysia sebagai negara yang terbaik untuk melabur atau menjalankan perniagaan pada tahun 2019 di kalangan 67 buah negara yang dinilai. Penilaian dijalankan oleh penerbitan tersebut berdasarkan 11 faktor iaitu korupsi, kebebasan - peribadi, perdagangan dan kewangan, tenaga kerja, perlindungan pelabur, infrastruktur, percukaian, kualiti hidup, birokrasi dan ketersediaan teknologi.

Sementara bagi aspek perkilangan yang kondusif, *Cushman & Wakefield's Manufacturing Risk Index 2019* telah meletakkan Malaysia pada kedudukan 6 ke 10 untuk senario asas keseluruhan dan 1 ke 5 bagi senario daya saing kos.

## Tahun 2019 yang Mencabar

Bank Dunia telah mengekalkan unjuran pertumbuhan ekonomi Malaysia pada kadar 4.6 peratus bagi tahun 2019 berdasarkan pertumbuhan penggunaan swasta yang berterusan ekoran keadaan pasaran buruh yang stabil. Angka ini adalah selari dengan semakan semula unjuran pertumbuhan tahun 2019 oleh Kerajaan sebanyak 4.7 peratus yang diumumkan semasa pembentangan Bajet 2020 pada Oktober 2019. Unjuran asal pertumbuhan tahun 2019 adalah sebanyak 4.9 peratus, seperti yang diumumkan semasa pembentangan Bajet 2019.

Walau bagaimanapun, ketidakpastian keadaan pasaran global akibat ketegangan perdagangan dan penurunan permintaan terhadap produk elektrik dan elektronik dalam tempoh terdekat akan memberi kesan kepada prestasi eksport

negara. Pada tahun 2019, jumlah eksport yang direkodkan adalah sebanyak RM986.4 bilion, penurunan 1.7 peratus berbanding tahun sebelumnya, manakala import mencatatkan jumlah RM849.0 bilion, kemerosotan sebanyak 3.5 peratus. Keseluruhan perdagangan didapati menurun sebanyak 2.5 peratus ke RM1.8 trillion.

Bank Negara telah mengumumkan bahawa pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun 2019 telah meningkat sebanyak 4.3 peratus berikutan kemerosotan ekonomi pada suku keempat yang disebabkan oleh gangguan rantaian bekalan akibat perang perdagangan AS-PRC dan impak negatifnya ke atas industri pelancongan.

Dalam buletin suku keempat 2019, Bank Negara menyatakan bahawa sektor perkhidmatan dan pengilangan adalah penyumbang utama dalam sektor ekonomi yang mencatatkan pertumbuhan pada suku keempat sebanyak 6.1 peratus dan 3.0 peratus masing-masing. Sektor perlombongan merosot sebanyak 2.5 peratus susulan kerja penyelenggaraan lapangan-lapangan minyak yang menjaskan pengeluaran, manakala sektor pembinaan pula telah pulih sebanyak 1.0 peratus dalam tempoh yang sama. Secara umumnya, pemulihan ini disokong oleh aktiviti-aktiviti perumahan mampu milik dalam subsektor perumahan.

Permintaan domestik yang diterajui oleh penggunaan swasta telah meningkat sebanyak 8.1 peratus (berbanding 3.5% pada suku ketiga), di mana pertumbuhan ini disokong oleh pertambahan pendapatan dan pekerjaan yang stabil. Secara lebih terperinci, penggunaan swasta ini disokong oleh perbelanjaan aktiviti keperluan seperti makanan dan pengangkutan yang meliputi perbelanjaan senggang seperti restoran dan hotel serta perkhidmatan rekreatif. Penggunaan awam berkembang sebanyak 1.3 peratus (dari 1.0% pada suku ketiga), disokong oleh pertumbuhan emolumen yang lebih tinggi manakala perbelanjaan terhadap

pembekal dan perkhidmatan terus menurun pada kadar yang perlahan.

Sementara itu, kadar inflasi yang diukur berdasarkan Indeks Harga Pengguna didapati telah menurun sebanyak 1.0 peratus pada suku keempat, menunjukkan impak dari pelaksanaan SST. Inflasi bahan api terus menyumbang kepada penurunan terhadap inflasi dengan penetapan harga siling runcit bahan api. Inflasi teras, tidak termasuk impak perubahan dasar cukai perbelanjaan, adalah stabil pada kadar 1.4 peratus. Manakala tekanan inflasi yang dipacu oleh permintaan juga kekal stabil dan terkawal memandangkan tiada tekanan berlebihan terhadap gaji dan lebihan kapasiti dalam saham modal.

Pasaran buruh berterusan menyokong aktiviti-aktiviti ekonomi berdasarkan kadar pertumbuhan pekerjaan dan pengangguran yang stabil sebanyak 2.2 peratus dan 3.2 peratus masing-masing. Secara umumnya, pertumbuhan gaji sektor swasta adalah dipacu oleh pertumbuhan gaji sektor perkhidmatan (4.2%), sementara gaji sektor perkilangan menyaksikan pertumbuhan sederhana (3.3%) pada suku keempat.

## Pelaburan Diluluskan Tahun 2019

Pelaburan swasta dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan sektor utama pada tahun 2019 telah mencatatkan peningkatan sebanyak 1.7 peratus meliputi RM207.87 bilion, berbanding RM204.36 bilion pada tahun 2018.

Daripada jumlah keseluruhan ini, pelaburan langsung domestik (DDI) menyumbang 60.4 peratus atau RM125.49 bilion, manakala baki 39.6 peratus disumbang oleh pelaburan langsung asing (FDI) sebanyak RM82.38 bilion. Nisbah DDI kepada FDI mencerminkan aspirasi Kerajaan bagi mengangkat pelaburan domestik sebagai pemacu agenda pelaburan negara. Pelaburan-pelaburan


ini bakal membayai 5,140 projek dan menjana 124,443 peluang pekerjaan.

## Pelaburan Berterusan dalam Sektor Perkilangan


Malaysia berterusan menarik pelaburan yang sihat ke dalam sektor perkilangan berdasarkan lokasi yang strategik di rantau ini, infrastruktur yang moden, perlindungan harta intelek, pekerja yang berkemahiran dan kedudukan politik yang stabil. Sektor ini berterusan menjana perkembangan dan pertumbuhan menerusi pelaburan sebanyak RM82.73 bilion daripada 988 projek pada tahun 2019, berbanding RM87.38 bilion daripada 721 projek pada tahun 2018. Projek-projek ini dijangka akan menjana 78,606 peluang pekerjaan.

### Jumlah Pelaburan Swasta di Malaysia Tahun 2019

#### Pelaburan dalam Projek Diluluskan mengikut Sektor



#### Pelaburan Diluluskan Domestik berbanding Asing



Pelaburan asing mengungguli jumlah tertinggi menerusi RM53.90 bilion atau 65.1 peratus daripada jumlah pelaburan keseluruhan yang

meliputi pecahan seimbang di antara projek baharu dengan projek pembesaran/pelbagai, di mana projek baharu merekodkan 50.5 peratus atau RM27.23 bilion pelaburan, manakala 49.5 peratus atau RM26.67 bilion adalah projek pembesaran/pelbagai. Kebanyakan pelaburan adalah tertumpu dalam subsektor produk elektrikal dan elektronik menerusi pelaburan sebanyak RM21.79 bilion, diikuti oleh kertas, pencetakan dan penerbitan (RM9.69 bilion), produk mineral bukan logam (RM4.31 bilion), produk getah (RM3.02 bilion), jentera dan peralatan (RM2.88 bilion), kimia dan produk kimia (RM2.65 bilion), kelengkapan saintifik dan pengukuran (RM2.41 bilion), teknologi pengangkutan (RM1.55 bilion) dan pemprosesan makanan (RM1.31 bilion).

PRC merupakan sumber FDI tertinggi untuk Malaysia pada tahun 2019 menerusi pelaburan sebanyak RM15.30 bilion, diikuti oleh Amerika Syarikat (RM14.23 bilion), Singapura (RM5.61 bilion), Taiwan (RM5.24 bilion) dan Jepun (RM3.79 bilion).

Pelaburan domestik membentuk 34.9 peratus atau RM28.84 bilion daripada jumlah pelaburan dan lebih tinggi tertumpu dalam projek-projek baharu menerusi RM17.98 bilion atau 62.3 peratus, sementara baki 37.7 peratus atau RM10.86 adalah projek pembesaran/pelbagai. Industri yang diterajui oleh pelabur-pelabur domestik adalah tertumpu dalam teknologi pengangkutan menerusi pelaburan sebanyak RM6.50 bilion, diikuti oleh produk elektrikal dan elektronik (RM3.86 bilion), produk mineral bukan logam (RM2.55 bilion), pemprosesan makanan (RM2.49 bilion), kimia dan produk kimia (RM2.10 bilion), produk petroleum (termasuk petrokimia) (RM2.07 bilion), jentera dan peralatan (RM1.58 bilion), produk getah (RM1.56 bilion), produk berasaskan plastik (RM1.55 bilion), produk fabrikasi logam (RM1.35 bilion) serta kertas, pencetakan dan penerbitan (RM1.07 bilion).

## **Pelaburan Terus Dikuasai Sektor Perkhidmatan**

Secara keseluruhan, sektor ini telah mengkalkan posisi sebagai penyumbang terbesar pelaburan,

melebihi separuh daripada jumlah pelaburan keseluruhan yang diluluskan negara pada tahun 2019. Pelaburan yang diluluskan ini meliputi RM118.10 bilion menerusi 4,087 projek, berbanding RM106.07 bilion (4,234 projek) yang direkodkan pada tahun 2018. Projek-projek ini dijangka akan menjana 44,811 peluang pekerjaan. Daripada jumlah ini, 79.1 peratus atau RM93.44 bilion disumbang oleh pelaburan domestik, sementara baki 20.9 peratus atau RM24.66 bilion merupakan pelaburan asing. Walau bagaimanapun, pelaburan asing menunjukkan kenaikan yang ketara sebanyak 53.4 peratus berbanding RM16.08 bilion pada tahun 2018.

**Secara keseluruhan, sektor ini telah mengkalkan posisi sebagai penyumbang terbesar pelaburan, melebihi separuh daripada jumlah pelaburan keseluruhan yang diluluskan negara pada tahun 2019**


Sejumlah besar pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkhidmatan adalah dalam subsektor harta tanah menerusi pelaburan bernilai RM40.85 bilion, diikuti oleh utiliti (RM32.58 bilion), pertubuhan global (RM11.75 bilion), perdagangan pengedaran (RM11.70 bilion) dan perkhidmatan sokongan (RM5.66 bilion). Secara keseluruhan, lima subsektor ini menyumbang 88.6 peratus kepada jumlah pelaburan keseluruhan yang diluluskan dalam sektor perkhidmatan pada tahun 2019.

## **Pelombongan Mengungguli Sektor Utama**

Sektor utama menyaksikan sejumlah 65 projek telah diluluskan pada tahun 2019 dengan pelaburan sebanyak RM7.03 bilion, penurunan 35.5 peratus berbanding RM10.91 bilion pada tahun 2018. Daripada jumlah ini, RM3.82 bilion

(54.4%) adalah pelaburan asing, manakala pelaburan domestik menyumbang sebanyak RM3.21 bilion (45.6%). Projek-projek ini dijangka akan menjana 1,026 peluang pekerjaan. Subsektor perlombongan merupakan penyumbang terbesar menerusi 38 buah projek dengan nilai pelaburan yang diluluskan sebanyak RM6.60 bilion, disusuli perladangan dan komoditi dengan RM291.40 juta, manakala yang selebihnya adalah dalam subsektor pertanian.

### Pelaburan Domestik berbanding Asing mengikut Sektor Tahun 2019



### Pelaburan Swasta (GFCF)

Berdasarkan Pembentukan Modal Tetap Kasar (GFCF), pelaburan swasta di Malaysia pada tahun 2019 mencatatkan jumlah RM251.98 bilion berbanding RM245.71 bilion yang direkodkan pada tahun 2018, kenaikan sebanyak 2.6 peratus.

Berdasarkan peningkatan dalam pertumbuhan keseluruhan ini, ternyata Malaysia berada di landasan yang betul untuk mencapai purata pertumbuhan sebenar pelaburan swasta sebanyak 6.1 peratus menjelang tahun 2020, sasaran yang digariskan oleh RMK-11.

**Berdasarkan Pembentukan Modal Tetap Kasar (GFCF), pelaburan swasta di Malaysia pada tahun 2019 mencatatkan jumlah RM251.98 bilion berbanding RM245.71 bilion yang direkodkan pada tahun 2018, kenaikan sebanyak 2.6 peratus**

## Seiring Bersama APEC 2020

Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) merupakan sebuah forum ekonomi serantau yang ditubuhkan pada tahun 1989 dan dianggotai oleh 21 ekonomi pada masa ini. Pembentukan ini bertujuan untuk memanfaatkan peningkatan kesalingbergantungan di rantau Asia Pasifik dengan matlamat utama untuk mempromosikan perdagangan bebas dan pembangunan lestari di kalangan ekonomi-ekonomi Lingkungan Pasifik.

Malaysia merupakan salah satu anggota yang mengasaskan APEC bersama 11 ekonomi lain iaitu Australia, Brunei Darussalam, Kanada, Indonesia, Jepun, Republik Korea, New Zealand, Filipina, Singapura, Thailand dan Amerika Syarikat. Sementara Republik Rakyat China, Hong Kong SAR dan Taipei China menyertai APEC pada tahun 1991, diikuti oleh Mexico dan Papua New Guinea pada tahun 1993. Seterusnya, Chile menyertai APEC pada tahun 1994, disusuli oleh Peru, Rusia dan Vietnam pada tahun 1998 yang menjadikan jumlah anggota APEC sebanyak 21 ekonomi.

Penganjuran APEC 2020 oleh Malaysia adalah tepat pada waktunya untuk membantu negara dalam merangka matlamat yang menentukan agenda perdagangan dan pelaburan di rantau Asia Pasifik. Di samping itu, APEC 2020 juga akan menilai pencapaian Deklarasi Bogor yang telah dipersetujui oleh ahli-ahli APEC semasa mesyuarat di Bogor, Indonesia pada tahun 1994 yang menggalakkan perdagangan serta pelaburan bebas dan terbuka di rantau ini menjelang tahun 2020.

Tema APEC Malaysia 2020 - “Mengoptimumkan Potensi Insan ke Arah Masa Hadapan yang Membawa Kemakmuran Bersama”, bukan sahaja menekankan matlamat-matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 oleh Kerajaan tetapi turut membangkitkan isu-isu sosio-ekonomi yang timbul sejak kebelakangan ini di seluruh dunia, terutamanya di rantau Asia Pasifik.

Tema APEC 2020 menekankan keperluan untuk menambahbaik naratif perdagangan dan pelaburan di rantau ini; menggalakkan penyertaan ekonomi yang lebih inklusif melalui ekonomi digital dan teknologi; dan memacu kelestarian inovatif. Ini adalah berdasarkan pengalaman Kerajaan dalam merangka polisi negara sepanjang setahun yang lalu dalam usaha mencari penyelesaian terhadap isu-isu sosio-ekonomi domestik. Kerajaan berharap agar persidangan ini dapat menjadi platform kepada anggota-anggota APEC untuk mengetengahkan inisiatif yang lebih inklusif agar perdagangan dan pelaburan bukan sekadar menjana kekayaan dan pekerjaan tetapi juga pendekatan yang lebih holistik bagi menjamin kesejahteraan sosial.

Tahun 2020 merupakan kali kedua Malaysia menganjurkan persidangan ini dalam tempoh 22 tahun. Kerajaan akan mengadakan 120 mesyuarat pelbagai peringkat di seluruh negara sepanjang tahun 2020 yang melibatkan 16,000 delegasi. Sebagai Agensi Penggalakan Pelaburan utama di Malaysia, MIDA akan membantu syarikat-syarikat dalam kalangan ekonomi APEC menerusi pemanfaatan perniagaan, penganjuran program-program pembangunan kapasiti serta memanfaatkan platform ini untuk mempromosikan Malaysia ke seluruh dunia.

Bagi Malaysia, APEC adalah forum yang relevan kepada ekonomi-ekonomi di rantau ini bagi membincangkan isu-isu berkaitan perdagangan dan pelaburan. Gabungan 21 anggota APEC mempunyai pengaruh kuat dalam pasaran global yang menyumbang sebanyak 60 peratus KDNK global dan hampir

50 peratus perdagangan global. Sebagai bukti, kerjasama di kalangan anggota APEC telah berjaya mengurangkan purata tarif dari 17 peratus ke lima peratus.


Selain manfaat jangka pendek dari segi ekonomi terutamanya dalam industri pelancongan dan hospitaliti, faedah jangka panjang daripada persidangan ini bagi Malaysia adalah peluang untuk mengetengahkan kepentingan perniagaan-perniagaan Malaysia di forum serantau, di samping menggalakkan hubungan perdagangan dan pelaburan di kalangan rakan-rakan ekonomi serantau. APEC kekal penting kepada Malaysia memandangkan anggota-anggotanya menyumbang 80 peratus daripada jumlah perdagangan di negara ini, 70 peratus daripada pelaburan asing dalam sektor perkilangan, manakala 40 peratus jumlah pekerjaan yang diwujudkan adalah berkait secara langsung dengan aktiviti berkaitan eksport.

Persidangan APEC pada November 2020 akan mencatatkan pencapaian penting bagi forum tersebut terhadap ahli-ahlinya dalam meneruskan usaha untuk mencapai matlamat yang lebih inklusif terhadap rakyat dan rantau masing-masing. Sebagai pengajur persidangan ini, Malaysia memainkan peranan penting dalam merangka perancangan pasca 2020 bagi memastikan forum tersebut akan kekal relevan dan signifikan.



## ECRL Penambahbaikan Infrastruktur Sebagai Nadi Pertumbuhan

Pada 12 April 2019, Jabatan Perdana Menteri mengumumkan permulaan semula projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dan pemerataian Perjanjian Tambahan (SA) di antara Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. (MRLSB) dan China Communications Construction Company Ltd. (CCCC). SA ini adalah bagi menambahbaik perjanjian terdahulu memandangkan ECRL merupakan projek ekonomi yang penting kepada negara dalam usaha mencapai keseimbangan pembangunan di antara Pantai Timur dan Pantai Barat Semenanjung Malaysia serta merapatkan jurang ekonomi melalui pembangunan dan operasinya. ECRL sepanjang 640 kilometer ini akan menjadi pemangkin bagi sebilangan Projek



Laluan-laluan ECRL dan KTM

Pemacu Ekonomi (EAP) sebaik sahaja laluan rel yang menghubungkan Pantai Timur dengan Pantai Barat Semenanjung Malaysia ini siap dibina. ECRL dibina untuk menjadi “jambatan darat” di antara Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Kuantan yang dapat meningkatkan aktiviti-aktiviti perdagangan antarabangsa di Malaysia dengan melancarkan perjalanan kargo di antara Pantai Timur dan Pantai Barat Semenanjung, di samping membenarkan kemasukan perdagangan maritim alternatif yang membawa muatan kargo dan penumpang.

Laluan rel yang bermula dari Kota Bharu dan berakhir di Pelabuhan Klang ini akan melewati 20 stesen baharu merentasi Kelantan, Terengganu, Pahang, Negeri Sembilan, Putrajaya, dan Selangor. Ia dijangka dapat mengurangkan waktu perjalanan di antara Kota Bharu dan Putrajaya ke sekitar empat jam. ECRL juga akan bersambung dengan pelbagai perkhidmatan rel yang lain seperti Express Rail Link (ERL), Mass Rapid Transit 2 (MRT2), dan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB).

EAP yang dicadangkan turut melibatkan pembangunan infrastruktur bagi menjadi lokasi projek-projek pelaburan. Ini meliputi pembangunan taman-taman perindustrian di sekitar Pantai Timur dan Barat; hab-hab logistik di lokasi transit pengangkutan bagi menggalakkan kesalinghubungan dan pengangkutan barang; dan projek Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD) di stesen-stesen terpilih untuk menggalakkan projek pembangunan baharu dan pertumbuhan taman-taman perindustrian.


Menyedari kesan limpahan ekonomi dari ECRL dan jumlah trafik muatan rel yang boleh dicapai dengan meningkatkan aktiviti ekonomi di sepanjang koridor ECRL, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan CCCC telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) pada 25 April 2019 di Beijing untuk menjalin kerjasama dalam pembangunan taman-taman perindustrian, infrastruktur, hab-hab logistik dan Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD) di sepanjang koridor ECRL.

Majlis Menandatangani MoU tersebut telah disaksikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan Li Keqiang, Perdana Menteri Republik Rakyat China (PRC). CCCC akan terlibat dalam pembangunan EAP, di mana pertumbuhan ekonomi di sepanjang koridor ECRL akan menjadi tapak pertumbuhan pelbagai peluang pelaburan dan pekerjaan. Ini melengkapkan peranan MIDA dalam usaha menarik pelaburan-pelaburan berkualiti dengan menggalakkan pembangunan infrastruktur bagi menyokong ekosistem perkilangan dan perkhidmatan di Malaysia.

MIDA bersama CCCC akan mempromosikan EAP dengan menarik pelabur-pelabur berpotensi dari dalam dan luar negara untuk melabur dalam pelbagai projek EAP. MIDA juga akan memanfaatkan rangkaian luar negaranya termasuk tiga pejabat di Republik Rakyat China iaitu di Beijing, Shanghai dan Guangzhou untuk mempromosikan EAP kepada pelabur-pelabur dari negara tersebut dan lain-lain negara.

Satu pasukan khas di MIDA telah ditubuhkan untuk mempromosi, memudahcara dan memantau pelaksanaan EAP. Pasukan ini akan terlibat dalam menyusun strategi pelbagai pelan tindakan yang merangkumi aktiviti-aktiviti promosi dan sesi libat urus dengan pihak-pihak berkepentingan termasuk industri domestik. Sehingga kini, MIDA telah mengatur lebih daripada 80 perjumpaan dengan pihak-pihak berkepentingan meliputi Kerajaan Negeri, Kementerian dan Agensi berkenaan, persatuan perniagaan serta para pemaju bagi memastikan perkembangan dan kejayaan ECRL.

Infrastruktur EAP direka untuk merangsang pertumbuhan komersil, logistik, import dan eksport, serta aktiviti-aktiviti pembangunan pelancongan di sepanjang jajaran yang dicadangkan. Pembangunan EAP perlu selari dengan pembangunan ECRL, di mana kerjasama, penyelarasan dan usaha sama erat di antara agensi-agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan adalah diperlukan. Menerusi akses yang lebih baik ke pusat-pusat ekonomi di antara Pantai Timur dan Lembah Klang ini, projek-projek ECRL dan EAP dijangka akan dapat memacu pertumbuhan dan menyumbang manfaat kepada pengilang, pembekal, penyedia perkhidmatan, pelanggan, pelancong dan rakyat.



## 1.2 Inisiatif MIDA

# Merangsang Pelaburan di Malaysia

Kepelbagaiannya diperkuuhkan oleh sektor perkilangannya yang memainkan peranan penting dalam rantai global, manakala aktiviti domestik negara dikuasai oleh sektor perkhidmatan yang semakin menyerlah sejak dua dekad lalu. Sebagai agensi promosi pelaburan utama negara, MIDA terus menggalakkan pelaburan di kalangan pelabur-pelabur domestik dan asing bagi merangsang dan memperkuuhkan industri-industri utama negara dalam mengekalkan kelebihan daya saing ini.



## Strategi dan Inisiatif Pelaburan Transformasi Ekonomi Malaysia

Ketika pembentukan Malaysia pada tahun 1963, ekonomi negara masih lagi berasaskan sumber-sumber yang bergantung kepada aktiviti-aktiviti getah dan perlombongan bijih timah. Perusahaan kelapa sawit telah mula digalakkan sejak awal 1960an bagi tujuan kepelbagaian dan peralihan daripada getah dan bijih timah. MIDA telah ditubuhkan pada tahun 1967 selaras dengan dasar perindustrian negara bagi menerokai aktiviti-aktiviti perkilangan dalam bidang elektrikal dan elektronik.

Di antara tahun 1957 dan 2005, keluaran ekonomi Malaysia yang diukur melalui KDNK telah berkembang sebanyak 6.5 peratus setiap tahun, dengan prestasi memuncak dari awal 1980an sehingga pertengahan 1990an berdasarkan catatan purata KDNK hampir lapan peratus setiap tahun. Peningkatan pelaburan swasta asing dan domestik telah memainkan peranan yang penting dalam pemodenan dan kepelbagaian ekonomi negara. Kini, Malaysia telah dikenali sebagai negara berpendapatan pertengahan-atas menerusi kepelbagaian ekonomi yang berasaskan perkhidmatan dan perkilangan. Salah satu trend yang dapat diperhatikan kesan daripada pertumbuhan ekonomi ini adalah peningkatan pendapatan rakyat, penambahbaikan taraf kehidupan individu dan isi rumah serta pengurangan kadar kemiskinan.

Teras utama bagi transformasi ekonomi Malaysia adalah rancangan pembangunan ekonomi lima tahun yang dahulunya dikenali sebagai Rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaya Pertama yang dilaksanakan dari tahun 1955 - sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaya Kedua pula menyusul setelah Persekutuan Malaysia dibentuk, meliputi Sabah dan Sarawak. Dari tahun 1966 dan seterusnya, rancangan pembangunan ekonomi ini telah dikenali sebagai 'Rancangan Malaysia'; sehingga yang terbaru - Rancangan Malaysia Kesebelas bagi tahun 2016 hingga 2020.

Pertumbuhan sektor perkilangan dari tahun 1970an hingga awal 2000 telah membuka peluang pekerjaan

kepada ramai rakyat Malaysia dalam pelbagai subsektor. Pada masa yang sama, pertumbuhan aktiviti-aktiviti perkilangan dalam ekonomi yang tertumpu kepada pasaran eksport, turut menyumbang kepada pertumbuhan sektor perkhidmatan yang lebih berorientasikan domestik sehingga ke hari ini. Kini, Malaysia merupakan salah satu pengeksport terbesar dunia untuk komponen dan peranti semikonduktor, barang elektrik, panel solar serta produk teknologi maklumat dan komunikasi.

**Perusahaan kelapa sawit telah mula digalakkan sejak awal 1960an bagi tujuan kepelbagaian dan peralihan daripada getah dan bijih timah. MIDA telah ditubuhkan pada tahun 1967 selaras dengan dasar perindustrian negara bagi menerokai aktiviti-aktiviti perkilangan dalam bidang elektrikal dan elektronik.**

Sektor pertanian yang pernah mendominasi ekonomi negara didapati semakin mengecil, susulan aktiviti-aktiviti bernilai ditambah sektor perkilangan dan perkhidmatan yang semakin berkembang. Nisbah rakyat Malaysia yang bekerja dalam bidang pertanian merudum kepada 12.5 peratus pada tahun 2015, berbanding 52.8 peratus pada tahun 1970. Walaupun sektor perkilangan terus memainkan peranan penting dalam ekonomi, perkembangan peluang pekerjaan dalam sektor perkhidmatan didapati lebih pantas meningkat sejak tahun 2000 yang menunjukkan peningkatan kepelbagaian dalam sektor perkhidmatan dan ekonomi secara umumnya.

## Cabarutama

Sebagai organisasi yang berusia lebih separuh abad, keutamaan MIDA adalah untuk memastikan Malaysia dapat mencapai matlamat dan aspirasinya bagi mencapai kemakmuran yang dapat menjana manfaat dan kesan positif ke seluruh negara. Di dalam Bab Kelapan Rancangan Malaysia

Keselbas Merekaya Pertumbuhan Ekonomi untuk Peningkatan Kemakmuran, Kerajaan sedang bergerak bagi meningkat dan mengukuhkan pelaburan domestik negara melalui MIDA; agensi penggalakan pelaburan utama di Malaysia yang banyak memberi penekanan kepada pelaburan domestik menerusi pelbagai bentuk penglibatan dan fasilitasi kepada syarikat-syarikat domestik.

Memandangkan perdagangan dan pelaburan merupakan pemacu utama pertumbuhan ekonomi Malaysia, pelbagai strategi promosi dan inisiatif untuk menggalakkan pelaburan domestik telah digariskan sebagai pemangkin pertumbuhan sektor perkilangan dan perkhidmatan. Fasilitasi kepada syarikat-syarikat domestik telah dilaksanakan oleh MIDA bagi memudahkan pelaburan syarikat dalam projek baharu dan pembesaran, selain penekanan ke arah penggunaan teknologi-teknologi seiring Industri 4.0 bagi meningkatkan rantai nilai syarikat.

Selain itu, tumpuan turut diberikan kepada perusahaan kecil sederhana (PKS) tempatan memandangkan 98.5 peratus daripada penubuhan perniagaan terdiri daripada PKS yang menyumbang kira-kira 40 peratus kepada output ekonomi dan dua pertiga jumlah pekerjaan di Malaysia. Sehubungan itu, Kerajaan kekal komited menawarkan bantuan bersepada dalam bentuk program dan inisiatif yang disasarkan bagi membantu merangsang pertumbuhan, prestasi dan kelestarian PKS tempatan. Perniagaan-perniagaan ini perlu kekal berdaya saing dengan meningkatkan kapasiti dan kebolehan untuk menghasilkan pelbagai produk dan perkhidmatan yang berkualiti tinggi pada harga yang kompetitif menerusi penggunaan teknologi, penguasaan set kemahiran baharu seperti pemasaran dan promosi yang strategik dan pengurusan kewangan yang teratur.

## Agenda Pelaburan Domestik

Di antara usaha dan inisiatif penglibatan MIDA adalah penubuhan Platform Koordinasi Pelaburan Domestik (DICP) semenjak tahun 2018 bagi membantu para pereka dan usahawan teknologi di kalangan syarikat-syarikat tempatan termasuk PKS melalui kolaborasi dan usaha sama strategik

dengan pelbagai institusi kewangan, firma ekuiti dan penyedia teknologi bagi menghubungkan atau merapatkan jurang kewangan dan teknologi.

DICP menyediakan pelbagai perkhidmatan dan bantuan yang merangkumi pemandangan perniagaan, akses kepada sumber modal (hutang dan ekuiti), bantuan untuk penawaran awam awal serta koordinasi untuk menggalakkan penggabungan dan pengambilalihan, nyahlabur atau pengalihan. Setakat ini, lebih 200 syarikat perkilangan, perkhidmatan dan perladangan serta 50 rakan kongsi strategik teknologi dan pembiayaan di kalangan firma ekuiti dan modal teroka, firma penasihat kewangan korporat, agensi Kerajaan dan amanah pelaburan harta tanah telah memanfaatkan platform ini.

Dana Strategik Pelaburan Tempatan (DISF) di bawah MIDA merupakan satu lagi bantuan yang ditawarkan kepada syarikat-syarikat tempatan dalam industri disasarkan untuk meningkatkan keupayaan teknologi dan modal insan. Selain itu, Elaun Modal Automasi (ACA) yang telah diperkenalkan dalam Bajet 2015 adalah bagi menawarkan kemudahan dalam bentuk insentif cukai kepada syarikat untuk menaiktaraf automasi dan jentera.

**DICP menyediakan pelbagai perkhidmatan dan bantuan yang merangkumi pemandangan perniagaan, akses kepada sumber modal (hutang dan ekuiti), bantuan untuk penawaran awam awal serta penyelarasian untuk penggabungan dan pengambilalihan, nyahlabur serta pengalihan**

MIDA juga menjalin kerjasama dengan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) untuk meningkatkan pelaburan dalam syarikat-syarikat tempatan

yang berpotensi dan inovatif, terutamanya dalam sektor-sektor pertumbuhan tinggi. Penglibatan konglomerat-konglomerat tempatan ini akan menggalakkan jalinan perniagaan dan perkongsian idea yang sihat. Selain itu, MIDA turut menganjurkan siri Persidangan Rantaian Bekalan dengan objektif untuk menghubungkan rantaian bekalan di kalangan pemain tempatan untuk MNC.

Ibu pejabat MIDA di Kuala Lumpur dan 12 pejabat negerinya juga telah menubuhkan SME Investment Desk bagi memantapkan lagi inisiatif dalam membangunkan pelaburan domestik. Inisiatif ini disasarkan buat PKS sebagai pengantara untuk menghebahkan maklumat mengenai bantuan kewangan dan program pembangunan sedia ada. Ribuan program keterlibatan telah dilaksanakan menerusi rundingan meja bulat, sesi rangkaian dan program-program jangkauan.

Seminar pelaburan tempatan dan forum taman perindustrian juga terus diadakan secara berkala untuk berkongsi maklumat mengenai teknologi automasi, pembangunan bakat, bantuan pembiayaan dan akses pasaran dan lain-lain.

## Juara-juara domestik


Terdapat banyak kejayaan syarikat berdasarkan inisiatif dan program yang telah dilaksanakan ini seperti Globetronics Technology Berhad, pengeluar litar bersepadu yang ditubuhkan pada tahun 1991 dan tersenarai di Bursa Malaysia. Syarikat telah menerima bantuan menerusi DISF pada tahun

2012 dan kini telah memiliki fasiliti pengilangan di beberapa lokasi di sekitar Malaysia.

H.H Precision Mould Sdn Bhd, pakar pembuatan acuan suntikan plastik adalah satu lagi kisah kejayaan syarikat dalam sektor perkilangan. Syarikat telah merekodkan pertumbuhan yang mantap sejak ditubuhkan pada tahun 1985 melalui insentif pengurangan cukai yang diberikan oleh Kerajaan pada 1980an. Kini, syarikat tersebut merupakan pusat setempat yang mengeluarkan produk-produk acuan berkejituhan di sepanjang rantaian nilai.

Seterusnya adalah Elektro Serve (Malaysia) Sdn. Bhd., pengilang kelengkapan penjana kuasa yang merupakan penerima DISF pada tahun 2018. Di antara bidang pengkhususan syarikat adalah fasiliti pengujian muatan bersepadu untuk motor elektrik voltan tinggi (HV), generator HV dan pam-pam yang digunakan dalam industri minyak dan gas.

Selain sektor perkilangan, insentif-insentif yang ditawarkan turut dinikmati oleh pemain sektor perkhidmatan seperti Passion Republic Sdn. Bhd., syarikat studio animasi tempatan yang telah menghasilkan kandungan digital untuk syarikat-syarikat terkemuka seperti Sony, Microsoft Games, Warner Game Brooch dan Square Enix. Bantuan daripada MIDA telah membantu syarikat dalam pembesaran studio, pembinaan keupayaan R&D dan menawarkan kandungan berkualiti dalam industri permainan.





## Keperluan untuk Memanfaatkan teknologi

Masa hadapan adalah tertumpu kepada teknologi meliputi gaya hidup, persekitaran pekerjaan dan rekreasi yang sedang bergerak seiring transformasi Revolusi Perindustrian Keempat (4IR), dipacu oleh revolusi digital dan IoT.

Sektor dan industri ekonomi utama di Malaysia perlu bergerak seiring transformasi ini dengan memanfaatkan teknologi-teknologi terbaharu agar tidak ketinggalan. Sehubungan itu, bagi menyokong dan menggalakkan pengadaptasian teknologi-teknologi semasa di kalangan pemain sektor perkilangan, Dasar Kebangsaan Mengenai Industri 4.0 telah dilancarkan pada 31 Oktober 2018 bagi menggalakkan pelaburan dalam teknologi dan memastikan syarikat-syarikat domestik kekal berdaya saing.

Kerajaan juga telah menggalakkan lebih banyak pelaburan dalam teknologi menerusi pelbagai insentif yang telah diumumkan semasa Bajet 2019 dan Bajet 2020 seperti peruntukan geran padanan kepada 1,000 syarikat perkilangan dan 1,000 syarikat perkhidmatan. Tempoh pelaksanaan Elaun Modal Automasi (ACA) juga telah dilanjutkan ke tahun 2023 dan turut diperluas bagi

meliputi sektor perkhidmatan. Selain itu, Pusat Setempat Peningkatan Digital telah ditubuhkan di seluruh negara bagi memudahkan akses pembiayaan dan pembangunan kapasiti 4IR di kalangan PKS.

Masa hadapan juga memerlukan penekanan terhadap kepentingan untuk meningkatkan penyelidikan dan pembangunan serta inovasi selaras aspirasi Malaysia untuk menjadi hab perkilangan pilihan. Jalinan erat di antara sektor swasta dan institut penyelidikan awam/universiti perlu digalakkan dengan fokus untuk menghasilkan inovasi yang boleh dikomersilkan.

Dalam masa terdekat, Malaysia memerlukan lebih banyak kolaborasi strategik berbentuk ‘triple helix model’ yang menekankan interaksi dan perangkaian di antara pihak universiti, Kerajaan dan industri. Bagi menterjemahkan hasrat ini, setiap entiti perlu mengekalkan keutamaan bidang kepakaran masing-masing seperti berikut:

- Universiti menjadi sumber utama untuk menjana pengetahuan;
- Industri menjadi penggerak utama untuk pengkomersilan; dan
- Kerajaan mengekalkan peranan pengawalseliaan.

## Perancangan Strategik & Sokongan Terhadap Dasar

Sebagai agensi penggalakan pelaburan yang utama, MIDA terus memainkan peranan dalam advokasi dasar. Menerusi kerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan, pelbagai inisiatif telah dirangka bagi memastikan daya saing Malaysia dapat terus dipertingkatkan.

Setiap inisiatif adalah tertumpu kepada langkah untuk memanfaatkan pelbagai sumber dalam membantu sektor perkilangan dan perkhidmatan, memahami ketersediaan syarikat untuk menggunakan teknologi dan merangka pelan induk perindustrian baru.

### 1 Menyelaras Insentif dan Produktiviti

Sebagai agensi penggalakan pelaburan utama, MIDA menyokong sepenuhnya Pelan Tindakan Produktiviti Malaysia (MPB) yang telah dilancarkan pada 8 Mei 2017. MIDA menerajui salah satu inisiatif kebangsaan di bawah MPB untuk menerapkan sasaran produktiviti perusahaan dalam proses tuntutan geran, incentif cukai dan pinjaman mudah menerusi petunjuk prestasi utama dan pencapaian berperingkat bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan.

MIDA telah melaksanakan ‘Kajian Insentif Berkaitan Produktiviti bagi Sektor Perkilangan di Malaysia’ selama 11 bulan mulai Januari 2019 bagi mengukur indikator produktiviti yang boleh dihubungkan dengan incentif pelaburan. Kajian ini merupakan usaha sama di antara Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA), Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) serta lain-lain kementerian dan agensi yang berkaitan. Sepanjang tempoh kajian dari Januari ke November 2019, dua sesi keterlibatan dengan pihak berkepentingan telah diadakan melibatkan sektor awam dan swasta. Sebanyak 26 kementerian dan agensi yang berkaitan telah mengambil bahagian dalam sesi pertama, sementara 32 persatuan industri, dewan perniagaan dan syarikat pengilang dalam sesi kedua. Hasil kajian dan saranan yang terperinci, berserta cadangan garis panduan untuk agensi Kerajaan dan

pemain industri yang terlibat akan dilancarkan oleh MIDA pada suku pertama 2020, disusuli beberapa agensi-agensi yang lain menjelang suku kedua.

Selain itu, sejak tahun 2017 MIDA telah menjalankan kajian secara mendalam untuk memahami dan menganalisa tahap produktiviti pekerja dan pertumbuhan sektor perkhidmatan. Kajian tersebut melibatkan keterlibatan pelbagai pihak berkepentingan di kalangan agensi-agensi berkaitan seperti MEA, MPC, DOSM serta syarikat-syarikat perkhidmatan utama bagi memastikan kesesuaian dasar yang akan dirangka. Kajian tersebut dijangka selesai dan akan dilaksanakan menjelang suku pertama tahun 2020.

### 2 Menyelaras Modul Analisis Kos-Faedah (CBA) di antara IPA

Selaras dengan keputusan Kerajaan pada 8 Mei 2019, mekanisme/prosedur semasa untuk penilaian dan kelulusan pelaburan telah dikemaskini. Keputusan ini juga melibatkan usaha pemerkasaan Jawatankuasa Nasional Mengenai Pelaburan (NCI) – rujuk kotak artikel di muka surat 70 yang bertajuk Pemerksaan Jawatankuasa Nasional Mengenai Pelaburan (NCI).

Usaha ini diterajui oleh MIDA menerusi penganjuran dua Bengkel Analisis Kos-Faedah (CBA) bersama agensi-agensi penggalakan pelaburan (IPA) yang lain pada Oktober dan November 2019. IPA yang terlibat adalah Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC), Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA), Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDA), Pihak Berkuasa Pembangunan Koridor Serantau (RECODA), Bioeconomy Corporation Sdn. Bhd., Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC), Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), InvestKL Corporation serta wakil dari Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA).

Hasil daripada bengkel-bengkel tersebut telah dibentangkan di Jawatankuasa Nasional Mengenai Pelaburan I (NCI I) yang dipengerusikan secara bersama oleh Menteri MOF dan MITI pada 30 Januari 2020.

### **3 Industry4FWRD Penilaian Kesediaan dan Dana Intervensi**

Industry4FWRD: Dasar Kebangsaan mengenai Industri 4.0 yang diperkenalkan pada Oktober 2018 turut meliputi rangka kerja transformasi sektor perkilangan dan perkhidmatan berkaitan perkilangan (MRS) ke arah Industri 4.0. Rangka kerja ini melibatkan dua komponen: Penilaian Ketersediaan Industry4FWRD untuk membantu syarikat mengenalpasti jurang keupayaan dan merangka strategi-strategi untuk bergerak ke arah Industri 4.0, serta Dana Intervensi Industry4FWRD.

Setakat 31 Disember 2019, sebanyak 508 perusahaan kecil sederhana (PKS) telah dipilih daripada 849 permohonan untuk menjalani penilaian. Daripada jumlah ini, sebanyak 140 permohonan sedang di peringkat penilaian, manakala sejumlah 64 laporan penilaian telah disahkan oleh Jawatankuasa Teknikal Penilaian Kesediaan Industry4FWRD, di mana MIDA merupakan salah seorang ahlinya. Badan-badan yang menjalankan penilaian adalah SIRIM Berhad, Institut Robotik Automotif dan IoT Malaysia (MARii), dan MIMOS Berhad.

Sebagai agensi pelaksana Dana Intervensi Industry4FWRD, MIDA telah memuat naik garis panduan dan prosedur permohonan di laman web sebagai panduan bagi syarikat yang telah menerima laporan penilaian. Setakat 31 Disember 2019, MIDA telah menerima lebih daripada 30 permohonan untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Kelulusan Dana Intervensi Industry4FWRD di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Selain itu, MIDA turut terlibat dalam penyediaan Rangka Kerja Dasar Kebangsaan bagi Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) di bawah MEA bagi merancang Transformasi Digital Malaysia dalam sektor-sektor bukan perkilangan, terutamanya industri perkhidmatan dan utama. Projek yang sedang berlangsung ini dijangka akan memenuhi aspirasi negara dalam meningkatkan kesejahteraan rakyat.

### **4 Lanjutan Elaun Modal Automasi (ACA)**

Kerajaan terus menggalakkan penggunaan automasi di kalangan pengilang, terutamanya bagi industri berintensifkan buruh seperti produk getah, plastik, kayu, perabot dan tekstil yang menghadapi berkebergantungan tinggi kepada buruh asing berkemahiran rendah.

Untuk meningkatkan penggunaan automasi dalam sektor perkilangan, pelaksanaan Elaun Modal Automasi (ACA) yang mula diperkenalkan sejak tahun 2015 telah dilanjutkan sehingga tahun 2023, seperti yang diumumkan dalam Bajet 2020 (lihat Bab 6.3: Bajet 2020 – Perspektif MIDA di muka surat 118-123). Sejak 2015, MIDA telah menganjurkan lebih 50 program hebat di seluruh negara termasuk kerjasama dengan pelbagai agensi Kerajaan, persatuan industri, dewan perniagaan dan pihak-pihak berkepentingan yang lain.

Setakat 31 Disember 2019, sebanyak 245 syarikat pengilang dengan jumlah pelaburan lebih RM430 juta telah memanfaatkan insentif ACA untuk mengautomasi operasi dan proses pengeluaran. Secara purata, jumlah keseluruhan pengeluaran syarikat-syarikat ini telah meningkat kira-kira 180 peratus, selain peningkatan kualiti sebanyak 60 peratus. Insentif ini juga telah menyumbang kepada penjimatan kos sebanyak 53 peratus menerusi pengurangan kira-kira 3,600 pekerja tidak mahir.

### **5 Pelan Induk Perindustrian Terbaru**

Tempoh Pelan Induk Perindustrian Ketiga –pelan tindakan ekonomi yang menggariskan strategi pertumbuhan Malaysia dari tahun 2006-2020, telah menghampiri penghujung. Sehubungan itu, Pelan Induk Perindustrian Baharu (IMP Baharu), sedang dibangunkan meliputi fasa pertumbuhan seterusnya bagi tahun 2021-2030.

MIDA sedang berganding bahu dengan MITI dan MEA dalam merangka dasar-dasar kebangsaan



untuk sektor perkilangan dan perkhidmatan di bawah IMP Baharu selari dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (SPV2030) dan mengambil kira keperluan komuniti perniagaan dan para pelabur. Tumpuan akan diberikan kepada teknologi termaju dan industri kompleks, mengukuhkan daya saing pelaburan dan perdagangan, menggalakkan pembangunan industri yang lestari dan inklusif, membangunkan bakat bagi memenuhi keperluan industri dan memantapkan ekosistem.

## 6 Pematuhan Terhadap Amalan Percukaian Antarabangsa


MIDA bekerjasama rapat dengan MOF dan Lembaga Hasil Dalam Negeri bagi memastikan kepatuhan rejim percukaian Malaysia terhadap Forum on Harmful Tax Practices (FHTP) oleh Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD).

Malaysia telah mengambil langkah bagi menangani isu-isu yang dibangkitkan dalam pematuhan FHTP bagi sektor perkhidmatan seperti teknologi hijau dan R&D. Selaras dengan komitmen bagi menangani isu-isu yang mungkin timbul akibat perancangan cukai yang agresif dan pengelakan cukai oleh entiti-entiti multinasional,

Kerajaan telah berjaya melengkapkan satu lagi semakan ke atas insentif Hab Prinsipal berdasarkan arahan gazet yang telah dikeluarkan pada 19 Februari 2019.

Negara akan terus memantau dan menyemak semula kemudahan-kemudahan yang lain bagi meminimumkan kebocoran cukai, mengelakkan pemindahan keuntungan di antara negara dan menjamin persekitaran percukaian yang lebih berdaya saing untuk para pelabur di Malaysia.

MIDA bekerjasama rapat dengan MOF dan Lembaga Hasil Dalam Negeri bagi memastikan kepatuhan rejim percukaian Malaysia terhadap Forum on Harmful Tax Practices (FHTP) oleh Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)





# 2

## Prestasi Sektor Perkilangan

Kelembapan pertumbuhan pada tahun 2019 dapat disaksikan berdasarkan kemerosotan mendadak dan meluas dalam sektor perkilangan dan perdagangan global. Antara faktor-faktor yang menyumbang kepada senario ini adalah kadar tarif yang lebih tinggi dan ketidakpastian dasar perdagangan yang berlarutan. Ini telah menjelaskan pelaburan dan permintaan terhadap barang modal yang banyak diperdagangkan.

Sumber: *IMF World Economic Outlook*, Oktober 2019

## 2.1 Ringkasan Prestasi

# Melonjakkan Sektor Perkilangan

Dibayangi ketidakpastian ekonomi global, prestasi sektor perkilangan Malaysia pada tahun 2019 menyaksikan kemerosotan berbanding tahun 2018. Walau bagaimanapun, sektor ini masih mencatatkan peningkatan dalam jumlah pekerjaan berkualiti tinggi, terutamanya dalam bidang pengurusan, teknikal dan penyeliaan. Komitmen Kerajaan dalam menggalakkan pelaburan dan menambah baik proses kelulusan ternyata membawa hasil, di mana beberapa sektor telah merekodkan nilai pelaburan yang berganda dan pertumbuhan yang lebih mampan.



Sektor perkilangan memainkan peranan penting terhadap ekonomi negara maju dan membangun melalui sumbangan kepada hasil eksport dan penjanaan peluang pekerjaan, selain menggalakkan inovasi produk, peningkatan produktiviti dan perdagangan global.

Di peringkat global, industri perkilangan berdepan kesan negatif daripada konflik perdagangan di antara AS dan PRC. Berdasarkan jangkaan pakar-pakar ekonomi, konflik ini akan berterusan sekurang-kurangnya sehingga suku pertama tahun 2020. Selain itu, Brexit juga dikenal pasti sebagai salah satu faktor kemerosotan ekonomi global. Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) telah menurunkan unjuran pertumbuhan perdagangan global kepada 1.2 peratus bagi akhir tahun 2019 berbanding unjuran awal sebanyak 2.6 peratus pada April 2019.

Menurut Deloitte 2020 Manufacturing Outlook, trend perkilangan yang semakin mendapat perhatian adalah kebangkitan teknologi termaju berkaitan Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) seperti kecerdasan buatan (AI), pengkomputeran awan, analisis canggih, robotik dan perkilangan aditif. Faktor kelestarian turut mendapat perhatian para pengilang global seiring peralihan ke arah ‘ekonomi kitaran’.

Sektor perkilangan memainkan peranan penting dalam ekonomi Malaysia yang menyumbang lebih daripada 20 peratus KDNK negara dalam tempoh lima tahun yang lalu. Sehubungan itu, beberapa langkah telah diambil oleh Kerajaan dalam Bajet 2020 untuk menggalakkan pelaburan dalam sektor ini (rujuk muka surat 118-123 untuk maklumat lanjut). Antaranya adalah Elaun Cukai Pelaburan Khas untuk Industri Elektrikal dan Elektronik (E&E) sebanyak 50 peratus bagi menggalakkan pelaburan semula syarikat-syarikat E&E di Malaysia.

Pelabur-pelabur sedia ada dan baharu perlu memanfaatkan komitmen Kerajaan dalam melancarkan proses kelulusan projek-projek pelaburan serta pengurangan kos pengawalseliaan, termasuk penyusunan semula perundungan mengenai percukaian yang berkaitan insentif pelaburan. Selain itu, terdapat juga peruntukan dana buat pelabur asing dan domestik bagi menggalakkan pelaburan berkualiti tinggi yang dapat menaik taraf tahap teknologi sektor ini dan meningkatkan kedudukan pemain dalam rantai nilai global.

## Pencapaian Positif

Walaupun menghadapi tahun yang mencabar, Malaysia masih berjaya menarik sejumlah pelaburan yang sihat dalam sektor perkilangan. Pada tahun 2019, Malaysia merekodkan sebanyak RM82.73 bilion pelaburan dalam sektor perkilangan menerusi 988 projek yang diluluskan, atau 39.8 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan yang meliputi semua sektor ekonomi. Walau bagaimanapun, angka ini menunjukkan penurunan sebanyak 5.3 peratus berbanding RM87.38 bilion pada tahun 2018. FDI meliputi hampir dua pertiga daripada jumlah pelaburan yang menyumbang sebanyak RM53.89 bilion (65.1%), manakala RM28.84 bilion atau 34.9 peratus disumbang oleh pelaburan domestik. Secara keseluruhan, projek baharu merangkumi 54.7 peratus daripada jumlah projek yang diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM45.0 bilion, manakala baki 54.3 peratus adalah projek pembesaran/pelbagaiyan yang berjumlah RM37.53 bilion. Daripada 988 projek ini, dijangka sebanyak 78,606 peluang pekerjaan akan terbentuk, 19,312 lebih tinggi berbanding 59,294 pada tahun 2018.

---


### Sorotan Sektor Perkilangan pada 2019

---

#### Pencapaian Keseluruhan



#### Projek Pembesaran/Pelbagaiyan berbanding Projek Baharu



## Dominasi Pelaburan Asing

Pada tahun 2019, pelaburan asing menunjukkan prestasi yang seimbang di antara projek-projek baharu dan pembesaran/pelbagai. Projek baharu menyumbang sebanyak 50.5 peratus kepada jumlah pelaburan atau RM27.23 bilion, manakala 49.5 peratus atau RM26.67 bilion adalah projek pembesaran/pelbagai. Majoriti FDI bertumpu dalam industri produk E&E (RM21.79 bilion - lebih dua kali ganda berbanding tahun 2018), diikuti oleh kertas, percetakan dan penerbitan (RM9.69 bilion - hampir dua kali ganda berbanding tahun 2018 iaitu RM4.99 bilion), produk mineral bukan logam, jentera dan peralatan (M&E) (RM2.88 bilion), kimia dan produk kimia (RM2.65 bilion), peralatan saintifik dan pengukuran (RM2.41 bilion), teknologi pengangkutan (RM1.55 bilion), dan pemprosesan makanan (RM1.31 bilion). PRC merupakan sumber FDI terbesar di Malaysia pada tahun 2019 dengan pelaburan sebanyak RM15.30 bilion, diikuti oleh AS (RM14.23 bilion – lebih empat kali ganda berbanding pelaburan pada tahun 2018 iaitu RM3.15 bilion), Singapura (RM5.61 bilion), Taipei-China (RM5.24 bilion) dan Jepun (RM3.79 bilion).


## Projek Baharu

### Pelopori Domestik


Kebanyakan pelaburan domestik pada tahun 2019 tertumpu dalam projek-projek baharu. Projek-projek ini menyumbang RM17.98 bilion atau 62.3 peratus daripada keseluruhan pelaburan domestik, sementara baki 37.7 peratus atau RM10.86 bilion adalah projek pembesaran/pelbagai. Industri tertinggi yang mempelopori pelaburan domestik adalah teknologi pengangkutan menerusi pelaburan sebanyak RM6.50 bilion, lebih enam kali ganda berbanding pelaburan pada tahun 2018 bernilai RM1.22 bilion. Ini diikuti oleh produk E&E (RM3.87 bilion), produk mineral bukan logam (RM2.55 bilion), pemprosesan makanan (RM2.49 bilion - hampir dua kali ganda berbanding tahun 2018 iaitu RM1.29 bilion), kimia dan produk kimia (RM2.10 bilion), produk petroleum (termasuk petrokimia) (RM2.07 bilion), M&E (RM1.58 bilion), produk getah (RM1.56 billion), produk plastik (RM1.54 billion), produk fabrikasi logam (RM1.35 billion) serta kertas, percetakan dan penerbitan (RM1.07 bilion).

## Pelaburan Asing Diluluskan berbanding Domestik dalam Sektor Perkilangan pada 2019


### Pelaburan Asing Diluluskan



### Sumber FDI Terbesar



### Pelaburan Domestik Diluluskan



### Kebanyakan Minat dari Pelabur Domestik



## Industri-Industri Tertinggi Pada 2019



## Pencapaian Industri

Industri produk E&E merekodkan jumlah pelaburan tertinggi yang diluluskan pada tahun 2019 (RM25.66 bilion), peningkatan yang ketara berbanding RM14.48 pada tahun 2018. Ini diikuti oleh kertas, percetakan dan penerbitan (RM10.75 bilion - hampir dua kali ganda berbanding tahun 2018), teknologi pengangkutan (RM8.05 bilion), produk mineral bukan logam (RM6.86 bilion - 181 peratus melebihi nilai tahun 2018), kimia dan produk kimia (RM4.75 bilion), produk getah (RM4.58 bilion), M&E (RM4.46 bilion) dan pemprosesan makanan (RM3.80 bilion). Lapan industri ini sahaja telah menyumbang sebanyak RM68.91 bilion atau 83.3 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan.

## Pelaburan RM1 bilion ke atas

Sejumlah 18 projek dengan pelaburan sekurang-kurangnya RM1 bilion telah diluluskan dalam sektor perkilangan dengan nilai pelaburan sebanyak RM40.94 bilion dan menyumbang 49.5 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan. 18 projek ini meliputi produk E&E (6 projek bernilai RM18.09 bilion), kertas, percetakan dan penerbitan (4 projek bernilai RM7.71 bilion), teknologi pengangkutan (2 projek bernilai RM4.10 bilion), produk bukan mineral (2 projek bernilai RM3.85 bilion), produk getah (1 projek bernilai RM2.89 bilion), M&E (1 projek bernilai RM1.79 bilion), peralatan saintifik dan pengukuran (1 projek bernilai RM1.51 bilion), dan produk petroleum

(termasuk petrokimia) (1 projek bernilai RM1.0 bilion). Sebagai perbandingan, sejumlah 16 projek dengan pelaburan sekurang-kurangnya RM1 bilion atau lebih telah diluluskan pada tahun 2018 dengan jumlah pelaburan sebanyak RM57.74 bilion dan menyumbang 66.1 peratus kepada jumlah pelaburan yang diluluskan.

## Pelaburan RM100 juta ke atas

Pada tahun 2019, sebanyak 108 projek dalam sektor perkilangan telah diluluskan dengan nilai pelaburan sekurang-kurangnya RM100 juta atau lebih, lebih 27 projek berbanding tahun 2018. Jumlah pelaburan dalam projek-projek ini meliputi RM66.58 bilion atau 80.5 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan.

## Penurunan Intensiti Modal (CIPE)

Intensiti Modal yang diukur berdasarkan nisbah pelaburan modal bagi setiap pekerja (CIPE) dalam projek-projek sektor perkilangan yang diluluskan pada tahun 2019 direkodkan sebanyak RM1,052,497, penurunan 28.6 peratus berbanding RM1,473,600 pada tahun 2018. Industri yang mencatatkan nisbah CIPE tertinggi adalah gas asli sebanyak RM4,140,449, diikuti oleh produk petroleum (termasuk petrokimia) (RM2,891,146) dan produk mineral bukan logam (RM2,091,164).

## Kekal Penyumbang Utama Eksport

Sektor perkilangan di Malaysia kekal menjadi penyumbang utama kepada pendapatan eksport negara. Persekitaran pelaburan yang menggalakkan di Malaysia telah menjadikan negara sebagai lokasi pelaburan menarik bagi pasaran global dan serantau. Pada tahun 2019, sejumlah 365 projek berorientasikan eksport telah diluluskan, di mana sekurang-kurangnya 80 peratus keluaran dicadangkan untuk eksport. Projek-projek ini melibatkan pelaburan berjumlah RM33.16 bilion, dikuasai pelaburan asing sebanyak RM24.58 bilion atau 74.1 peratus, manakala pelaburan domestik menyumbang kepada baki sebanyak RM8.58 bilion atau 25.9 peratus. Industri-industri utama yang dipelopori projek berorientasikan eksport ini adalah produk E&E (RM13.36 bilion daripada 108 projek), kertas, percetakan dan penerbitan (RM5.61 bilion

daripada 12 projek), dan produk mineral bukan logam (RM3.35 bilion daripada 19 projek)..

## Kumpulan Bakat

Projek-projek yang diluluskan pada tahun 2019 dijangka akan menjana sebanyak 78,606 peluang pekerjaan. Daripada jumlah ini, sejumlah 27,843 (35.4%) adalah dalam bidang pengurusan, teknikal dan penyeliaan, 9,545 (12.1%) pekerjaan berkemahiran dan 50,763 (64.6%) pekerjaan dalam bidang jualan dan perkeranian, pengendali jentera/mesin, pemasang dan lain-lain. Kebanyakan peluang pekerjaan yang diwujudkan adalah dalam produk E&E (22,936 pekerjaan), diikuti oleh produk getah (7,122 pekerjaan) dan kertas, percetakan dan penerbitan (6,587 pekerjaan).


Kerajaan juga terus meluluskan jawatan-jawatan ekspatriat, terutamanya dalam bidang pengurusan dan teknikal bagi syarikat milik tempatan dan asing. Sebanyak 1,167 jawatan ekspatriat telah diluluskan pada tahun 2019, di mana 271 daripadanya terdiri daripada jawatan utama yang boleh disandang secara tetap oleh rakyat asing. Sementara baki 896 adalah kelulusan jawatan bertempoh untuk tiga hingga lima tahun, di mana rakyat Malaysia perlu dilatih untuk mengambil alih jawatan tersebut.

## Projek-Projek Diluluskan


Bagi tahun 2019, majoriti projek yang diluluskan tertumpu di negeri Selangor (315 projek), Johor (209 projek) dan Pulau Pinang (166 projek), di mana sebanyak 690 atau




## Peluang Pekerjaan dalam Sektor Perkilangan pada 2019



Subsektor dengan Peluang Pekerjaan Tertinggi



## Projek Diluluskan mengikut Lokasi dalam Sektor Perkilangan pada 2019



69.8 peratus daripada projek yang diluluskan terletak di tiga negeri ini. Dari segi nilai, Selangor menyumbang jumlah pelaburan yang tertinggi sebanyak RM17.04 bilion, diikuti oleh Pulau Pinang (RM16.86 bilion), Kedah (RM11.48 bilion), Johor (RM11.46 bilion) dan Perak (RM6.59 bilion). Lima negeri ini menyumbang sebanyak 76.7 peratus daripada jumlah pelaburan keseluruhan yang diluluskan pada tahun 2019.


Dua pelaburan yang terbesar terletak di Pulau Pinang dan Kedah, di mana kedua-duanya merupakan projek pembesaran oleh syarikat milik asing yang sama dalam produk E&E (masing-masing berjumlah RM5.10 bilion). Manakala di Selangor, pelaburan terbesar adalah daripada projek baharu dalam produk E&E (RM3.38 bilion). Peningkatan pelaburan di Perak pula disumbang oleh satu projek pembesaran oleh syarikat milik majoriti asing dalam teknologi pengangkutan (RM2.60 bilion).

## Pelaksanaan Projek Perkilangan

Dengan penambahan 988 projek pada tahun 2019, jumlah projek perkilangan yang diluluskan dalam

tempoh lima tahun (2015-2019) adalah meliputi 3,809 projek. Daripada jumlah ini, kira-kira 2,794 projek telah dilaksanakan setakat ini dengan jumlah pelaburan modal sebanyak RM208.52 bilion. Daripada jumlah ini, sebanyak 2,593 projek telah memulakan operasi dan 201 projek adalah di peringkat pembinaan kilang dan pemasangan jentera. Sementara itu, sebanyak 103 projek dengan cadangan pelaburan sebanyak RM26.11 bilion telah memperoleh tapak untuk kilang dan selebihnya 729 projek (RM96.92 bilion) sedang di peringkat perancangan aktif. Pelaksanaan 832 projek-projek ini akan menyumbang jumlah pelaburan sebanyak RM123.01 bilion kelak setelah direalisasikan. Majoriti projek yang dilaksanakan dalam tempoh lima tahun ini adalah untuk mengeluarkan produk E&E, M&E, produk fabrikasi logam, kimia dan produk kimia, dan pemprosesan makanan. Setakat ini, Selangor mencatatkan bilangan projek tertinggi yang dilaksanakan, diikuti oleh Johor, Pulau Pinang, Kedah dan Perak.

## Projek Perkilangan Dilaksanakan (2015-2019)



## 2.2 Prestasi Mengikut Industri

# Perjalanan Industri

Teknologi canggih selaras dengan perkembangan Industri 4.0 terus memacu industri-industri perkilangan di Malaysia, di mana ekonomi kitaran dan pembangunan lestari turut menjadi keutamaan dalam usaha mengukuhkan kedudukan Malaysia di arena global.



## Produk Elektrikal dan Elektronik

Industri produk elektrikal dan elektronik (E&E) merupakan penyumbang tunggal terbesar bagi sektor perkilangan dan penjana eksport terbesar di Malaysia pada tahun 2019, menerusi eksport berjumlah RM372.67 bilion atau 44.7 peratus daripada jumlah keseluruhan produk perkilangan yang dieksport. Sejak beberapa dekad yang lalu, industri E&E telah berjaya menarik sejumlah besar pelaburan asing dan sekaligus menjana limpahan peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia.

Menurut Laporan Economic Impact Survey 2018/2019 oleh *Malaysian American Electronics Industry* (MAEI), sektor E&E Malaysia yang merupakan pengeksport ketujuh terbesar di dunia dan telah menjana lebih 100,000 peluang pekerjaan, telah bersedia untuk bersaing di peringkat dunia.

Lima destinasi eksport tertinggi Malaysia pada tahun 2019 adalah Singapura, Hong Kong, AS, PRC dan Jepun, di mana Singapura merekodkan jumlah tertinggi sebanyak 16.2 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport E&E bernilai RM60.42 bilion.

Para pengilang tempatan menyedari keperluan untuk bergerak seiring Industri 4.0 dan kepentingan untuk melabur ke arah pendigitalan bagi meningkatkan dan mengekalkan daya saing dalam landskap teknologi global yang pantas berubah. Kerajaan memainkan peranan dengan menggalakkan pengilangan pintar bagi menjamin pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan aktiviti perniagaan bernilai tinggi, seperti yang digariskan oleh dasar Indusry4WRD Malaysia yang diumumkan oleh mantan YAB Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad pada Oktober 2018.

Pelabur-pelabur yang berpotensi disarankan untuk membantu para pengilang Malaysia menerusi sumbangaan pembiayaan dan kepakaran, terutamanya dalam ekosistem perkilangan elektronik yang menjadi titik persilangan dengan industri perkilangan lain seperti kejuruteraan berkejituhan serta minyak & gas. Industri semikonduktor merupakan salah satu contoh terbaik bagi pengilangan pintar yang memainkan peranan secara keseluruhan untuk memaklum, mengawal dan mengautomasi.

Selain daripada usaha berterusan oleh Kerajaan dan pihak berkepentingan untuk menggalakkan transformasi teknologi industri, keutamaan turut diberi dalam usaha menyediakan kemampuan bekalan bakat yang terbaik dalam memenuhi peningkatan keperluan industri. Sasaran diletakkan untuk meningkatkan minat generasi muda terhadap Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Bakat-bakat ini bakal menyokong pembangunan industri E&E, di mana inovasi dan kepintaran insan merupakan asas utama dalam menjamin pertumbuhan yang berterusan.

Sebagai peneraju industri E&E di Malaysia, semikonduktor merupakan salah satu subsektor paling maju dalam aspek pengilangan, pengumpulan data, malah dari segi permintaan terhadap bakat-bakat terbaik dalam bidang kejuruteraan. Oleh yang demikian, negara memiliki pengalaman dan kepakaran yang meluas dalam pengilangan peranti semikonduktor, komponen penting bagi litar elektronik yang boleh ditemui dalam hampir semua peralatan elektrik, dari telefon pintar dan komputer sehingga ke mesin kopitiam.

Bagi meraih margin yang tinggi, syarikat-syarikat semikonduktor di seluruh dunia meletakkan peruntukan yang tinggi dalam inisiatif Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) bagi menambahbaik proses pengilangan, seterusnya merendahkan kos pengeluaran. Oleh itu, perbelanjaan R&D dan margin keuntungan di peringkat global dijangka akan meningkat dalam tempoh beberapa tahun akan datang. Pelabur-pelabur berpotensi boleh menjangkakan perkembangan positif berdasarkan jangkaan pakar-pakar terhadap kecerahan masa hadapan semikonduktor dalam tempoh yang terdekat ini. Sebagai contoh, Gartner and Statista menganggarkan jualan global semikonduktor akan meningkat kepada Kadar Pertumbuhan Tahunan Kompaun (CAGR) sebanyak 6.17 peratus dan menccah US\$503 bilion pada tahun 2020.

Potensi peluang pelaburan dalam industri ini meliputi R&D bagi inovasi baharu untuk meningkatkan rantai nilai industri, pembangunan bekalan bakat bagi pereka produk dan latihan pekerja bagi meningkatkan keupayaan dalam menangani isu-isu seperti perlindungan harta intelek (IP), pelesenan dan perbelanjaan R&D.

Menyedari kepentingan aktiviti inovasi dan rekaan dalam menjana pertumbuhan industri, MIDA terus menggalakkan syarikat-syarikat untuk menjalankan aktiviti rekaan dan pembangunan (D&D) dalam industri E&E.

Sebanyak 157 projek E&E dengan pelaburan berjumlah RM25.66 bilion telah diluluskan pada tahun 2019. Daripada jumlah ini, 42 merupakan projek baharu dengan pelaburan sebanyak RM7.09 bilion (27.6%), manakala 115 lagi adalah projek pembesaran/pelbagaiuan dengan pelaburan sebanyak RM18.57 bilion (72.4%). Projek-projek ini dijangka akan menjana 22,936 peluang pekerjaan dalam industri E&E.

Entiti-entiti asing mempelopori jumlah pelaburan terbesar menerusi RM21.79 bilion atau 84.9 peratus, manakala pelaburan domestik menyumbang RM3.87 bilion atau 15.1 peratus. Usaha syarikat-syarikat E&E sedia ada di Malaysia dalam membesar dan mempelbagaikan operasi membuktikan keyakinan berterusan terhadap persekitaran pelaburan negara.

Sumber pelaburan asing terbesar dalam industri ini adalah dari AS, Taiwan, Singapura, PRC dan Jepun. Kebanyakan pelaburan yang diluluskan adalah tertumpu dalam subsektor komponen elektronik, elektronik pengguna, elektronik industri, komponen elektrik dan produk elektrikal.

## Komponen Elektronik

Komponen elektronik menguasai perkongsian pelaburan terbesar dalam subsektor E&E sebanyak 54 peratus. Sejumlah 45 projek dengan pelaburan bernilai RM13.91 bilion telah diluluskan pada tahun 2019. Projek-projek yang diluluskan adalah bagi pengeluaran komponen elektronik seperti transistor, Diod Pemancar Cahaya (LED), pengawal mikro, peranti semikonduktor, dan pemasangan papan litar bercetak (PCB).

Secara umum, subsektor ini dipacu oleh pelaburan asing. Daripada jumlah pelaburan diluluskan, pelaburan asing menyumbang RM13.27 bilion atau 95.4 peratus daripada jumlah keseluruhan, manakala pelaburan domestik meliputi RM637.23

juta atau 4.6 peratus. Projek-projek dalam subsektor ini dijangka akan menjana 6,448 pekerjaan.

## Elektronik Pengguna

Sejumlah 28 projek telah diluluskan bagi elektronik pengguna pada tahun 2019 dengan jumlah pelaburan sebanyak RM6.18 bilion. Aktiviti-aktiviti teras dalam subsektor ini meliputi unit pembesar suara, amplifier untuk pembesar suara, sistem pembesar suara, jam catur dan peranti bluetooth. Aktiviti-aktiviti dalam subsektor ini dijangka akan menjana 4,111 pekerjaan.

## Elektronik Industri

Sebanyak 37 projek telah diluluskan dalam elektronik industri dengan pelaburan sebanyak RM2.39 bilion pada tahun 2019, di mana pelaburan asing menyumbang RM2.22 bilion dan pelaburan domestik sebanyak RM163.55 juta. Projek-projek ini dijangka akan menjana 7,041 peluang pekerjaan.

## Komponen Elektrik


Terdapat 21 projek telah diluluskan untuk subsektor ini pada tahun 2019 dengan jumlah pelaburan sebanyak RM2 bilion. Pelaburan asing subsektor ini meliputi RM1.10 bilion (55%), manakala pelaburan domestik berjumlah RM902.40 juta (45%). Pelaburan dalam subsektor ini dijangka akan menjana 2,384 peluang pekerjaan.

## Pelaburan E&E Diluluskan Tahun 2019


### Pelaburan Domestik berbanding Asing



### Projek Pembesaran/Pelbagaiuan berbanding Projek Baharu



## Pelaburan E&E Diluluskan mengikut Subsektor Tahun 2019



### Produk Elektrikal

Subsektor produk elektrikal menyaksikan kelulusan sebanyak 12 projek pada tahun 2019 dengan pelaburan berjumlah RM666.88 juta. Secara am, subsektor ini didominasi oleh FDI menerusi pelaburan sebanyak RM603.87 juta atau 90.6 peratus, manakala pelaburan domestik berjumlah RM63.01 juta atau 9.4 peratus. Projek-projek ini dijangka akan menjana 1,579 peluang pekerjaan.

Intel Malaysia merupakan lokasi pesisir luar yang pertama untuk Intel Corporation, di mana lebih RM22 bilion telah dilaburkan sejak tahun 1972. Hari ini, Intel Malaysia telah menggajikan lebih daripada 10,000 kakitangan yang turut meliputi meliputi pusat rekaan dan pembangunan (D&D) yang terbesar di negara ini dan salah satu dari dua hab perkhidmatan kongsi yang menyokong operasi HR, Kewangan, Perolehan, IT dan Rantaian Bekalan untuk lokasi-lokasi Intel di seluruh dunia. Intel Malaysia juga merupakan lokasi pemasangan dan pengilangan ujian terbesar yang mengeluarkan produk-produk terkini syarikat yang menggunakan pelbagai teknik pengilangan pintar.

Dalam tempoh 15 tahun akan datang, Intel dijangka akan melabur sebanyak RM10 bilion untuk membawa teknologi pemasangan dan pengujian yang tercanggih ke Malaysia. Pencapaian ini akan mencatatkan rekod baharu dalam sejarah pelaburan dan usaha sama syarikat ini di Malaysia sepanjang 48 tahun. Bagi sebahagian daripada pelaburan tersebut, Intel merancang untuk memulakan operasi kilang baharu yang canggih ini pada tahun semasa.

Salah satu projek baharu pada tahun 2019 adalah dari Micron Memory Malaysia Sdn. Bhd yang dimiliki oleh AS, melibatkan pembangunan dan pengeluaran pemacu keadaan pepejal (SSD), litar bersepdu memori (IC) dan modul memori. Micron dijangka akan menggajikan lebih 1,000 kakitangan untuk melancarkan fasiliti syarikat tersebut sepenuhnya di Pulau Pinang.

Selain itu, Plexus Manufacturing Sdn. Bhd. Dijangka akan melaksanakan projek pembesaran bagi perkilangan dan pengilangan semula papan litar bercetak (PCB) dan produk siap sepenuhnya untuk penggunaan pemproses mikro, telekomunikasi industri dan peranti perubatan. Tambahan pelaburan ini dijangka akan menjana sehingga 4,333 peluang pekerjaan baharu.

## Teknologi Pengangkutan

### Rel

Subsektor rel melibatkan syarikat-syarikat yang menjalankan aktiviti perekaan, pengilangan dan pemasangan rel serta penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO). Buat masa ini, terdapat lebih 30 syarikat terlibat dalam perekaan, pengilangan dan pemasangan produk berkaitan rel di Malaysia, sementara lebih 40 syarikat tempatan menjalankan MRO. Majoriti pengendali utama rel seperti Keretapi Tanah Melayu Berhad dan Rapid Rail Sdn. Bhd. melaksanakan kebanyakan aktiviti MRO secara dalaman.

Setakat ini, terdapat 25,000 pekerja dalam aktiviti-aktiviti berkaitan rel dan subsektor ini dijangka akan menggajikan 68,000 pekerja menjelang tahun 2030. Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), sebuah projek pembangunan rel sepanjang 640 km yang menghubungkan Pelabuhan Klang, Selangor dengan Kota Bharu, Kelantan telah diteruskan semula selepas penangguhan terdahulu. Projek ini dijangka akan memerlukan tenaga kerja yang terdiri daripada 70 peratus rakyat tempatan, peluang pekerjaan kepada kira-kira 23,000 rakyat Malaysia.

Selain daripada ECRL, projek-projek rel lain seperti Transit Aliran Ringan 3, Mass Rapid Transit Laluan 2 dan Landasan Berkembar Lembah Klang Fasa 2 juga telah disambung setelah beberapa langkah pengurangan kos dijalankan oleh Kerajaan. Projek Rel Berkelaian Tinggi (HSR) yang menghubungkan Malaysia dengan Singapura juga dijangka akan diteruskan dan diumumkan pada Mei 2020, selepas Singapura menangguhkan pembinaannya pada September 2018.

Menjelang tahun 2030, Kerajaan menetapkan matlamat agar subsektor rel Malaysia dapat menjadi perniagaan yang kukuh dan lestari dalam memenuhi keperluan pengangkutan rel negara. Malaysia disasarkan untuk menjadi pemain industri global yang berdaya saing menerusi penggunaan sumber dan teknologi asal negara ini yang optimum. Oleh kerana itu, inisiatif-

inisiatif ini disokong oleh Kerajaan bagi membantu syarikat-syarikat tempatan mara ke hadapan melalui pemindahan teknologi termaju.

Dua projek yang diluluskan pada tahun 2019 adalah projek pembesaran oleh syarikat-syarikat milik rakyat Malaysia dengan pelaburan bernilai RM115 juta. SMH Rail Sdn. Bhd akan menjalankan pengeluaran lokomotif dan gerabak kereta api untuk pasaran tempatan dan eksport, manakala Protech Master Coach Sdn Bhd menjalankan perekaan, pembangunan, pemasangan dan pengilangan gerabak monorel, sistem elektromekanikal dan kenderaan rel.

### Automotif

Dasar Automotif Nasional (NAP) telah mula diperkenalkan pada tahun 2006 selaras usaha transformasi dan integrasi industri automotif negara ke rangkaian industri serantau dan global yang kompetitif. Semakan semula NAP 2009 bertujuan untuk meningkatkan lagi keupayaan dan daya saing industri tersebut menerusi pembangunan persekitaran pelaburan yang lebih kondusif. Semakan semula NAP yang terakhir pada tahun 2014 tertumpu terhadap usaha untuk membangunkan Malaysia sebagai hab pengeluaran kenderaan tenaga efisien (EEV). Ini merangkumi pelbagai strategi dan langkah untuk mengukuhkan keseluruhan rantai nilai dalam industri automotif menerusi penekanan terhadap pemuliharaan alam sekitar, penjanaan pekerjaan berpendapatan tinggi, pemindahan teknologi dan mewujudkan peluang ekonomi baharu untuk syarikat-syarikat tempatan.


Industri automotif Malaysia merangkumi pengeluaran kenderaan bermotor iaitu kenderaan penumpang, kenderaan komersial, motosikal dan skuter, serta alat ganti dan komponen automotif. Subsektor automotif di Malaysia menawarkan ekosistem lengkap yang meliputi sektor sumber, perkilangan, perkhidmatan sokongan dan perkhidmatan pasca-jualan.

Sepanjang tahun 2019, subsektor automotif Malaysia telah mengeluarkan sebanyak 571,632 kenderaan bermotor yang meliputi 534,115 kenderaan penumpang dan 37,517 kenderaan komersial.


Sejumlah 604,287 kenderaan bermotor telah terjual termasuk 550,179 kenderaan penumpang dan 54,108 kenderaan komersial.

## Pelaburan Diluluskan dalam Industri Automotif Tahun 2019

Pelaburan Domestik berbanding Asing



Projek Pembesaran/Pelbagaiannya berbanding Projek Baharu



Industri automotif menyaksikan 53 projek diluluskan pada tahun 2019 dengan pelaburan bernilai RM5.50 bilion. DDI menyumbang sebahagian besar daripada pelaburan sebanyak 76 peratus atau RM4.18 bilion, sementara FDI menyumbang RM1.32 bilion atau 24 peratus. Projek-projek yang diluluskan ini dijangka akan menjana 3,467 pekerjaan. Daripada jumlah keseluruhan projek diluluskan, 18 merupakan projek baharu bernilai RM2.22 bilion atau 40.4 peratus daripada jumlah keseluruhan, sementara 35 adalah projek pembesaran/pelbagaiannya yang menyumbang RM3.28 bilion atau 59.6 peratus.

Syarikat kereta nasional pertama Malaysia, Perusahaan Otomobil Nasional Sdn. Bhd. (PROTON) telah memperbesarkan aktiviti dalam pengilangan dan pemasangan EEV dan komponen berkaitan di fasiliti baharu yang terletak di Tanjung Malim, Perak. Projek pembesaran ini telah bermula pada suku keempat tahun 2019 dengan pelaburan sebanyak RM2.6 bilion. Pengenalan produk EEV baharu oleh PROTON dijangka akan dilaksanakan melalui beberapa fasa dari tahun 2019 hingga 2023.

Projek pembesaran tersebut merupakan usaha sama di antara PROTON dan Zhejiang Geely Holding Group Co. Ltd (Geely) yang berpusat di PRC. Usaha sama ini tertumpu dalam pengilangan model-model baharu yang dilengkapi teknologi moden seperti powertrain cekap tenaga, sistem keselamatan yang diiktiraf peringkat antarabangsa dan ciri-ciri ketersambungan yang canggih. Selain itu, model-model sedia ada juga akan dinaiktaraf menerusi rekaan terbaharu dan spesifikasi teknikal yang terkini untuk menarik pelanggan menerusi peningkatan kepuasan pemanduan. Projek ini akan menjana 766 peluang pekerjaan tambahan dalam R&D dan operasi pengilangan. Usaha sama strategik berterusan di antara DRB-HICOM dan Geely di PROTON adalah perkongsian yang menguntungkan semua pihak berkepentingan bagi mencapai ekonomi skala, kecekapan operasi, pengoptimuman pelaburan serta pemindahan pengetahuan dan teknologi.

NAP 2020 telah dirangka untuk memantapkan NAP 2014 dan meneruskan pembangunan sektor automotif domestik dan keseluruhan ekosistem bagi merealisasikan Dasar Automotif Nasional.

Matlamat utama NAP 2020 adalah untuk membangunkan ekosistem teknologi NxGV bagi mengangkat Malaysia sebagai hab serantau bagi pengeluaran NxGV, meluaskan penyertaan industri dalam sektor MaaS, menggalakkan penerapan Industri 4.0 dalam industri, memastikan keseluruhan ekosistem memperolehi manfaat pelaksanaan NxGV dan mengurangkan emisi karbon kenderaan dengan meningkatkan efisiensi minyak kenderaan Malaysia menjelang tahun 2025.

## NAP 2020

### Kenderaan Generasi Baharu (NxGV)

- Sejenis kendaraan dengan status EEV dan mencapai sekurang-kurangnya automasi Tahap 3 (automasi bersyarat)



### Mobiliti sebagai Perkhidmatan (MaaS)

- Satu konsep integrasi pelbagai jenis perkhidmatan pengangkutan ke portal perkhidmatan mobiliti berpusat



### Industri 4.0

- Penggunaan aplikasi teknologi berkaitan Industri 4.0 terutamanya AI, Big Data dan IoT akan membolehkan pelaksanaan NxGV dan MaaS



Memandangkan objektif semakan yang terbaru ini adalah untuk mengukuhkan industri automotif Malaysia dalam era transformasi industri digital, para pelabur yang berpotensi boleh memanfaatkan insentif khusus yang berkaitan usaha-usaha ini.

## Aeroangkasa


Industri aeroangkasa Malaysia telah berkembang sekitar purata lima peratus sepanjang 10 tahun yang lalu dan mewujudkan pelbagai pekerjaan berkemahiran tinggi, di mana aktiviti-aktiviti MRO merupakan bidang yang paling penting.

Di bawah Pelan Induk Industri Aeroangkasa Malaysia 2030, Kerajaan ingin menjadikan Malaysia sebagai negara aeroangkasa terbaik di Asia Tenggara yang memainkan peranan penting dalam pasaran global menjelang tahun 2030, dengan hasil keseluruhan sebanyak RM55.2 bilion. Sebanyak 32,000 pekerjaan berpendapatan tinggi disasarkan, berbanding 24,500 pekerja berkemahiran tinggi yang telah dicapai buat masa ini. Projek-projek di bawah pelan induk ini akan


menyumbang hasil sebanyak RM20.4 bilion untuk MRO, RM21.2 bilion pengilangan aero dan RM13.6 bilion perkhidmatan kejuruteraan dan perekaan menjelang tahun 2030. Kerajaan juga telah mengenal pasti industri ini sebagai salah satu daripada sektor strategik ‘3+2’ berdasarkan potensi pertumbuhan yang tinggi.

## Pelaburan Diluluskan dalam Industri Aeroangkasa Tahun 2019

### Pelaburan Domestik berbanding Asing



### Lebih daripada 200 Syarikat Aeroangkasa di Malaysia, Termasuk



Terdapat 130 syarikat yang terlibat dalam aktiviti MRO, 33 syarikat dalam pengilangan aero, 53 syarikat dalam pendidikan dan latihan, dan 11 syarikat dalam integrasi sistem serta kejuruteraan dan perekaan di Malaysia. Syarikat-syarikat ini terdiri daripada pemain industri antarabangsa dan tempatan dengan permintaan pasaran tinggi yang telah mempercepatkan pembangunan rantai nilai industri. Kejayaan syarikat-syarikat tempatan seperti SME Aerospace, CTRM Aero Composite, Airod dan Asia AeroTechnics membuktikan kemampuan syarikat yang bukan sekadar memenuhi, malah melangkaui permintaan OEM global yang ketat, seterusnya bertapak dalam rantai bekalan aeroangkasa global.

Berdasarkan unjuran pengeluaran 44,040 kapal terbang baharu di seluruh dunia oleh Boeing menjelang tahun 2038, pelbagai peluang boleh dimanfaatkan oleh pemain aeroangkasa di Malaysia memandangkan 17,390 daripada jumlah tersebut adalah dari pengilang-pengilang di Asia Pasifik. Menjelang tahun 2031, Asia Pasifik dijangka akan menjadi pasaran penerbangan terbesar di dunia yang meliputi satu pertiga daripada jumlah pengeluaran pesawat baharu. Perbelanjaan MRO di rantau ini juga dijangka akan berkembang pada kadar CAGR sebanyak 5.3 peratus, jauh melebihi purata global sebanyak 3.9 peratus. Menjelang tahun 2030, saham pasaran global untuk MRO dijangka akan mencecah US\$116 bilion. Oleh itu, Malaysia berada di kedudukan yang strategik untuk menguasai pasaran aeroangkasa rantau Asia Tenggara yang dinamik dan semakin menyerlah.

Di Asia Pasifik, pasaran penyumberan luar MRO didominasi oleh MRO enjin dan komponen kerana kebanyakan syarikat penerbangan menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan laluan dan berat secara dalaman. Perolehan subsektor MRO di Malaysia telah meningkat daripada RM4.3 bilion pada tahun 2009 kepada RM6.6 bilion pada tahun 2018.

Sebanyak tujuh projek telah diluluskan dalam subsektor aeroangkasa pada tahun 2019 dengan pelaburan bernilai RM2.07 bilion. Pelaburan asing menyumbang sebanyak RM226.57 juta atau 11 peratus, memandangkan majoriti kelulusan sebanyak RM1.85 bilion atau 89 peratus adalah daripada pelabur domestik. Projek-projek yang diluluskan ini dijangka akan menjana 582 pekerjaan baharu. Semua projek yang diluluskan ini adalah meliputi syarikat dalam subsektor pengilangan aeroangkasa yang memenuhi permintaan syarikat-syarikat Tahap 1 dan Tahap 2. Salah satu projek yang diluluskan adalah projek baharu oleh syarikat milik sepenuhnya rakyat Malaysia dengan usaha sama rakan kongsi teknologi dari Itali. Menerusi pelaburan bernilai RM1.61 bilion, syarikat akan menyediakan integrasi sistem bagi industri angkasa dan pemasangan satelit untuk sektor awam, syarikat telekomunikasi dan pengendali satelit angkasa.

Pada tahun 2019, MIDA telah meluluskan projek pembesaran oleh Airfoil Services Sdn. Bhd. (ASSB) yang merupakan perkongsian di antara MTU dan Lufthansa Technik untuk menjalankan aktiviti MRO bagi turbin tekanan rendah (LPT) dan bilah kompresor tekanan tinggi (HPC) untuk pelbagai jenis enjin. Pembesaran ini akan meluaskan fasiliti ASSB sehingga 5,200 meter persegi dan meningkatkan kapasiti pemberian daripada 650,000 kepada 900,000 jumlah alat ganti setahun menjelang tahun 2020. Ini membuktikan komitmen syarikat untuk mengukuhkan kedudukannya di Malaysia. Projek ini dijangka akan menawarkan 169 peluang pekerjaan berpendapatan tinggi untuk rakyat Malaysia. Selain itu, syarikat juga merancang untuk meningkatkan 200 pekerjaan lagi dalam tempoh tiga tahun akan datang yang akan menyumbang jumlah tenaga kerja keseluruhan sehingga 700 orang. Sementara itu, berdasarkan program perantis dalaman syarikat, ASSB telah menerima 124 perantis tempatan pada tahun 2018.

**Perolehan subsektor MRO di Malaysia telah meningkat daripada RM4.3 bilion pada tahun 2009 kepada RM6.6 bilion pada tahun 2018**

Syarikat-syarikat aeroangkasa Malaysia mencebur industri pesawat global menerusi perjanjian offset, usaha sama atau kerjasama strategik dengan MNC. Pelabur berpotensi dalam bidang ini boleh mempertimbangkan kerjasama dengan pemain industri tempatan bagi membina keupayaan dalaman dan mengurangkan kebergantungan kepada pakar teknikal asing dan sokongan pasaran eksport. Ini turut meliputi pelaburan dalam keupayaan infrastruktur yang melibatkan pembangunan dan pengekalan tenaga kerja berkemahiran tinggi. Bagi membangunkan tenaga kerja dan memastikan

pengetahuan dan kemahiran baharu dapat dikongsi bersama, MIDA menggalakkan usaha pembangunan modal insan dengan menghubungkan keperluan industri dan akademia. Setakat ini, lebih 30 institusi pendidikan di Malaysia telah menawarkan kursus berkaitan penerbangan di peringkat diploma dan ijazah bagi melahirkan graduan yang bersedia untuk industri tersebut. Di antara institusi yang terlibat adalah Universiti Putra Malaysia, UniKL, Universiti Teknologi Malaysia, dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

## Pembinaan dan Pembaikan Kapal

Pembinaan dan pembaikan kapal (SBSR) merupakan industri strategik di Malaysia yang disokong oleh Kerajaan menerusi Pelan Induk Perindustrian, Pelan Strategik Industri Pembinaan dan Pembaikan Kapal Malaysia 2020 (SBSR 2020) dan Pelan Induk Perkapalan Malaysia 2017-2022. SBSR merangkumi aktiviti pengilangan pelbagai jenis kapal serta aktiviti pembaikan kapal termasuk perekaan, penggantian dan penaiktarafan kapal, dan pengilangan peralatan marin.

Malaysia telah diiktiraf di peringkat global berdasarkan rangkaian luas fasiliti dan kapal di pesisir dan luar pesisir yang menawarkan perkhidmatan penggantian termasuk pembaikan kapal LNG dan pengeringan limbungan. Terdapat kira-kira 100 limbungan kapal di seluruh negara yang mampu mengeluarkan kapal sehingga 120 meter panjang serta membaiki kapal sehingga 450,000 ton berat mati (DWT) dengan keupayaan untuk mengangkat kapal sehingga 50,000 DWT.

Kebanyakan limbungan kapal yang terletak di sekitar Sibu dan Miri, Sarawak adalah khusus bagi pembinaan dan pembaikan kapal bersaiz kecil hingga sederhana seperti kapal tunda, kapal sokongan luar pesisir (OSV), tongkang, pengendali sauh dan bot penumpang. Sementara di Semenanjung Malaysia, limbungan kapal di Pantai Barat adalah tertumpu kepada pembinaan dan pembaikan kapal tentera laut/ peronda dan fabrikasi struktur luar pesisir, manakala Pantai Timur adalah bagi kapal perikanan.

Eksport peralatan pengangkutan marin menurun sebanyak 36 peratus kepada RM952.2 juta bagi

tahun 2019 berbanding RM1.3 bilion pada tahun 2018. Kebanyakan peralatan pengangkutan maritim seperti kapal ringan, kapal korek, dok terapung dan kapal kargo dieksport ke Thailand, Singapura, Qatar, Indonesia, Australia, New Zealand dan AS.

Empat projek telah diluluskan dalam industri SBSR pada tahun 2019 dengan jumlah pelaburan sebanyak RM357.20 juta. Dua daripadanya merupakan projek baharu dengan pelaburan sebanyak RM303 juta dan dua lagi adalah projek pembesaran. Keempat-empat projek merupakan milik sepenuhnya rakyat Malaysia dan dijangka akan menjana 91 pekerjaan baharu. Pelaburan dalam industri ini dipacu oleh permintaan terhadap kapal-kapal pertahanan, keselamatan dan komersial.

Salah satu dari projek ini adalah dari Gading Marine Industry Sdn. Bhd. (sebelum ini dikenali sebagai Gading Marine Engineering (M) Sdn. Bhd.) dengan pelaburan sebanyak RM203 juta untuk membina kapal-kapal canggih untuk sektor pertahanan/keselamatan marin negara.

Bagi memastikan kelestarian dan daya saing yang berterusan, industri SBSR tempatan sedang bersiap sedia untuk memperkuatkannya model perniagaan seiring perkembangan Industri 4.0. Kerajaan memberi tumpuan terhadap kemajuan teknologi dalam perekaan kapal bagi menggalakkan aktiviti SBSR bernilai ditambah. Oleh itu, beberapa strategi telah digarisukkan meliputi pengukuhan rangka kerja untuk membangunkan tenaga kerja yang berkecakapan teknologi. Asia Marine Design Centre (AMDeC) telah ditubuhkan dengan objektif untuk memantapkan industri SBSR negara dengan menerajui pembangunan dan peningkatan keupayaan dalam perekaan marin.

MIDA terlibat secara aktif dengan Association of Marine Industries of Malaysia (AMIM) untuk menyemak semula dasar SBSR. MIDA juga merupakan ahli tetap Majlis Penasihat di bawah Majlis Perkapalan dan Pelabuhan Nasional (NSPC) yang ditubuhkan di bawah Kementerian Pengangkutan, dengan objektif untuk mengukuhkan sektor pengangkutan maritim Malaysia. MIDA akan terus bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan, pemain industri dan pihak

antarabangsa bagi menyediakan infrastruktur sokongan yang diperlukan dan memudahcara pelaburan dalam industri ini.

Unjuran terhadap industri SBSR didapati optimistik berdasarkan pemulihan dalam pengeluaran O&G dan projek-projek penggerudian luar pesisir. Tinjauan Aktiviti Petronas 2020-2022 menunjukkan terdapat permintaan yang stabil terhadap OSV dalam bentuk bot bekalan tunda pengendali sauh, di mana hampir 150 kapal diperlukan dalam semua kategori berat, 70 bot laju anak kapal, 56 kapal bekalan platform/lurus dan 30 kapal pendarat dan lain-lain. Selain itu, pertumbuhan juga dijangka dalam pembinaan kapal perikanan, di mana jumlah pasaran eksport didapati telah meningkat lebih 10 peratus pada tahun 2019.

## **Industri Jentera dan Logam Jentera dan Kelengkapan**

Berdasarkan kepentingan sumbangannya yang merentasi sektor utama, perkilangan dan perkhidmatan, industri Jentera dan Kelengkapan (M&E) merupakan kunci yang memacu pembangunan ekonomi dan kemajuan teknologi di Malaysia. Subsektor ini menawarkan teknologi penting dan sofistikated yang menyumbang ke arah penciptaan pelbagai produk inovatif melibatkan integrasi elektronik, bahan termaju dan perisian. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, industri M&E telah berkembang ketahap membanggakan yang diiktiraf oleh pengilang-pengilang proses terkhusus dan kelengkapan automasi global, terutamanya dalam industri E&E di rantau ASEAN. Subsektor ini didominasi oleh SME yang menawarkan produk terkhusus dan pengilangan menyeluruh, dari peringkat rekaan dan pembangunan sehingga pengedaran dan logistik. Syarikat-syarikat penyedia penyelesaian keseluruhan ini telah berupaya memenuhi keperluan tinggi industri dari dalam dan luar negara.

Malaysia mempunyai beberapa pemain industri yang ternama termasuk 120 syarikat besar yang mampu mengeluarkan sistem pengendalian automatik sepenuhnya yang canggih dengan penggunaan robotik pintar dan komunikasi Mesin-ke-Mesin (M2M). Di antara syarikat global yang terkenal


dalam industri ini adalah seperti Vitrox, SRM Integration, Visydynamics dan Walta Group yang telah bertapak sehingga kini di Malaysia.

RMK-11 telah meletakkan industri M&E sebagai salah satu daripada subsektor pemangkin ‘3+2’ bagi sektor perkilangan. Kerajaan berterusan menambahbaik strategi bagi menggalakkan pertumbuhan industri ini selaras dengan usaha dalam meluaskan penggunaan teknologi-teknologi terkini. Komitmen ini juga seiring dengan inovasi teknologi yang digalakkan oleh ekonomi lebih maju seperti AS, Eropah, Jepun dan Taipei-China yang terus menjadi peneraju dalam pasaran M&E global. Teknologi-teknologi yang menjadi teras Industri 4.0 seperti IoT dan pengilangan pintar telah meningkatkan produktiviti, kecekapan dan kelestarian di kalangan ekonomi-ekonomi global ini, di mana sasaran yang sama akan dicapai oleh Malaysia.

Syarikat-syarikat M&E di Malaysia sedang giat beralih dari pengilangan kontrak ke arah Pengilang Peralatan Asal (OEM) menerusi pelaburan yang signifikan dalam R&D, rekaan kejuruteraan, inovasi dan integrasi sistem. Menerusi peningkatan keupayaan dan penglibatan aktif dalam aktiviti bernilai lebih tinggi di seluruh ekosistem, syarikat-syarikat Malaysia telah memperoleh pengiktirafan antarabangsa dan menempatkan diri dalam rantaian bekalan global, seterusnya mengukuhkan kedudukan Malaysia dalam ekonomi global.

**Syarikat-syarikat M&E di Malaysia sedang giat beralih dari pengilangan kontrak ke arah Pengilang Peralatan Asal (OEM) menerusi pelaburan yang signifikan dalam R&D, rekaan kejuruteraan, inovasi dan integrasi sistem**

## Pelaburan dalam Projek Diluluskan untuk Industri Jentera & Kelengkapan (M&E) mengikut Subsektor Tahun 2019



Sebanyak 99 projek M&E telah diluluskan pada tahun 2019 dengan pelaburan bernilai RM3.64 bilion. Daripada jumlah ini, 60 adalah projek baharu bernilai RM2.96 bilion, meliputi 81.3 peratus jumlah pelaburan keseluruhan, manakala 39 adalah untuk projek pembesaran/pelbaian dengan pelaburan sebanyak RM685 juta atau 18.7 peratus. Majoriti pelaburan sebanyak 78 peratus atau RM2.84 bilion terdiri daripada sumber asing dan pelaburan domestik menyumbang baki sebanyak RM801.91 juta atau 22 peratus. Projek-projek ini dijangka akan menjana 3,894 peluang pekerjaan.

Subsektor M&E khusus untuk industri tertentu merupakan penyumbang pelaburan terbesar pada tahun 2019. Subsektor ini menyaksikan pelaburan sebanyak RM2.52 bilion menerusi 31 projek, 19 merupakan projek baharu dengan pelaburan sebanyak RM2.09 bilion atau 82.9 peratus, sementara 12 adalah projek pembesaran/pelbaian dengan jumlah pelaburan RM433.80 juta atau 17.1 peratus. Kebanyakan pelaburan dalam subsektor ini dipacu oleh FDI menerusi pelaburan berjumlah RM2.19 bilion atau 86.9 peratus, manakala pelaburan domestik menyumbang RM331.21 juta atau 13.1 peratus.

Subsektor M&E perindustrian am berada di tempat kedua dari segi pelaburan diluluskan dalam tempoh

yang sama. Sebanyak 45 projek dengan pelaburan bernilai RM734.23 juta telah diluluskan, meliputi 30 projek baharu dengan pelaburan sebanyak RM586.36 juta atau 79.9 peratus dan 15 projek pembesaran/pelbaian dengan pelaburan berjumlah RM147.87 juta atau 20.1 peratus. Pelaburan domestik dalam subsektor ini mencatatkan RM305.39 juta atau 41.6 peratus, manakala pelaburan asing berjumlah RM428.84 juta atau 58.4 peratus.

Pelaburan yang diluluskan dalam subsektor modul jentera/kelengkapan atau alat ganti/komponen industri berada di tempat ketiga dengan pelaburan yang direkodkan sebanyak RM354.72 juta. Ia terdiri daripada sembilan projek baharu menerusi pelaburan sebanyak RM266.38 juta atau 75.1 peratus dan 10 projek pembesaran/pelbaian dengan pelaburan berjumlah RM88.34 juta atau 24.9 peratus. Pelaburan daripada sumber asing mencatatkan RM211.25 juta atau 59.6 peratus, manakala pelaburan domestik adalah RM143.47 juta atau 40.4 peratus.

Pelaburan yang diluluskan dalam subsektor M&E penjanaan kuasa berada di tempat keempat berdasarkan pelaburan sebanyak RM17.93 juta. Ini melibatkan satu projek baharu dengan pelaburan sebanyak RM10.15 juta atau 56.6 peratus daripada pelaburan dalam subsektor ini. Sementara satu

lagi projek adalah pembesaran/pelbagai dengan pelaburan berjumlah RM7.78 juta atau 43.4 peratus. Pelaburan daripada sumber asing mencatatkan RM3.28 juta atau 18.3 peratus, manakala pelaburan domestik mendominasi subsektor ini sebanyak RM14.65 juta atau 81.7 peratus.

Seterusnya, dua projek direkodkan dalam subsektor M&E kerja logam dan alat mesin, dan naik taraf atau pemulihan, menjana pelaburan sebanyak RM13.65 juta. Majoriti pelaburan ini terdiri daripada DDI.

Salah satu projek penting dalam industri M&E yang diluluskan adalah projek baharu oleh Eng Teknologi Sdn. Bhd., syarikat milik sepenuhnya rakyat Malaysia yang memanfaatkan proses pengilangan pintar untuk menggantikan operasi berintensifkan buruh. Projek selama tiga tahun ini akan tertumpu untuk mengurangkan jumlah buruh tidak mahir kepada separuh mahir dan meningkatkan jumlah pekerja teknikal dan berkemahiran tinggi di kalangan rakyat tempatan. Pelaburan bernilai RM161 juta ini akan menyaksikan peningkatan signifikan dari segi jumlah kakitangan pengurusan, teknikal dan penyeliaan daripada 26 peratus kepada 42 peratus. Jumlah peratusan tenaga kerja tempatan juga akan melonjak lebih tinggi daripada 38 peratus kepada 80 peratus apabila projek tersebut dilaksanakan sepenuhnya.

Projek tersebut akan memberi tumpuan terhadap automasi pengeluaran melalui pengurusan dan automasi lantai kedai digital, jaminan kualiti pintar dan pergudangan pintar. Proses perniagaan termasuk sumber manusia, kewangan, perancangan, IT dan jaminan kualiti akan turut diintegrasi dan didigitalkan. Keseluruhan kilang akan diintegrasikan sebagai platform daftar masuk tunggal bagi mengurangkan proses yang tidak produktif, mengoptimumkan data dan memperkasakan proses membuat keputusan. Melalui projek ini, kemahiran tenaga kerja tempatan sedia ada akan ditingkatkan dengan memanfaatkan teknologi Industri 4.0 seperti komunikasi M2M, penyelenggaraan prediktif, pengurusan rantai bekalan dan pengurusan data. Tujuan pemodenan ini adalah untuk membolehkan pengeluaran produk-produk baharu yang digunakan dalam kenderaan autonomi, ruang semikonduktor dan optik.

Satu lagi projek penting yang diluluskan adalah pelaburan sebanyak RM28.95 juta oleh EDA Malaysia Industries Sdn. Bhd., syarikat kejuruteraan Itali yang dinamik dan berpengalaman tinggi. Syarikat tersebut tertumpu untuk mengeluarkan sistem burn-in, perkhidmatan burn-in, dan litar burn-in untuk peranti semikonduktor dan produk elektronik bagi memenuhi keperluan industri semikonduktor front-end seperti ST Micro, ON Semi, Analog Devices dan Infineon. Syarikat tersebut merancang untuk melabur dalam R&D dan D&D, di mana 21 peratus daripada kakitangannya akan dikhususkan dalam pelbagai aktiviti R&D dan D&D. Syarikat juga akan menjalin kerjasama dengan universiti-universiti yang membuka peluang untuk memindahkan teori ke praktikal dengan pengalaman yang relevan untuk industri.

## Industri Sokongan Kejuruteraan

Sejak sekian lama, industri sokongan kejuruteraan (ESI) di Malaysia ternyata dinamik dan berdaya tahan seterusnya mampu menawarkan sokongan penting yang diperlukan dalam menggalakkan pertumbuhan sektor perlindungan dan perkhidmatan. Oleh itu, ESI boleh dianggap sebagai tunjang kepada semua industri yang menyediakan asas kukuh untuk pertumbuhan.

ESI juga telah berkembang seiring dengan pembangunan ekonomi negara. Malaysia telah diiktiraf di seluruh dunia atas keupayaan, kualiti pengeluaran yang konsisten dan penyampaian yang pantas dan dipercayai dalam pelbagai aktiviti kejuruteraan, terutamanya pemesinan jitu dan fabrikasi.

Keadaan ekonomi semasa menjadi cabaran buat pemain-pemain industri ESI di Malaysia, terutamanya dengan kemunculan negara-negara di rantau Asia Tenggara yang menawarkan bekalan buruh kos rendah dan berkemahiran rendah. Syarikat perlu mengekalkan daya saing dengan menghasilkan integrasi produk dan perkhidmatan yang bernilai ditambah tinggi, dengan fokus terhadap produk berjumlah rendah tetapi bercampuran tinggi, serta penekanan tehadap D&D, jaminan kualiti yang ketat dan penghantaran yang menepati masa. Sehubungan itu, syarikat-syarikat ESI boleh bersaing dalam

pasaran ceruk yang menawarkan margin lebih baik dengan penggunaan proses-proses yang berteknologi lebih maju.

Bagi tujuan tersebut, syarikat-syarikat ESI di Malaysia digalakkan untuk meningkatkan keupayaan dan kapasiti bagi mencapai rantai nilai yang lebih tinggi dalam ekosistem dengan menawarkan penyelesaian pengilangan keseluruhan untuk industri berteknologi tinggi seperti semikonduktor, M&E, perubatan, O&G dan aeroangkasa dalam memenuhi aspirasi Malaysia untuk menjadi lokasi pilihan untuk penyumberan luar global.

Pada tahun 2019, sejumlah 55 projek ESI telah diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM870.36 juta. 32 daripadanya adalah projek baharu yang bernilai RM626.64 juta atau 72 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan, sementara bakinya adalah 23 projek pembesaran/pelbagaiannya yang menyumbang pelaburan berjumlah RM243.72 juta atau 28 peratus. DDI meliputi RM558.90 juta atau 64.2 peratus, manakala FDI mencatatkan RM311.46 juta atau 35.8 peratus. Sebanyak 2,019 peluang pekerjaan dijangka akan diwujudkan.


Subsektor acuan, peralatan dan die menyumbang pelaburan berjumlah RM240.56 juta menerusi 16 projek. Terdapat 11 projek baharu dicatatkan dengan pelaburan sebanyak RM211.85 juta atau 88.1 peratus, sementara lima lagi adalah projek pembesaran/pelbagaiannya dengan pelaburan berjumlah RM28.71 juta atau 11.9 peratus. FDI direkodkan sebanyak RM141.06 juta atau 58.6 peratus daripada pelaburan, manakala DDI berjumlah RM99.50 juta atau 41.4 peratus.

Subsektor pemesinan pula berada di kedudukan seterusnya menerusi pelaburan bernilai RM341.65 juta atau 27 projek. 14 adalah projek baharu dengan pelaburan sebanyak RM196.93 juta atau 57.6 peratus, sementara 13 lagi adalah projek pembesaran/pelbagaiannya dengan pelaburan berjumlah RM144.72 juta atau 42.4 peratus. FDI direkodkan sebanyak RM36.91 juta atau 10.8 peratus, manakala DDI berjumlah RM304.74 juta atau 89.2 peratus.


Tujuh projek dalam subsektor kejuruteraan permukaan menyumbang pelaburan berjumlah RM166.74 juta. Ini terdiri daripada enam projek baharu dengan pelaburan sebanyak RM147.86 juta atau 88.7

### Pelaburan Diluluskan dalam Industri Sokongan Kejuruteraan mengikut Subsektor Tahun 2019


**Pelaburan Domestik berbanding Asing**



**Jumlah Pelaburan mengikut Subsektor**



**Projek Pembesaran/Pelbagaiannya berbanding Projek Baharu**



- Pemesinan
- Tuangan
- Acuan, Alat-Alat dan Dai
- Kejuruteraan Permukaan
- Jig dan Lekapan

peratus dan satu projek pembesaran/pelbaian dengan pelaburan berjumlah RM18.88 juta atau 11.3 peratus. FDI direkodkan sebanyak RM133.38 juta atau 80 peratus, manakala DDI berjumlah RM33.36 juta atau 20 peratus.



Subsektor tuangan mencatatkan pelaburan sebanyak RM109.26 juta menerusi empat projek pembesaran/pelbaian dan satu projek baharu yang kesemuanya dari sumber domestik. Sementara itu, subsektor jig dan lekapan mencatatkan RM12.14 juta jumlah pelaburan oleh satu projek pembesaran/pelbaian.

ESI kekal sebagai sektor yang penting dengan jumlah pelaburan diluluskan yang memberangsangkan pada tahun 2019. Kira-kira 70 peratus daripada projek diluluskan melibatkan produk-produk yang kompleks bagi menyokong industri berteknologi tinggi seperti peranti perubatan, aeroangkasa dan semikonduktor. Ini mencerminkan peralihan industri ke arah produk-produk berteknologi yang lebih canggih dan bernilai ditambah tinggi.

Pelaburan berbentuk bukan ekuiti yang melibatkan penyumberan luar operasi pemesinan kepada pihak ketiga telah menjadi trend meluas dalam pengeluaran antarabangsa. Syarikat-syarikat ESI Malaysia bertindak sebagai ‘Pusat Setempat’ yang menawarkan penyelesaian menyeluruh dan proses pengilangan dan perkhidmatan sepenuhnya kepada pelanggan. Produk-produk yang dikeluarkan oleh pemain industri sedang bergerak ke arah pengiktirafan antarabangsa agar dapat menawarkan alat ganti dan komponen di pasaran global dalam industri O&G, aeroangkasa, perubatan dan solar/fotovoltaik.

Bagi meraih saham yang lebih besar dalam pasaran penyumberan luar global yang pantas berkembang,

bilangan penyedia penyelesaian menyeluruh untuk pengilangan perlu ditingkatkan, terutamanya dalam industri berteknologi tinggi. Selain itu, usaha konsolidasi dan rasionalisasi syarikat-syarikat ESI Malaysia boleh mengembangkan lagi keupayaan pemain untuk menyokong pertumbuhan sektor perkilangan Malaysia yang sedang menuju ke arah aktiviti-aktiviti berteknologi tinggi, berintensifkan modal dan bernilai ditambah tinggi.

## Produk Logam Asas

Industri produk logam asas adalah penting untuk sektor ekonomi utama, terutamanya dalam subsektor pembinaan dan beberapa subsektor perkilangan lain seperti industri M&E, E&E dan peralatan pengangkutan. Industri produk logam asas meliputi keseluruhan rantaian bekalan dari aktiviti huluan, pertengahan dan hiliran yang melibatkan logam ferus (seperti besi dan keluli) serta bukan ferus. Tumpuan semasa industri ini adalah untuk memenuhi keperluan infrastruktur Malaysia, di mana kebanyakan pengeluaran dipelopori oleh produk panjang seperti bar dan rod dawai.

PRC terus menjadi pengguna tunggal yang terbesar pada kadar hampir separuh daripada pengeluaran keluli dunia walaupun terdapat penurunan permintaan yang dijangka pada tahun 2020. Sementara itu, permintaan dari seluruh dunia juga dianggarkan akan meningkat. Bagi pengilang-pengilang Malaysia, pengurangan kapasiti oleh PRC sehingga 150 juta tan metrik menjelang tahun 2020 serta pemansuhan relau aruhan lapuk pada tahun 2017 telah membolehkan pemain meraih semula bahagian pasaran. Ini dapat disaksikan berdasarkan pembangunan beberapa fasiliti relau bagas di Malaysia serta peningkatan penyumberan tempatan bagi produk/bahan keluli untuk pelbagai industri hiliran.

Pelaburan syarikat-syarikat keluli PRC juga telah mula tertumpu di ASEAN, terutamanya Malaysia, Indonesia dan Filipina. Sekiranya projek-projek keluli ini dilaksanakan sepenuhnya, kapasiti pengeluaran keluli mentah lebih 50 juta tan dianggarkan akan bertambah di rantau ini yang akan memberi impak jangka panjang terhadap industri keluli ASEAN.

Di Malaysia, pelabur-pelabur berpotensi dalam industri ini boleh memanfaatkan peluang untuk

memenuhi jurang dalam ekosistem produk-produk logam ferus dan bukan ferus. Bagi produk logam ferus, tumpuan adalah dalam pembangunan produk huluan dan pertengahan seperti serbuk besi, bentuk atau bahagian besar, paip keluli selanjar dan aloi ferus. Bagi produk logam bukan ferus, banyak ruang pertumbuhan dengan pelbagai peluang dan prospek pembangunan boleh diterokai dalam projek huluan, pertengahan dan hiliran bagi pengeluaran tembaga, loyang, perak, zink dan lain-lain.

Setakat ini, kebanyakan projek dalam sektor bukan ferus adalah tertumpu kepada aluminium berdasarkan jumlah syarikat peleburan aluminium yang terdapat di Malaysia. Pelabur-pelabur berpotensi digalakkan untuk menjalankan pengilangan produk berkaitan aluminium untuk komponen pesawat, industri marin dan pengangkutan, industri automotif, aloi aluminium kekuatan tinggi dan F&B dan lain-lain.

Kerajaan akan terus menggalakkan pembangunan industri ini menerusi pelbagai insentif dan fasilitasi untuk menyokong ekosistemnya. Kerajaan juga akan merangka dan melaksanakan strategi untuk meningkatkan skala ekonomi dengan mengambil kira saiz pasaran domestik yang agak kecil dan persaingan dari pemain industri yang lebih besar di rantau ASEAN, terutamanya Vietnam, Thailand dan Indonesia.

Pada tahun 2019, sepuluh projek telah diluluskan dalam pengilangan produk logam asas dengan pelaburan berjumlah RM694.41 juta. Daripada jumlah ini, lima merupakan projek baharu dengan pelaburan berjumlah RM415.24 juta (59.8%) dan bakinya adalah projek pembesaran/pelbagai melibatkan pelaburan sebanyak RM279.17 juta (40.2%). Projek-projek ini dijangka akan menjana 1,417 peluang pekerjaan.

Salah satu projek besar yang diluluskan adalah syarikat bahan berorientasikan Lembah Silikon yang akan melabur sebanyak RM13.50 juta untuk pembesaran keupayaan fasiliti pengilangan utamanya di Pulau Pinang bagi pengilangan aditif (AM) logam. Syarikat tersebut merupakan pelopor di rantau ASEAN yang menyediakan penyelesaian bersepadu untuk AM, termasuk pengilangan serbuk logam, perincian, percetakan 3D, dan pasca-pemprosesan.

Syarikat tersebut juga menawarkan pelbagai serbuk aloi pengilangan aditif melalui penggunaan peralatan pengatoman gas yang canggih. Kilang di Pulau Pinang ini adalah satu-satunya fasiliti di ASEAN yang dilengkapi dengan dua unit *Hot Isostatic Pressing* (HIP) yang merupakan keperluan dalam pengilangan komponen aeroangkasa dan implan perubatan. HIP menggunakan proses suhu dan tekanan tinggi untuk menghasilkan pemanasan yang tinggi, mengelakkan kecacatan dan mengurangkan tekanan bagi bahagian-bahagian yang dicetak sebelum menjalani aktiviti pasca-pemprosesan. Sebagai syarikat yang diiktiraf dalam aeroangkasa menerusi persijilan EN/AS 9100, syarikat ini akan terus melabur dalam R&D dan D&D untuk menguasai persaingan.

## Produk Fabrikasi Logam

Secara umumnya, industri produk fabrikasi logam merupakan industri yang matang di Malaysia dan didominasi oleh pemain SME yang kebanyakannya menjalankan aktiviti fabrikasi logam yang ringkas. Aktiviti ini melibatkan pelbagai proses khusus seperti melentur, mengimpal dan memasang yang memainkan peranan penting dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan.

### Empat Kategori Produk Fabrikasi Logam




Selain yang dinyatakan di atas, industri ini turut melibatkan pengilangan produk lain seperti tangki, tong, kotak logam, tin, perabot & lekapan logam, dawai & produk dawai dan barang rumah.

Sebanyak 48 projek telah diluluskan pada tahun 2019 untuk pengilangan produk fabrikasi logam dengan pelaburan berjumlah RM1.10 bilion. Pelaburan domestik menyumbang sebanyak RM785.66 juta atau 70.9 peratus, manakala pelaburan asing berjumlah RM314.21 juta atau 29.1 peratus. Daripada 48 projek diluluskan, 31 adalah projek baharu bernilai RM837.69 juta dan 17 adalah projek pembesaran/pelbagaiannya bernilai RM262.19 juta. Projek-projek diluluskan dijangka akan menjana 2,740 peluang pekerjaan.

### Pelaburan Diluluskan dalam Industri Produk Fabrikasi Logam Tahun 2019

Pelaburan Domestik berbanding Asing



Projek Pembesaran/Pelbagaiannya berbanding Projek Baharu



### Tekstil dan Pakaian

Pada tahun 2018, pertumbuhan industri tekstil dan pakaian global adalah kira-kira US\$920 bilion dan diunjurkan akan berkembang pada anggaran CAGR 4.4 peratus untuk mencapai kira-kira US\$1.2 bilion menjelang tahun 2024. Sementara itu, pasaran pakaian dijangka akan berkembang pada CAGR 4.3 peratus antara tahun 2010 dan 2023. Seluruh segmen dalam pasaran pakaian dijangka akan menunjukkan


prestasi yang baik dengan pertumbuhan melebihi 20 peratus antara tahun 2018 dan 2023, di mana segmen aksesori pakaian dan pakaian mencatatkan unjuran prestasi tertinggi dengan pengembangan sebanyak 32 peratus dan bakal mencapai US\$283 bilion pada tahun 2023.

Industri tekstil dan pakaian merupakan pasaran yang sentiasa berkembang, di mana PRC, Kesatuan Eropah, AS dan India adalah pesaing-pesaing utama. PRC adalah pengeluar dan pengeksport utama dunia bagi tekstil mentah dan pakaian, sementara AS adalah pengeluar dan pengeksport utama kapas mentah serta pengimpor utama tekstil mentah dan pakaian. Industri tekstil dan pakaian di Kesatuan Eropah pula menyaksikan Jerman, Sepanyol, Perancis, Itali dan Portugal mendahului dengan nilai melebihi 20 peratus industri tekstil dan pakaian global atau melebihi US\$160 bilion setakat ini. Sementara itu, India merupakan pengilang tekstil ketiga terbesar dan mencatatkan nilai eksport melebihi US\$30 bilion. India juga menyumbang lebih daripada enam peratus jumlah pengeluaran tekstil global dengan anggaran nilai kira-kira US\$150 bilion.

Pada tahun 2019, sebanyak 28 projek telah diluluskan dalam industri tekstil dan pakaian dengan pelaburan berjumlah RM440.95 juta yang menjana 1,421 peluang pekerjaan. DDI mendahului jumlah pelaburan dengan RM242.08 juta atau 54.9 peratus, manakala pelaburan asing mencatatkan RM198.87 juta atau 45.1 peratus.

### Pelaburan Diluluskan dalam Industri Tekstil dan Pakaian Tahun 2019

Pelaburan Domestik berbanding Asing



Kebanyakan pemain industri mengeksport pakaian dan fabrik ke AS dan rantau Eropah. Pada tahun 2019, eksport tekstil telah menyumbang RM15.82 bilion kepada ekonomi negara berbanding import (RM18.66 bilion). Kebanyakan pasaran eksport dikuasai oleh AS, diikuti oleh PRC dan Jepun.

Satu projek baharu telah diluluskan pada tahun 2019 untuk Pro Industrial Sdn. Bhd., syarikat yang mengkhusus dalam pengilangan pelbagai jenis gentian seperti gentian ruji poliester kitar semula pepejal. Syarikat milik sepenuhnya rakyat Malaysia ini menyumbang pelaburan berjumlah RM67.1 juta dan dijangka akan menjana 68 peluang pekerjaan.

## Dua Subsektor Utama dalam Industri Tekstil dan Pakaian

### Tekstil

Merangkumi tekstil utama dan aktiviti huluan seperti pempolimeran, pintalan, tenunan, sulaman dan pemprosesan basah

### Pakaian terbahagi kepada:



Pakaian, termasuk pakaian dan aksesori pakaian (label, butang, zip, pembungkusan)



Kulit, digunakan untuk membuat pelbagai barang termasuk kasut, beg, penjilid buku, aksesori fesyen dan perabot



Kasut, termasuk but, kasut, sandal, selipar dan terompah

Satu lagi projek penting yang diluluskan pada tahun 2019 adalah dari syarikat milik sepenuhnya rakyat Malaysia - Blueberry Industries Sdn. Bhd. bernilai RM57.4 juta. Syarikat ini menghasilkan fabrik kait dan menjalankan proses meluntur, mewarna dan menyiapkan fabrik tekstil. Syarikat ini akan membesarkan kilang untuk mengeluarkan pakaian siap (baju sejuk, kemeja-T, seluar dan sebagainya),

memotong fabrik bercetak dan mencetak fabrik tekstil. Dengan pembesaran ini, syarikat mensasarkan 377 peluang pekerjaan di Batu Pahat, Johor.

Kepentingan industri tekstil dan pakaian di Malaysia digariskan dalam Pelan Induk Perindustrian (IMP) Ketiga negara dan IMP Baharu, di mana tekstil industri dan teknikal, fabrik berkefungsian, fabrik mewah dan fabrik etnik dikenal pasti sebagai kategori pertumbuhan. IMP3 menekankan tentang peningkatan kualiti produk, penetapan paras harga yang berpatutan dan perluasan pemasaran berorientasikan eksport.

Selain itu, industri tekstil dan pakaian di Malaysia juga menikmati manfaat daripada duti import yang rendah ke atas barang industri, keanggotaan dalam Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) dan perjanjian perdagangan dua hala dengan EU, Chile, India, New Zealand, Pakistan dan Turki. Walau bagaimanapun, Malaysia berhadapan persaingan yang semakin tinggi dari negara-negara pesaing kos rendah seperti Bangladesh dan Kemboja dan juga kebergantungan kepada import bahan mentah, terutamanya untuk pengilangan fabrik.

Selain itu, industri tekstil dan pakaian Malaysia memerlukan pemasaran yang agresif untuk terus berkembang. Industri juga perlu menghadapi isu-isu berkaitan teknologi, kebergantungan kepada buruh asing dan import bahan mentah serta automasi dan pemodenan. Kekurangan turut dikenal pasti dalam pemasaran produk dan jenama yang masih bergantung kepada pengeluaran kontrak, selain kekurangan syarikat perekaan dan hab tekstil/fesyen, kekurangan aktiviti rekaan dan pembangunan dan kekurangan tenaga kerja berkemahiran dalam tekstil teknikal.

Selain itu, kebanyakan pengilang juga dibiayai oleh sumber kewangan dan kemampuan teknikal yang terhad. Sehubungan itu, timbul kesukaran di kalangan SME untuk menjadi inovatif dalam pembangunan produk, promosi dan pemasaran produk, seterusnya menjalankan R&D atau menerapkan teknologi Industri 4.0. Bagi tujuan ini, pelbagai insentif telah diperkenalkan di bawah Bajet 2020 untuk mempercepatkan pergerakan industri ke arah Industri 4.0. Elemen-elemen teknologi seperti Internet of

Things (IoT), Kecerdasan Buatan (AI), percetakan digital, pengkomputeran awan dan integrasi sistem ternyata memberi impak kepada industri tekstil dan pakaian meliputi front end dan back end.

Seterusnya, Persekutuan Fesyen, Tekstil dan Pakaian Malaysia (FMFTA) dengan tema ‘Fesyen dan Teknologi Mencorak Masa Hadapan’ telah dilancarkan di MIDA pada 29 Oktober 2019.

Penubuhan FMFTA akan membantu usahawan-usahawan sedia ada dan akan datang untuk mengembangkan industri ini. FMFTA berfungsi sebagai ‘pusat setempat’ bagi industri ini dengan sasaran untuk menggalakkan pelaburan domestik, menggandakan eksport dan menonjolkan imej jenama Malaysia di mata dunia.

Antara ruang pertumbuhan dalam industri ini adalah tekstil pintar, di mana kemajuan teknologi tanpa wayar dan peningkatan permintaan dalam ketersambungan telah memacu permintaannya. Tekstil pintar merupakan fabrik yang dapat berinteraksi dengan persekitaran dan mampu bertindak balas terhadap rangsangan fizikal, haba, mekanikal, elektrikal dan kimia. Ini meliputi komponen seperti sensor, penggerak dan fabrik yang dihasilkan menggunakan bahan-bahan seperti gentian optik, logam dan polimer konduktif.

Transformasi digital negara akan menawarkan lebih banyak peluang kepada model perniagaan baharu dan efisien yang mendorong kepada pengeluaran produk lebih baik dan inovatif serta produktiviti dan pertumbuhan yang lebih tinggi. Pemain industri masa kini boleh memanfaatkan teknologi robotik canggih seperti automasi dalam proses pintalan dan tenunan, jentera mengait berkomputer, teknologi nano dalam proses pencelupan, percetakan dan pengemasan serta Rekabentuk Berbantu Komputer (CAD) atau Pengilangan Berbantu Komputer (CAM) dalam proses pengilangan pakaian.

Kerajaan akan terus menangani keperluan industri untuk bergerak ke arah produk dan aktiviti bernilai ditambah lebih tinggi dengan menggalakkan lebih banyak pelaburan berkualiti bagi membangunkan ekosistem yang lebih lengkap dan kukuh serta

usaha-usaha dalam memupuk bakat, kemahiran dan inovasi. Untuk bergerak ke arah Industri 4.0 dan meningkatkan produktiviti dan kualiti, MIDA menawarkan pelbagai fasiliti kepada pelabur-pelabur berpotensi seperti geran padanan di bawah Dana Strategik Pelaburan Domestik, Elaun Modal Automasi (ACA), Geran Padanan Automasi Pintar dan Dana Intervensi Industry4WRD.

## Teknologi Pembinaan

### Produk Mineral Bukan Logam

Industri produk mineral bukan logam terbahagi kepada lima subsektor; iaitu kaca, simen dan konkrit, seramik, Sistem Binaan Berindustri (IBS) dan lain-lain mineral bukan logam.


Pada tahun 2019, sejumlah 29 projek mineral bukan logam telah diluluskan dengan nilai pelaburan sebanyak RM5.79 bilion. Daripada jumlah tersebut, DDI meliputi RM2.07 bilion atau 35.8 peratus, manakala FDI membentuk majoriti dengan nilai RM3.71 bilion atau 64.2 peratus.

---

### Pelaburan Diluluskan dalam Industri Produk Mineral Bukan Logam Tahun 2019

---

Pelaburan Domestik berbanding Asing



Kebanyakan pelaburan yang diluluskan dalam industri ini adalah untuk pengeluaran kaca dan produk kaca (6 projek) dengan jumlah pelaburan sebanyak RM2.9 bilion dan bakinya adalah daripada subsektor lain seperti pengeluaran komponen IBS dan produk modular, simen, seramik dan aktiviti berdasarkan tanah liat, dan produk mineral bukan logam lain.

Berdasarkan prestasi perdagangan pada tahun 2019, jumlah eksport industri ini mencatatkan RM13.78 bilion, manakala import mencatatkan angka yang lebih rendah iaitu RM11.49 bilion.

Satu projek penting yang diluluskan pada tahun 2019 adalah syarikat yang berpusat di PRC dengan jumlah pelaburan sebanyak RM2.37 bilion dan menawarkan 1,150 peluang pekerjaan. Projek yang dijalankan di Kota Kinabalu, Sabah ini adalah salah satu fasiliti terbesar di Malaysia yang mengeluarkan kaca apung dan kaca fotovoltaik.

Projek pembesaran oleh Schaefer Kalk (Malaysia) Sdn. Bhd. juga merupakan satu lagi projek penting yang diluluskan pada tahun 2019. Dengan menggunakan batu kapur tempatan, fasiliti pengilangan pelbagai ini menghasilkan pelbagai gred kalsium oksida, kalsium hidroksida dan kalsium karbonat termendak. Fasiliti ini menyumbang pelaburan berjumlah lebih RM400 juta dengan tenaga kerja seramai 118 kakitangan. Syarikat ini adalah milik sepenuhnya warga Jerman yang merupakan anak syarikat kepada Schaefer Kalk Beteiligungs GmbH.

## Sistem Binaan Berindustri (IBS)

Kerajaan Malaysia meneruskan usaha menggalakkan industri pembinaan untuk menggunakan Sistem Binaan Berindustri (IBS) yang merupakan komponen penting dalam inisiatif pembinaan lestari negara. IBS telah diperkenalkan di Malaysia sebagai penyelesaian terhadap kebergantungan tinggi kepada buruh asing, peningkatan permintaan terhadap perumahan mampu milik dan menambah baik imej, kualiti dan produktiviti industri pembinaan. IBS adalah salah satu sektor yang disasarkan dalam industri pembinaan berkaitan perkilangan sebagai usaha transformasi industri ini dalam menghadapi persaingan global.

Di bawah RMK-11, Kementerian Kerja Raya, melalui Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) telah menjayakan Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) yang bertujuan untuk memastikan industri pembinaan Malaysia terus kukuh dan berdaya saing global, selain penekanan terhadap kelestarian alam sekitar. CITP telah menetapkan matlamat dan pencapaian strategik bagi memacu industri pembinaan Malaysia ke tahap yang lebih tinggi berdasarkan empat teras strategik (rujuk carta CITP di bawah).

### Carta CITP

Kedudukan Semasa		Aspirasi Seterusnya
 <b>Kualiti, Keselamatan &amp; Profesionalisme</b>	<p>Penekanan terhad terhadap kualiti dan penilaian; dengan kesedaran keselamatan serta halangan kawal selia tambahan dalam industri yang terhad</p>	<p>Kualiti, keselamatan dan profesionalisme diterapkan sepenuhnya ke dalam budaya industri</p>
 <b>Kelestarian Alam Sekitar</b>	<p><b>Kelaziman amalan pembinaan</b> yang tidak efisien dan berisiko kepada alam sekitar</p>	<p>Pembinaan lestari alam sekitar Malaysia menjadi contoh untuk ekonomi baru muncul</p>
 <b>Produktiviti</b>	<p>Kebanyakan tenaga kerja pembinaan adalah berkemahiran rendah, dengan <b>kebergantungan tinggi terhadap buruh asing</b> berkemahiran rendah</p> <p>Tahap produktiviti industri adalah di kalangan yang terendah dalam ekonomi jika dibandingkan dengan ekonomi maju, dengan penerimaan teknologi dan amalan moden yang perlakuan modern practices</p>	<p>Produktiviti industri lebih berganda, dipadankan dengan <b>gaji yang lebih tinggi</b></p>
 <b>Pengantarabangsaan</b>	<p>Pemain industri pembinaan Malaysia <b>belum menjadi pesaing di arena global</b>, malah turut merosot dalam saham pasaran tempatan</p>	<p>Pemain Malaysia <b>menerajui peringkat tempatan dan globa</b></p>



Industri pembinaan memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi Malaysia. Buat masa ini, industri ini menyumbang sebanyak 4 peratus kepada KDNK negara dan dijangka akan menyumbang sehingga 5.5 peratus menjelang tahun 2020. Pertumbuhan industri ini juga dijangka akan mencapai kadar 10.3 peratus setahun, mendahului unjuran keseluruhan ekonomi Malaysia yang akan berkembang pada kadar stabil sebanyak 5-6 peratus setahun.

Menurut Laporan Pematuhan dan Pelaksanaan IBS untuk Projek Kerajaan (Januari-Julai 2019) yang dikeluarkan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri, pelaksanaan IBS dalam projek sektor awam telah mencapai 86.6 peratus, manakala pelaksanaan dalam sektor swasta adalah kira-kira 40 peratus berbanding 14 peratus pada tahun 2014.

Bagi jumlah kerja pembinaan yang dijalankan pada tahun 2019, aktiviti pembinaan sektor swasta mendahului sebanyak RM19.6 bilion atau 54.3 peratus, berbanding sektor awam sebanyak RM16.5 bilion atau 45.7 peratus.

Kerajaan telah mengenal pasti empat pemacu utama industri pembinaan iaitu pengangkutan awam, jalan raya, perumahan awam dan infrastruktur perairan. Tumpuan utama adalah terhadap sistem rel negara seperti Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dan Laluan Sistem Rapid Transit (RTS) Singapura.

Pelabur-pelabur berpotensi boleh mengambil kira pelbagai projek baharu atau diperbaharui seperti Bandar Malaysia, penaiktarafan lapangan terbang, pembangunan di Pulau Carey untuk menjadikan Pelabuhan Klang sebagai pusat maritim dan hab logistik kargo, fasiliti sukan baharu dan lain-lain. Projek-projek ini juga akan membuka peluang kepada firma-firma arkitek di Malaysia untuk meningkatkan kemahiran dan keupayaan.

Pada tahun 2019, sejumlah 15 projek telah diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM1.07 bilion. Daripada jumlah ini, DDI mencatatkan RM477.79 juta atau 44.7 peratus, manakala FDI mendahului sebanyak RM591.11 juta atau 55.3 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan.

### **Pelaburan Diluluskan dalam Industri Sistem Binaan Berindustri (IBS) Tahun 2019**

#### **Pelaburan Domestik berbanding Asing**



\*Statistik direkodkan dalam jumlah Industri Produk Mineral Bukan Logam

Antara projek yang diluluskan pada tahun 2019 adalah projek pembesaran oleh CGPV Industrial Building System Sdn. Bhd. (CGPV IBS) dengan pelaburan berjumlah RM285 juta. CGPV IBS merupakan syarikat milik sepenuhnya Country Gardens Pacific View Sdn. Bhd., syarikat usaha sama antara Country Garden Holdings dan Esplanade 88 yang mengeluarkan pelbagai komponen IBS seperti papan pra-cetak, papan teras kosong, panel dinding galas beban dan lain-lain, di mana kadar pasang siap adalah melebihi 70 peratus. Syarikat ini menerapkan IBS sebagai penyelesaian utama dalam pembangunan besarnya bagi memastikan keselamatan dan bekalan komponen bangunan berkualiti tinggi yang mencukupi bagi projek Forest City. CGPV IBS juga menggunakan teknologi termaju dengan baris pengeluaran karusel automatik yang canggih serta integrasi MIS dengan BIM dan MES.

IJM IBS Sdn. Bhd. telah ditubuhkan pada tahun 2018 untuk menerajui perniagaan IBS dengan menawarkan penyelesaian binaan yang canggih melalui pengilangan pintar. IJM IBS menawarkan penyelesaian pembinaan pra-pasang menyeluruh, merangkumi rekaan, kos, fabrikasi, penghantaran dan pemasangan di tapak. Loji pengilangan pintar syarikat yang terletak di Bestari Jaya menawarkan fleksibiliti rekaan yang lebih tinggi untuk mengeluarkan komponen konkrit pra-pasang yang boleh dikhususkan seperti panel dinding, tiang, palang dan unsur seni bina yang lain bagi memenuhi permintaan pereka yang sentiasa berubah. Integrasi penuh Pemodelan Maklumat Binaan (BIM) dalam ekosistem IBS merupakan contoh usaha dalam merealisasikan teknologi berkaitan Industri 4.0. Dengan pelaburan sehingga RM190 juta dan 150 peluang pekerjaan baharu untuk tenaga kerja berkemahiran tinggi, projek tersebut mensasarkan peningkatan produktiviti bagi memacu pencapaian agenda nasional selaras transformasi industri pembinaan.

Kerajaan telah menggariskan beberapa inisiatif di bawah Bajet 2020 untuk meningkatkan penerapan IBS dan mempertingkatkan infrastruktur digital negara bagi membangunkan platform Penyampaian Digital Berintegrasi untuk industri pembinaan. Ini turut

melibuti penggalakan penggunaan BIM, proses pintar berdasarkan model 3D yang membekalkan pelbagai maklumat dan kaedah kepada golongan profesional dalam bidang arkitek, kejuruteraan dan pembinaan untuk merancang, menghasilkan rekaan, membina dan mengurus bangunan serta infrastruktur dengan lebih efisien sebagai persiapan industri pembinaan dalam menghadapi Industri 4.0.

Dengan pelaburan sehingga RM190 juta dan 150 peluang pekerjaan baharu untuk tenaga kerja berkemahiran tinggi, projek tersebut mensasarkan peningkatan produktiviti bagi memacu pencapaian agenda nasional selaras transformasi industri pembinaan

Di antara inisiatif yang ditawarkan adalah Geran Padanan Automasi Pintar yang boleh dimanfaatkan oleh syarikat-syarikat untuk mengautomasi proses pengilangan bagi mencapai kadar pengeluaran dan produktiviti yang lebih tinggi serta penggunaan bahan lebih efisien yang boleh meningkatkan kualiti produk. Pembangunan IP juga digalakkan agar syarikat dapat meningkatkan pelaburan dalam inovasi dan reka cipta, serta memacu pengkomersilan IP daripada aktiviti R&D tempatan dan menggalakkan lebih banyak aktiviti pasca R&D. Selain itu, Elaun Modal Automasi (ACA) turut dilanjutkan bagi menggalakkan syarikat perkilangan terutamanya dalam industri berintensifkan buruh untuk melaksanakan aktiviti yang inovatif dan produktif, selain Dana Strategik Pelaburan Domestik untuk membiayai perbelanjaan syarikat dalam aktiviti latihan, R&D, pelesenan atau pembelian teknologi baru/tinggi, piawaian/pengiktirafan antarabangsa dan pemodenan atau aktiviti menaik taraf. Inisiatif- inisiatif ini dijangka akan meningkatkan permintaan dan bekalan produk IBS dan sistem/komponen modular, mengukuhkan ekosistem serta menggalakkan penerapan IBS yang lebih tinggi di negara ini.

## Teknologi Perubatan

### Peranti Perubatan

Industri peranti perubatan terdiri daripada spektrum produk yang luas meliputi penekan lidah ringkas sehingga ke perentak jantung boleh atur dan pengimbas CT yang lebih kompleks. Pengeluaran peralatan seperti sten, peranti ortopedik boleh tanam, elektro perubatan, terapeutik dan peranti pemantauan dijangka akan memberi impak positif kepada ekonomi Malaysia. Tambahan pula, industri ini telah dikenal pasti sebagai salah satu subsektor pertumbuhan tinggi ‘3+2’ di bawah RMK-11. Seiring subsektor pertumbuhan tinggi yang lain, industri peranti perubatan dijangka akan merekayaskan sektor perkilangan di Malaysia menerusi pengeluaran produk berkompleks tinggi, berteknologi tinggi dan bernilai ditambah tinggi. Pertumbuhan industri ini disumbang oleh perkembangan landskap teknologi perubatan yang berterusan, penggunaan perisian sebagai ‘differentiator’ dalam peranti perubatan serta perekaan, pembangunan dan pengilangan peranti perubatan yang bersaiz lebih kecil dan mudah dibawa oleh pesakit.

Pelabur prospektif menyedari bahawa Malaysia berada di kedudukan yang strategik untuk menjadi hab pengilangan peranti perubatan di Asia berdasarkan ekosistem kukuh yang terdiri daripada pelbagai industri sokongan, serta badan penilaian pematuhan global yang tersedia di negara ini. Pemain-pemain industri meliputi lebih 200 pengilang yang terdiri daripada MNC dan syarikat-syarikat sokongan bertaraf dunia. Bermula daripada pengeluar sarung tangan perubatan biasa pada era 1980-an, industri peranti perubatan Malaysia telah berkembang ke tahap pengilangan produk perubatan kompleks seperti implan dan injap jantung cetakan 3D yang khusus untuk pesakit.

Untuk menjamin masa hadapan yang mapan bagi syarikat-syarikat peranti perubatan di Malaysia, MIDA memanfaatkan pelbagai platform rangkaian seperti Ekspo Peranti Perubatan Malaysia yang diadakan dari 15-17 Oktober 2019. Di ekspo tersebut, MIDA telah menganjurkan sesi panel bertajuk “Merevolusikan Teknologi Perubatan”, di mana beberapa tokoh telah dibawa untuk berkongsi perspektif terhadap usaha ke arah pengeluaran peranti inovatif serta peluang-peluang

pelaburan dalam industri ini. Ekspo tersebut merupakan platform yang baik untuk para pengeluar dan usahawan mendapatkan maklumat terkini mengenai isu-isu semasa dan memupuk usaha sama untuk manfaat bersama.

Kerajaan telah menubuhkan Panel Penasihat Pelaburan Peranti Perubatan (MDIAP) untuk membantu pertumbuhan dan perkembangan industri dengan menyediakan pelbagai inisiatif strategik bagi menggalakkan pertumbuhan industri peranti perubatan di Malaysia seiring dengan RMK-11. Objektif MDIAP ialah untuk mengukuhkan kedudukan syarikat-syarikat yang berpusat di Malaysia dalam rantaian bekalan global industri.


Sebanyak 31 projek dengan pelaburan bernilai RM3.98 bilion telah diluluskan pada tahun 2019 bagi industri peranti perubatan. Terdapat lapan projek baharu dengan pelaburan sebanyak RM1.66 bilion (41.7%) dan 23 projek pembesaran/pelbaigan berjumlah RM2.32 bilion (58.3%). Pelaburan asing memainkan peranan besar menerusi pelaburan bernilai RM3.04 bilion atau 76.4 peratus daripada jumlah pelaburan, manakala pelaburan domestik berjumlah RM934.92 juta atau 23.6 peratus. Projek-projek ini dijangka akan menjana 7,074 pekerjaan baharu. Daripada jumlah keseluruhan projek yang diluluskan, 18 projek adalah untuk pengilangan produk perubatan bernilai ditambah tinggi yang terkemuka.

### Pelaburan Diluluskan dalam Industri Peranti Perubatan Tahun 2019

#### Pelaburan Domestik berbanding Asing



#### Projek Pembesaran/Pelbaigan berbanding Projek Baharu



Antara projek penting yang diluluskan adalah pelaburan baharu di Batu Kawan, Pulau Pinang oleh Smith+Nephew yang berpusat di UK, syarikat teknologi perubatan global yang diasaskan lebih 160 tahun lalu. Fasiliti tersebut akan menyokong francais Smith+Nephew's Orthopaedics yang telah berkembang dengan maju di rantau Asia Pasifik. Produk yang dijangka akan dikeluarkan di sini meliputi implan lutut dan pinggul. Loji terbaharu ini akan menawarkan lonjakan kapasiti rangkaian pengilangan Smith+Nephew bagi memenuhi keperluan jualan dari para pelanggan yang semakin meningkat.

Satu lagi pelaburan yang diluluskan adalah projek pembesaran untuk mengeluarkan lensa perubatan oleh Visco Technology Sdn. Bhd., syarikat milik Taiwan. Dengan anggaran pelaburan sebanyak RM820 juta, projek ini dijangka akan menjana 529 peluang pekerjaan. Projek berteknologi tinggi taraf dunia ini akan menjalankan R&D yang meluas, pemindahan teknologi dan penerapan pengilangan pintar. Ia juga akan menyumbang impak positif dalam pembangunan ekosistem peranti perubatan di Malaysia dengan menawarkan peluang perniagaan baharu di kalangan vendor tempatan bagi membekalkan peralatan, mesin, alat mesin, bahan pembungkusan dan perkhidmatan seperti pengujian keserasian bio.

## Farmaseutikal

Malaysia menempatkan beberapa syarikat farmaseutikal yang terkenal di peringkat global seperti Pharmaniaga, Duopharma Biotech, Kotra Pharma, Hovid, dan Xepa-Soul Pattinson. Produk farmaseutikal oleh syarikat-syarikat ini serta pemain-pemain industri lain mendapat pengiktirafan di seluruh dunia, terutamanya di kalangan negara-negara yang menganggotai *Pharmaceutical Inspection Convention and Pharmaceutical Inspection Cooperation/Scheme (PIC/S)*, di mana Malaysia turut menjadi anggota.

Industri farmaseutikal Malaysia telah menyaksikan pertumbuhan yang stabil dan kukuh sejak sedekad lalu berdasarkan keupayaan dan kapasiti pengeluaran oleh para pengilang bagi mengeluarkan farmaseutikal dalam bentuk dos seperti persediaan steril, bahan suntikan dan ubat pelepasan masa.

Menyedari kepentingan dan potensinya, Kerajaan telah mensasarkan industri ini sebagai sebuah enjin pertumbuhan ekonomi. Produk-produk utama farmaseutikal yang dihasilkan di Malaysia meliputi pelbagai jenis ubat preskripsi, ubat tanpa preskripsi (OTC), ubat tradisional dan suplemen tambahan/kesihatan.

Pada tahun 2019, sebanyak 263 pengilang telah dilesenkan oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (DCA) di bawah Kementerian Kesihatan (MOH), di mana sebanyak 69.2 peratus atau 182 syarikat dikategorikan sebagai pengeluar ubat tradisional, 26.6 peratus atau 70 syarikat pengeluar farmaseutikal dan 4.2 peratus atau 11 syarikat pengeluar produk veterinar.


Pada tahun 2019, sejumlah 23,254 produk farmaseutikal baharu telah didaftarkan di DCA, meliputi produk semula jadi (52.2%), ubat preskripsi (18.2%), suplemen tambahan kesihatan (11.3%), ubat tanpa preskripsi/OTC (6.8%), entiti kimia baharu (6.2%), ubat veterinar (3.3%) dan biologik (1.9%). Lebih separuh daripada produk farmaseutikal yang didaftarkan pada tahun 2019 ini adalah produk semula jadi, berbanding produk sintetik yang dihasilkan di makmal. Dengan kelebihan biodiversiti dan beberapa hutan hujan tertua di dunia yang ada di Malaysia, lebih 2,000 tumbuh-tumbuhan dengan potensi perubatan yang bernilai boleh ditemukan. Limpahan bahan mentah ini menjadi kelebihan buat Malaysia untuk bersaing di peringkat global dalam membangunkan industri farmaseutikal herba.

Sebanyak sepuluh projek telah diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM212.91 juta dalam industri farmaseutikal pada tahun 2019. Empat daripada jumlah ini merupakan projek baharu dengan pelaburan sebanyak RM59 juta atau 27.7 peratus, sementara enam adalah projek pembesaran/pelbagai bermilai RM153.88 juta atau 72.3 peratus. Pelaburan asing menyumbang sebanyak 59 peratus atau RM124.79 juta, manakala pelaburan domestik membentuk baki 41 peratus atau RM88.12 juta. Projek-projek yang diluluskan dijangka akan menjana 186 pekerjaan baharu.

Daripada projek-projek yang diluluskan, enam projek adalah milik syarikat Malaysia yang mengeluarkan

produk semula jadi dan suplemen tambahan kesihatan. Terdapat juga satu projek pembesaran oleh syarikat milik asing dengan pelaburan sebanyak RM116.85 juta untuk mengeluarkan bahan ubat-ubatan dan produk formulasi ubat-ubatan. Projek ini memberi sumbangan signifikan selaras aspirasi Kerajaan untuk terus mengukuhkan ekosistem industri biofarmaseutikal di Malaysia.

### Senario Industri Farmaseutikal di Malaysia Tahun 2019



Tumpuan industri farmaseutikal di Malaysia telah beralih ke arah pengeluaran produk ubat perubatan herba. Kos penjagaan kesihatan yang semakin meningkat masa kini telah memberi impak signifikan kepada industri herba sebagai alternatif kepada rawatan kesihatan moden.

### Bioteknologi (termasuk Projek Bionexus)

Bioteknologi merupakan bidang teknologi yang memanfaatkan proses-proses biologi untuk membangunkan teknologi dan produk. Subsektor ini

memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi kitaran memandangkan peralihan daripada ekonomi linear adalah kunci kepada pembangunan lestari. Berdasarkan Suruhanjaya Eropah, ekonomi kitaran didefinisikan sebagai satu ekonomi yang melibatkan ‘pengekalan nilai produk dan bahan secara maksima, penghasilan sisa buangan dan penggunaan sumber yang minima dan sumber dikenalkan dalam ekonomi sehingga akhir hayat produk untuk dikitar berulang kali bagi mencipta nilai seterusnya’. Definisi ini adalah selaras dengan pemerhatian Antoine-Laurent Lavoisier, seorang ahli kimia Perancis abad ke-18 yang turut dikenali sebagai bapa kimia moden - *“nothing is lost, nothing is created, and everything is transformed”*.

Kerajaan telah mengiktiraf bioteknologi sebagai salah satu sektor strategik untuk memacu ekonomi selaras pelancaran Dasar Bioteknologi Nasional (NBP) pada tahun 2005. Sejak NBP diperkenalkan, pelbagai pencapaian terutamanya dalam penjanaan peluang pekerjaan dan FDI telah direalisasikan.

Pada tahun 2019, terdapat dua projek baharu dengan pelaburan bernilai RM26.57 juta dan dua projek pembesaran/pelbagaiannya bernilai RM6.59 juta telah diluluskan untuk syarikat-syarikat milik rakyat Malaysia. Projek-projek ini dijangka akan menjana 40 pekerjaan baharu.

Industri bioteknologi di Malaysia telah berkembang daripada kebergantungan terhadap aplikasi tradisional ke arah pembangunan teknologi dalam pengeluaran lestari produk-produk hijau boleh diperbaharui, tiada toksik dan kos berdaya saing. Memandangkan lebih banyak industri telah bergerak ke arah ekonomi kitaran, prospek masa hadapan dalam industri bioteknologi adalah tidak berbatas. Secara khususnya, manfaat bioteknologi dalam ekonomi kitaran akan menyumbang kepada kitaran hidup produk yang panjang dan lebih baik, meningkatkan ciri kompos serta pembangunan atau penemuan bahan-bahan baharu.

Malaysia merupakan destinasi pelaburan pilihan di kalangan syarikat asing untuk menjalankan projek-projek berkaitan bioteknologi seperti pengeluaran resin bioplastik, bioepoksi dan polimer

terbiodegradasi polyhydroxyalkanoates disebabkan ketersediaan input dari sumber-sumber yang boleh dikitar semula. Projek-projek ini mencerminkan kepentingan industri bioteknologi yang semakin berkembang di peringkat global.

## Teknologi Makanan

### Biojisim Sawit

Berdasarkan unjuran Agensi Tenaga Antarabangsa (IEA), penggunaan bahan api fosil dijangka akan berkurangan menjelang tahun 2035 kesan daripada penyusutan rizab dan peningkatan kebimbangan terhadap kesan degradasi alam sekitar serta emisi gas rumah hijau. IEA mengunjurkan bahawa permintaan tenaga global akan tertumpu ke arah tenaga boleh diperbaharui berdasarkan pertumbuhan 90 peratus permintaan terhadap tenaga bersih menjelang tahun 2035 yang kebanyakannya adalah dari ekonomi baru muncul seperti PRC dan India. Unjuran ini menunjukkan bahawa terdapat potensi peningkatan permintaan terhadap sumber tenaga alternatif berkos rendah, bersih dan boleh diperbaharui yang dapat menampung kekurangan bahan api fosil dan menjamin kelestarian alam sekitar. Ini akan merangsang pertumbuhan industri tenaga boleh diperbaharui, terutamanya tenaga yang dihasilkan oleh sumber biojisim.

Secara amnya, bekalan biojisim Malaysia dipacu oleh empat sumber utama iaitu sisa pertanian, sisa kelapa sawit, sisa kayu dan sisa perbandaran. Dianggarkan sebanyak 168 juta tan biojisim dihasilkan oleh negara setiap tahun daripada sumber seperti sekam kayu, sisa minyak sawit dan gentian batang kelapa. Berdasarkan limpahan bekalan ini, hasrat Kerajaan adalah untuk memanfaatkan potensi yang besar ini, terutamanya dalam sektor perkilangan dan tenaga boleh diperbaharui.

Malaysia merupakan pengeluar dan pengeksport minyak sawit yang kedua terbesar di dunia dan menguasai sebanyak 31 peratus keluaran global. Pada tahun 2018, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) merekodkan terdapat sejumlah 5.89 juta hektar ladang kelapa sawit yang mengeluarkan anggaran 94.7 juta tan biojisim di Malaysia. Biojisim ini terdiri daripada pelepas kelapa sawit (OPF), batang kelapa sawit (OPT), tandan buah kosong (EFB), gentian mesokarp, kulit isirong sawit dan buangan kilang minyak sawit (POME). Setiap komponen biojisim kelapa sawit ini mempunyai potensi kegunaan yang berbeza seperti bahan api untuk penjanaan elektrik, produk biokimia, baja dan bahan api bio. Di Malaysia, kebanyakan projek biojisim kelapa sawit yang dilaksanakan tertumpu dalam pengeluaran pelet, karbon aktif, papan gentian, makanan haiwan, metana dan kompos organik.



Meskipun Malaysia merupakan salah satu pengeluar minyak sawit terbesar di dunia, negara masih belum mencapai potensi sebenarnya di kalangan pengeluar utama biojisim dan biogas di rantau ini. Malaysia dianggarkan mampu menghasilkan lebih daripada 2400MW biojisim and 410MW biogas, jauh melebihi data Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia pada tahun 2019 sebanyak 70.65MW biojisim dan 102.76MW biogas sahaja.

Bagi mencapai potensi ini, terdapat beberapa kekangan yang perlu diatasi oleh industri terutamanya dalam aspek logistik. Kebanyakan bahan sumber biojisim terletak di luar akses kawasan grid nasional atau tidak bersambung dengan grid transmisi bervoltan tinggi. Projek janakuasa biojisim memberi margin pulangan yang minimum dan dikategorikan sebagai pelaburan yang berisiko tinggi. Pilihan pembiayaan yang terhad juga menjadi kebimbangan, selain prospek jangka panjang terhadap skim tarif *feed-in* (FIT) yang tidak memberangsangkan kerana kos yang semakin meningkat. Sehubungan itu, pelabur prospektif yang dapat membantu pemain industri tempatan mengatasi cabaran-cabaran ini adalah amat digalakkan.

Sebanyak 14 projek dengan pelaburan berjumlah RM1.14 bilion telah diluluskan pada tahun 2019 untuk mengeluarkan produk berasaskan biojisim sawit. Pelaburan asing mendominasi industri ini menerusi RM952.67 juta atau 83.5 peratus daripada jumlah keseluruhan. Pelaburan ini dijangka akan menjana 675 peluang pekerjaan.

Satu projek penting yang diluluskan adalah dari syarikat milik sepenuhnya rakyat asing bagi mengeluarkan pelet EFB dengan cadangan pelaburan sebanyak RM191.10 juta yang bakal mewujudkan 109 peluang pekerjaan.

## Agro Makanan dan Pemprosesan Makanan

Industri agro makanan terus menjadi komponen penting dalam sektor perlilangan. Antara

subsektor utama dalam industri agro makanan adalah pertanian ternakan, perikanan serta buah-buahan dan sayur-sayuran yang mempunyai jalinan penting kepada subsektor pemprosesan makanan negara. Selain daripada itu, subsektor apikultur, florikultur dan penternakan ikan hiasan juga turut memainkan peranan penting dalam industri ini.

Kerajaan sentiasa menggalakkan pemain-pemain industri untuk menginovasi dan menerapkan teknologi yang lebih canggih dalam operasi. Selain daripada meningkatkan produktiviti pertanian dan menjamin bekalan makanan negara serta mengurangkan kebergantungan terhadap produk pertanian import, teknologi canggih juga akan membolehkan perniagaan menikmati keuntungan yang lebih tinggi serta menjadikan proses pengeluaran lebih efisien, selamat dan mesra alam.

Sebanyak sembilan projek bernilai RM135.08 juta telah diluluskan pada tahun 2019. Projek-projek yang diluluskan ini adalah dari sumber domestik dan dijangka akan mewujudkan 407 peluang pekerjaan.

## Pemprosesan Makanan

Produk-produk pertanian merupakan asas yang penting untuk subsektor pemprosesan makanan negara bagi menjalankan pelbagai aktiviti bernilai ditambah seperti pengilangan koko dan produk coklat, produk ternakan, produk akuatik, bijirin & produk bijirin serta buah-buahan dan sayur-sayuran yang diproses.

Pengilang-pengilang makanan sentiasa berusaha memastikan produk mereka diperkaya dengan ramuan berkhasiat seperti vitamin dan antioksidan, mineral, serat, protein dan lain-lain untuk disesuaikan dengan perubahan trend ke arah gaya hidup sihat yang semakin popular di seluruh dunia, di mana permintaan terhadap makanan sihat dan berkhasiat kian meningkat. Dewasa ini, pelbagai rangkaian produk makanan

adalah bercirikan rendah kalori, rendah lemak, bebas gluten/alergen serta rendah/tanpa gula. Kesedaran ke arah kepentingan gaya hidup yang lebih sihat telah mendorong lebih ramai pengguna memilih rangkaian produk makanan seumpamanya.

Subsektor pemprosesan makanan memainkan peranan yang penting dalam memacu Malaysia ke arah ekonomi yang lebih pelbagai, di mana gelombang peluang perniagaan dan pelaburan seterusnya adalah menjurus kepada pengilangan produk makanan bernilai tinggi. Bagi mengekalkan daya saing, pengilang makanan sentiasa beralih ke arah kaedah yang lebih cepat dan efisien dalam memenuhi permintaan pengguna termasuk transformasi dalam operasi yang lebih automasi, fleksibel dan cekap.

Syarikat-syarikat dalam subsektor pemprosesan makanan terus memodenkan fasiliti perkilangan menerusi pelaburan dalam baris pemasangan robotik, kejuruteraan berkejituhan dan proses kawalan berkomputer. Langkah penerapan teknologi ini dilihat memberi kelebihan utama terhadap daya saing syarikat dalam menghadapi cabaran untuk menjadi lebih efisien dan kos efektif.

Seiring dengan inisiatif Kerajaan untuk menggalakkan syarikat-syarikat pemprosesan makanan menerapkan automasi, pengilangan pintar dan ciri-ciri Industri 4.0, MIDA telah menganjurkan pelbagai program hebahan dan fasilitasi pada tahun 2019. Program-program ini melibatkan hebahan maklumat mengenai Elaun Modal Automasi (ACA) yang dilaksanakan di Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan pemain industri terhadap ACA dan insentif-insentif pelaburan yang lain. Selain itu, bengkel-bengkel ini juga dapat membantu pemain industri memahami pasaran global dan perubahan teknologi yang semakin pantas.

Malaysia terus menjadi tumpuan utama bagi produk halal yang semakin meningkat

permintaannya. Sebagai perintis industri ini, negara memiliki kapasiti dan kelebihan persaingan menerusi ekosistem halal yang lengkap meliputi infrastruktur, kepakaran bakat halal, rujukan data global dan sokongan Kerajaan. Pelabur berpotensi disarankan untuk memanfaatkan kelebihan-kelebihan ini terutamanya dalam industri makanan.

Kerajaan terus menggalakkan pembangunan kapasiti pengilang tempatan dan penyedia perkhidmatan dalam industri halal dengan memastikan kawal selia dalam aspek-aspek berkaitan halal terus diutamakan menerusi pensijilan dan pembangunan ekosistem industri. Industri halal negara disokong oleh ekonomi terbuka dan kekuahan infrastruktur fizikal dan institusi. Industri ini juga juga diselaraskan oleh piawaian pensijilan halal yang dinamik melibatkan 13 piawaian halal dan lain-lain berkaitan halal meliputi produk makanan, kosmetik, farmaseutikal dan logistik.

Piawaian pensijilan halal juga merupakan lanjutan kepada piawaian sedia ada yang dikehendaki dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan seperti Amalan Perkilangan Baik (GMP), Hazard Analysis and Critical Control Points (HACCP) dan Piawaian Keselamatan Makanan (FS2200). Memandangkan pensijilan dan piawaian halal negara telah mendapat pengiktirafan seluruh dunia, pemain industri tempatan boleh memanfaatkan reputasi ini sebagai testimoni terhadap produk dan perkhidmatan syarikat yang setara dengan piawaian global dan menepati prinsip halal. Selain mematuhi peraturan Islam, piawaian ini turut menepati nilai-nilai global seperti penggunaan bahan beretika, bersih dan mesra alam serta mematuhi amalan perkilangan selamat dan pengeluaran produk yang bernutrisi seimbang.

Pemain industri halal disarankan untuk memanfaatkan teknologi baharu berkaitan Industri 4.0 yang menawarkan pelbagai manfaat untuk perkembangan industri dengan meningkatkan keupayaan pengeluaran

menggunakan proses pengilangan automatik dan pengumpulan data masa sebenar.


Pada tahun 2019, sebanyak 87 projek pemprosesan makanan dan minuman dengan pelaburan berjumlah RM3.37 bilion telah diluluskan. Pelaburan domestik meliputi 77.7 peratus berdasarkan nilai sebanyak RM2.62 bilion daripada jumlah keseluruhan pelaburan, manakala pelaburan asing mencatatkan RM54.78 juta atau 22.3 peratus. 61 projek baharu dan 26 projek pembesaran/pelbagai direkodkan yang akan menjana 5,139 peluang pekerjaan.

---

### Pelaburan Diluluskan dalam Subsektor Pemprosesan Makanan Tahun 2019

---

#### Pelaburan Domestik berbanding Asing



#### Projek Pembesaran/Pelbagai berbanding Projek Baharu



Produk makanan lain seperti makanan sedia dimakan menyumbang 22 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan ini. Ini diikuti oleh coklat dan konfeksi gula (16%), ramuan makanan (14%), produk makanan laut (7%), bijirin dan produk berasaskan tepung (6%), produk tenusu (4%), produk buah-buahan dan sayur-sayuran (1%), manakala makanan haiwan, minuman dan produk daging diproses menyumbang 10 peratus masing-masing.

Antara projek penting yang diluluskan dalam subsektor ini adalah projek pembesaran oleh syarikat milik sepenuhnya rakyat Malaysia untuk mengeluarkan produk campuran gula termasuk projek pembesaran oleh syarikat milik majoriti asing dari Jepun untuk mengeluarkan mononatrium glutamat, minuman kopi tin, garam berperisa, sebatian penambah perisa makanan, serbuk protein sayuran terhidrolisis, serbuk sos soya dan perisa campuran, pemanis rendah kalori dan sos kacang soya.

### Produk Minyak Sawit

Penapisan minyak sawit di Malaysia bermula seawal era 1970-an seiring hasrat Kerajaan untuk meningkatkan industrialisasi dan pembangunan kilang penapisan sebagai permulaan ke arah pelbagai jenis produk minyak sawit terproses. Hari ini, Malaysia merupakan pemain penting dalam eksport minyak dan lemak boleh dimakan selaku pengilang dan pengeksport minyak sawit yang kedua terbesar di dunia.

Minyak sawit merupakan pemangkin kepada pelbagai proses pengilangan kerana kos yang lebih rendah, di samping risiko kesihatan kepada pengguna yang minima. Hampir separuh daripada produk makanan yang dijual di pasaraya hingga ke kedai runcit mengandungi minyak sawit kerana sumbernya yang kaya dengan tokotrienol semula jadi, sejenis antioksida yang berciri anti radang, merendahkan kolesterol, mencegah kanser, *radioprotective* dan *neuroprotective*. Meskipun minyak sawit memiliki kadar kandungan asid lemak tepu dan tidak tepu, ia lebih bertindak sebagai lemak mono tidak tepu apabila dihadam dan tidak memberi kesan buruk kepada paras kolesterol dalam darah.

Industri ini merupakan penyumbang penting kepada pertumbuhan ekonomi negara. Pada tahun 2018, eksport produk minyak sawit telah menyumbang sebanyak RM67.5 bilion (US\$16.05 bilion) kepada ekonomi negara, di mana India merupakan pengimport utama minyak sawit Malaysia, diikuti oleh Kesatuan Eropah dan PRC.

Walau bagaimanapun, industri ini menghadapi beberapa cabaran utama yang di antaranya adalah pengurangan permintaan dari pengimport utama seperti India kerana kadar duti import yang lebih tinggi, mata wang yang lemah dan luluh kredit. Sejak 4 September 2019 juga, India telah mengenakan duti perlindungan sebanyak lima peratus ke atas olein sawit RBD dan minyak sawit RBD di bawah Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif India-Malaysia. Selain itu, duti import telah dinaikkan kepada 50 peratus untuk 180 hari (enam bulan) ke atas import penting produk-produk ini ke negara tersebut.

Publisiti negatif yang terus berlebar dalam industri ini juga turut menjadi cabaran, terutamanya yang melibatkan ladang kelapa sawit dan alam sekitar. Selain itu, pelobian anti-minyak sawit di Kesatuan Eropah turut memberi kesan buruk kepada industri yang menyukarkan usaha untuk mempromosikan minyak sawit sebagai pilihan minyak sayuran yang sihat.

Walau bagaimanapun, Kerajaan kekal komited untuk menggalak dan mengukuhkan industri ini. MIDA akan terus memainkan peranan dengan menganjurkan pelbagai program hebat dan bantuan untuk mempromosikan minyak sawit dan produk berkaitan sawit. Sebagai contoh, MIDA telah membentangkan perspektif menyeluruh industri minyak sawit Malaysia kepada para peserta luar negara di 39th *Palm Oil Familiarisation Programme* yang dianjurkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dari 23 hingga 26 September 2019. MIDA juga turut mengambil bahagian dalam *MPOB International Palm Oil Congress and Exhibition 2019* yang diadakan dari 19 hingga 21 November 2019 di Kuala Lumpur.

Pada tahun 2019, sebanyak 17 projek dengan pelaburan berjumlah RM697.47 juta telah diluluskan dalam industri produk minyak sawit yang merekodkan 11 projek baharu dan enam projek pembesaran/pelbagai. Pelaburan domestik mencatatkan RM145.68 juta (20.9%), manakala pelaburan asing RM551.79 juta (79.1%).

Antara projek yang diluluskan adalah pengilangan minyak mesokarp sawit kempa (minyak sawit

merah), bahan makanan haiwan berdasarkan minyak sawit seperti manik stearin sawit, lilin sayuran teradun, lilin teradun, asid palmitik/stearik dan produk-produk bernilai ditambah lain. Projek-projek ini menyumbang pelaburan sebanyak RM649.38 juta dan dijangka akan menjana 279 peluang pekerjaan.

Kerajaan terus menggalakkan amalan pertanian baik dan lestari yang merupakan sebahagian daripada Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Ini meliputi penerapan konsep ekonomi kitaran dalam industri minyak sawit untuk memastikan penggunaan bahan mentah yang optimum dan sisa buangan pengilangan, emisi dan ketidakcekapan tenaga yang minimum. Selaras hasrat ini juga, bahan-bahan yang biasanya kurang digunakan dalam ekonomi linear perlu dikurangkan, diguna semula dan dikitar semula. Pelaksanaan model ini bukan sekadar akan membantu dalam menangani isu-isu alam sekitar yang memberi kesan negatif kepada industri tetapi turut mengatasi kebimbangan berterusan terhadap bekalan bahan mentah.

Bahan api bio yang merupakan bahan bakar alternatif daripada minyak sayuran, lemak haiwan dan minyak masak kitar semula, boleh menggantikan diesel biasa. Bahan ini merupakan satu lagi komponen penting dalam industri minyak sawit, di mana Malaysia dikurniakan limpahan bahan mentah untuk pengeluaran bahan api bio generasi pertama. Bahan api bio generasi pertama dihasilkan daripada tanaman makanan seperti minyak sawit, biji sawit, minyak kacang soya dan minyak bunga matahari. Alternatif kepada kelapa sawit dara, minyak masak terpakai, sulingan asid lemak sawit, metil ester minyak sawit dan alga telah membawa kepada pengeluaran bahan api bio generasi kedua atau bahan api bio lanjutan. Tanaman bukan makanan juga boleh digunakan untuk menghasilkan bahan api bio ini seperti bahan makan *lignocellulosic*, sisa industri dan residu aliran.

Pembangunan industri bahan api bio telah diperkasakan sejak Akta Industri Bahan Api Bio

Malaysia 2007 diperkenalkan, di mana peraturan dan pelesenan industri bahan api bio telah diselaraskan dengan lebih jelas. Menurut MPOB, terdapat lebih 20 syarikat telah beroperasi dengan kapasiti terpasang keseluruhan sebanyak 2.1 juta tan setahun.

Bagi menyokong industri bahan api bio, Kementerian Industri Utama (MPI) telah melaksanakan program mandatori B10 pada 1 Februari 2019 untuk industri pengangkutan. MPI juga telah meletakkan mandat penggunaan wajib program biodiesel B7 untuk tujuan industri bermula 1 Julai 2019. Pelabur prospektif boleh mempertimbangkan pelaburan dalam syarikat-syarikat Malaysia yang beroperasi dalam bidang ini. Pasaran bahan api bio di sesetengah segmen Asia Tenggara masih kurang dibangunkan dan buat masa ini pengeluaran masih berada di bawah paras kapasiti terpasang negara. Senario bahan api bio negara ini akan berubah tidak lama lagi kesan peningkatan penerimaan pengguna. Selain itu, dalam mengalui-alukan pelaburan baharu berkualiti, MIDA juga sentiasa aktif mempromosikan penggunaan minyak sawit di dalam negara.

## Kimia dan Bahan Termaju

### Kimia dan Produk Kimia

Kimia dan produk kimia memainkan peranan penting dalam ekonomi negara kerana sering digunakan sebagai bahan mentah dalam pengilangan barang siap oleh pelbagai industri lain seperti E&E, produk plastik, pertanian dan industri pembinaan. Sumbangan besar Industri kimia dan produk kimia terhadap ekonomi ternyata meliputi sebahagian besar landskap perkilangan dan keseluruhan pelaburan negara. Industri ini terdiri daripada subsektor kimia pertanian, baja, gas perindustrian, kimia bukan organik, cat, dakwat percetakan dan lain-lain.

Industri ini turut berperanan sebagai salah satu daripada pengeksport produk utama negara, dengan eksport bernilai RM57.0 bilion iaitu ketiga tertinggi selepas E&E dan produk petroleum (termasuk petrokimia).

Sejumlah RM3.60 bilion pelaburan bagi 62 projek dalam industri kimia dan produk kimia telah direkodkan pada tahun 2019. Daripada jumlah ini, 60 peratus atau RM2.16 bilion meliputi pelaburan baharu, sementara baki (40%) atau RM1.44 bilion adalah projek pembesaran/pelbaigan. Seperti tahun-tahun terdahulu, FDI merupakan penyumbang utama sebanyak 60 peratus atau RM2.16 bilion dan DDI sebanyak 40 peratus atau RM1.44 bilion.

---


### Pelaburan Diluluskan dalam Industri Bahan Kimia dan Produk Kimia Tahun 2019

---

Pelaburan Domestik berbanding Asing



Projek Pembesaran/Pelbaigan berbanding  
Projek Baharu



Antara projek baharu penting yang telah diluluskan pada tahun 2019 adalah daripada Top Glove Group untuk mengeluarkan lateks sintetik yang menyokong perniagaan terasnya dalam pengilangan sarung tangan. Anak syarikat kumpulan tersebut, Top Synthetic Rubber Sdn. Bhd. merupakan peneraju projek ini yang akan menyumbang pelaburan melebihi RM600 juta dan 180 peluang pekerjaan. Loji syarikat di Kuala Langat, Selangor akan dibangunkan menerusi tiga fasa pembinaan. Fasa pertama loji ini akan beroperasi pada tahun 2022, sementara fasa terakhir projek dijangka akan siap pada tahun 2025 dengan jumlah kapasiti pengeluaran tahunan sebanyak 200,000 tan metrik (MT). Dengan pembangunan loji ini, kumpulan tersebut dijangka dapat mengurangkan keperluan import lateks sintetik dari pembekal luar negara.



Top Glove Group merupakan syarikat Malaysia pertama yang meneroka pengeluaran lateks sintetik melibatkan teknologi canggih. Malaysia telah menempatkan empat syarikat pengilangan sarung tangan terbesar di dunia yang menguasai 63 peratus bekalan global. Walau bagaimanapun, pengeluar sarung tangan di Malaysia masih bergantung kepada import lateks sintetik dari negara luar seperti Republik Korea, Jepun, Taiwan, PRC dan Thailand, di mana pelaksanaan projek ini dijangka akan dapat mengatasi isu ini.

Industri ini juga menyaksikan 28 projek pembesaran/pelbagai pada tahun 2019 termasuk beberapa pelaburan besar oleh syarikat seperti OCIM Sdn. Bhd. dan Synthomer Sdn. Bhd. yang masing-masing mengeluarkan silikon polihabluran dan getah sintetik. Projek-projek ini akan bergerak seiring dalam melengkapi pelbagai ekosistem industri terutamanya dalam industri getah bagi pengeluaran sarung tangan.

Pada tahun 2019, Malaysia telah menyaksikan pelancaran Norman Process Oils Malaysia Plant Sdn. Bhd., anak syarikat Rusia Orgkhim Biochemical Holding yang mengkhusus dalam pembangunan dan pengilangan produk ‘kimia hijau’. Loji tersebut mengeluarkan minyak proses getah bukan karsinogenik yang mesra alam untuk tayar, getah sintetik dan sebatian getah.

Loji baharu ini menggunakan paten teknologi yang telah dilaksanakan oleh Orgkhim selama lebih 10 tahun dalam pengeluaran rangkaian produk minyak “hijau” untuk tayar, getah sintetik dan sebatian getah. Teknologi unik yang dibangunkan oleh pusat penyelidikan syarikat itu sendiri, membolehkan produk petrokimianya diasingkan daripada karsinogen berbahaya. Kos pembinaan loji ini mencecah US\$59.2 juta bagi kapasiti sebanyak 70,000 MT setahun dan akan ditempatkan di kawasan seluas 2.83 hektar di Pelabuhan Tanjung Langsat. Loji ini bakal menjadi salah satu penyumbang cukai terbesar dan menawarkan peluang pekerjaan kepada penduduk sekitar, di mana 79 pekerjaan baharu telah diwujudkan sepanjang tempoh pembinaan dan operasi loji. Produk-produk syarikat akan dipasarkan ke seluruh rantau Asia Tenggara dan Asia Pasifik.

Industri juga menyaksikan satu projek pembesaran/pelbagai oleh Baerlocher (M) Sdn. Bhd. dengan pelaburan melebihi RM40 juta. Syarikat ini membesar operasinya di Seremban melibatkan baris pengeluaran tambahan bagi stearat logam dengan kapasiti sebanyak 10,000 tan/tahun, selain gudang dan fasiliti pejabat yang baharu. Pelaburan ini dijangka dapat meningkatkan kelestarian sektor plastik menerusi penyelesaian inovatif dan kecekapan terkini.

Berdasarkan hubungan rapat antara industri kimia dan produk kimia dengan produk petroleum (termasuk petrokimia), pelaksanaan projek Refinery and Petrochemical Integrated Development (RAPID) di Pengerang dijangka akan menggalakkan pertumbuhan industri-industri sampingan dengan lebih pantas di sepanjang dekad akan datang.

Untuk masa ke tahap seterusnya, pengilang kimia dan produk kimia perlu terus meningkatkan keyakinan dan kepercayaan awam tentang kemampuan pemain dalam menguruskan bahan kimia secara selamat dengan mematuhi amalan ‘Responsible Care’ secara sukarela. Melalui cara ini, syarikat-syarikat boleh memastikan bahan kimia yang dihasilkan dan digunakan akan menyumbang risiko yang minimum terhadap kesejahteraan manusia dan alam sekitar. Amalan ini juga akan meletakkan Malaysia sebagai negara yang mematuhi pengendalian menyeluruh bahan kimia di peringkat global, seterusnya menjadi faktor utama bagi menarik lebih banyak FDI.

## Produk Petroleum (termasuk Petrokimia)


Sejak 45 tahun yang lalu, industri produk petroleum dan petrokimia di Malaysia telah bertapak dengan asas kukuh yang membawa industri ini hingga ke tahap terkini. Dengan industri-industri sokongan yang matang, infrastruktur yang baik, tenaga kerja berbilang bahasa dan Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) sebagai peneraju industri, Malaysia memiliki kelebihan tersendiri dalam memacu pembangunan industri dan memberi sumbangans besar kepada pertumbuhan negara serta hasil Kerajaan. Antara syarikat-syarikat petrokimia yang terkenal di Malaysia adalah seperti BASF, Lotte Chemical Titan, Toray Group, Idemitsu, Kaneka, Polyplastics, Dairen dan Eternal Materials.

Terdapat 14 projek yang diluluskan pada tahun 2019 dengan pelaburan berjumlah RM1.39 bilion dan bakal menyediakan 953 peluang pekerjaan. Projek-projek tersebut terdiri daripada 11 projek


baharu dengan pelaburan berjumlah RM1.28 bilion (92.2%) dan tiga projek pembesaran/pelbagai menyumbang RM108.46 juta (7.8%). FDI membentuk RM779.68 juta atau 56 peratus daripada jumlah keseluruhan, manakala RM612.89 juta atau 44 peratus adalah daripada sumber domestik.

## Pelaburan Diluluskan dalam Industri Produk Petroleum (Termasuk Petrokimia) Tahun 2019

Pelaburan Domestik berbanding Asing



Projek Pembesaran/Pelbagai berbanding Projek Baharu



Salah satu projek utama yang diluluskan adalah pembangunan loji penapisan minyak mentah yang ketujuh di negara ini oleh ATB Sdn. Bhd. (“ATB”) di Pontian, Johor. ATB dimiliki oleh Vitol, penyedia penyelesaian tenaga secara bebas yang terbesar dunia. ATB merancang pelaburan sebanyak RM575.2 juta bagi loji penapisan ini menerusi dua fasa dan dijangka akan memulakan operasi pada suku ketiga 2020. Syarikat tersebut akan memproses sehingga 70,000 tong minyak mentah sehari (bpd), di mana semua produk akhir yang dihasilkan adalah bagi tujuan eksport.

Projek ini akan menyediakan kira-kira 32 peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia dengan anggaran perbelanjaan tempatan sebanyak RM8 juta setahun.

Syarikat juga disasarkan akan menyumbang sebanyak RM4.1 bilion hasil eksport pada tahun pertama operasi komersial.

Satu lagi projek penapisan yang diluluskan adalah dari TMM Engineering Services Sdn. Bhd., syarikat milik sepenuhnya rakyat Malaysia yang sebelum ini terlibat dalam kejuruteraan saluran paip termasuk pemasangan, penyelenggaraan dan perkhidmatan pemeriksaan. Syarikat akan menjalankan projek penapisan moden di Kemaman, Terengganu yang menggunakan *syngas* bagi menggantikan minyak mentah, terutamanya dalam penggunaan karbon dioksida dan hidrogen sebagai bahan untuk menghasilkan produk petroleum sintetik. Syarikat akan menggunakan teknologi dari Jerman - 'Fischer-Tropsch Reactor' dan bakal melabur sebanyak RM52.2 juta.

Pada tahun 2019 juga, satu projek pembesaran oleh syarikat pemain resin global yang terkemuka telah diluluskan bagi mengeluarkan sebatian resin poliasetal dan sebatian sulfida polifenilena di lokasi sedia adanya di Kawasan Perindustrian Gebeng, Pahang. Polyplastics Asia Pacific Sdn. Bhd. yang diasaskan sekitar tahun 1990-an dan merupakan anak syarikat milik sepenuhnya Polyplastics Co. Ltd. akan menyalurkan pelaburan tambahan sebanyak RM88 juta dan tambahan 20 peluang pekerjaan baharu kepada 375 kakitangan sedia ada. Projek ini akan memulakan operasi komersial pada suku pertama tahun 2020. Peningkatan kapasiti pengeluaran sebatian bukan sekadar memberi manfaat kepada pelanggan di rantau Asia Pasifik tetapi turut mengukuhkan bekalan bagi memenuhi peningkatan permintaan di pasaran Eropah dan Amerika.

Dengan pelaburan berjumlah US\$27 bilion, Penggerang Integrated Complex (PIC) telah melancarkan fasiliti penapisan, perekah dan petrokimia pada suku terakhir tahun 2019. Dengan kapasiti sebanyak 300,000 bpd, loji penapisan tersebut akan mengeluarkan rangkaian produk petroleum bertapis, termasuk petrol dan diesel yang memenuhi spesifikasi bahan bakar Euro 5.

Selain itu, loji ini juga akan menyediakan bahan suapan untuk kompleks bersepadu petrokimianya yang mempunyai kapasiti untuk mengeluarkan sebanyak 3.3 juta tan produk petrokimia setahun, termasuk bahan kimia terasing dan terkhusus. Loji penapisan ini dan beberapa loji petrokimia tertentu adalah dimiliki dan dikendalikan oleh PRefChem yang merupakan gabungan strategik antara PETRONAS dan Saudi Aramco, usaha sama seimbang antara dua syarikat usaha sama.

Selaras dengan larangan penggunaan plastik sekali guna melalui pelancaran '*Roadmap Towards Zero Single-Use Plastics 2018-2030*' pada 17 Oktober 2018, Malaysia sedang merangka pelan tindakan ekonomi kitaran bagi industri plastik yang akan diperkenalkan pada tahun 2020. Pelan tindakan yang diterajui oleh MESTECC ini disasarkan untuk menyediakan dasar hala tuju pihak-pihak berkepentingan menerusi pendekatan bersama dan bersepadu.

Malaysia terus mempertahankan kedudukan yang kukuh dalam pengeluaran petrokimia asas. Bagi mengekalkan daya saing dan jaminan masa hadapan dalam industri yang berkitar ini, pemain perlu tertumpu untuk membangunkan petrokimia asas kepada petrokimia khas bagi melengkapkan rantaian nilai produk-produk siap yang lebih maju. Menerusi pembangunan ekosistem yang lebih efisien dengan menghubungkan industri-industri yang belum diterokai, Malaysia boleh mengurangkan kebergantungan kepada petrokimia mentah/separa siap yang diimport. Ini akan memanfaatkan syarikat tempatan menerusi peningkatan kualiti dan pengurangan tempoh pengeluaran, serta mempunyai kelebihan untuk bertahan ketika menghadapi kesukaran ekonomi global.

## Produk Plastik

Industri produk plastik di Malaysia berada di kedudukan yang kukuh dan menyokong pertumbuhan pelbagai industri perkilangan penting yang lain seperti E&E, automotif, aeroangkasa, peranti perubatan dan industri pembungkusan makanan; dengan membekalkan bahagian dan

komponen plastik, bahan pembungkusan plastik, serta pelbagai jenis plastik berprestasi tinggi. Malaysia diiktiraf sebagai pengeksport utama bahan pembungkusan plastik di Asia menerusi lebih 1,500 projek pengilangan dalam industri ini dengan pelaburan bernilai lebih RM18 bilion setakat ini. Projek-projek ini telah menyediakan lebih 103,000 peluang pekerjaan di seluruh negara.

Pada tahun 2019, industri ini menunjukkan pertumbuhan yang stabil berdasarkan pelaburan bernilai RM2.48 bilion yang telah diluluskan daripada 87 projek berbanding RM1.85 bilion (60 projek) pada tahun 2018. Tahun ini menyaksikan sumbangan besar oleh DDI sebanyak RM1.53 bilion yang meliputi 62 peratus jumlah pelaburan, sementara FDI mencatatkan pelaburan berjumlah RM940.74 juta atau 38 peratus. Pelaburan yang diluluskan ini terdiri daripada 54 projek baharu berjumlah RM1.91 bilion (77.3%) dan 33 projek pembesaran/pelbaigan berjumlah RM562.12 juta (22.7%). Projek-projek ini dijangka akan menjana 4,039 peluang pekerjaan di negara ini.


Dua projek pembesaran utama yang bercirikan Industri 4.0 pada tahun 2019 adalah dari Plasform Sdn. Bhd. dan Triplus Industry Sdn. Bhd. Syarikat-syarikat ini merupakan peserta dalam “*First Step to Injection Moulding 4.0*”- program rintis selama setahun oleh Persatuan Pengeluar Plastik Malaysia (MPMA) yang telah dilancarkan sejak September 2017.

Pada Oktober 2019, UNITED CAPS Kulim Sdn. Bhd. telah merasmikan pembukaan loji pengilangannya di Kulim, Kedah. Ia merupakan syarikat milik sepenuhnya oleh UNITED CAPS, Luxembourg - pengilang ‘caps and closures’ antarabangsa yang merupakan fasiliti pertama syarikat ini di luar Eropah. Loji di Malaysia adalah loji pengilangan pintar, di mana baris pengeluarannya direka untuk beroperasi secara automatik sepenuhnya dengan intervensi manusia yang minimum. Projek ini akan menjadikan UNITED CAPS sebagai pemain global dalam pasaran Asia dengan strategi ‘Close to You’. Projek syarikat untuk mengeluarkan penutup dan pencedok plastik di Malaysia telah diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM122 juta.

## Pelaburan Diluluskan dalam Industri Produk Plastik Tahun 2019



### Projek Pembesaran/Pelbaigan berbanding Projek Baharu



Berdasarkan perkembangan RAPID yang menggalakkan, peluang untuk pengilang plastik melebarkan dan membangunkan produk ke peringkat lebih tinggi untuk pelanggan yang sofistikated akan lebih terbuka, dengan memanfaatkan resin plastik hiliran yang dihasilkan seperti polietilena dan polipropilena.

Selain itu, ekoran isu salah faham umum terhadap ancaman plastik (terutamanya produk plastik sekali guna) kepada alam sekitar, pemain industri menerima tekanan untuk mempelbagaikan penawaran produk. Peluang yang signifikan dapat dimanfaatkan oleh pelabur prospektif dengan menawarkan pembiayaan dan kepakaran kepada syarikat-syarikat ini untuk beralih kepada model perniagaan yang bersesuaian dan lebih terbuka terhadap perubahan persekitaran perniagaan. Di samping itu, syarikat juga perlu menerapkan automasi serta konsep dan teknologi pintar dalam proses pengilangan untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing.



Dalam peralihan Malaysia ke arah negara maju, pengurusan sisa yang lestari telah menjadi salah satu keutamaan. Setakat tahun 2018, sebanyak 55 projek kitar semula plastik telah beroperasi dengan jumlah pelaburan sebanyak RM713.9 juta dan menjana 3,341 pekerjaan. Sementara pada tahun 2019, sebanyak 12 projek kitar semula telah diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM815.5 juta dan dijangka akan menjana 614 peluang pekerjaan tambahan. Projek-projek ini diluluskan berdasarkan komitmen syarikat untuk memperoleh bahan mentah dari sumber tempatan sepenuhnya.

Seiring dengan SDG, Malaysia berterusan menggalakkan pembangunan lestari, di mana sebahagian daripada komitmen ini melibatkan perlindungan alam sekitar dan memastikan kualiti hidup awam yang lebih baik. Bagi memastikan negara tidak menjadi lokasi pembuangan sisa plastik, MIDA akan terus bekerjasama dengan jabatan Kerajaan yang berkaitan agar rangka kerja pengawalseliaan yang berkesan terhadap kitar semula plastik dapat dilaksanakan.

Susulan sekatan import sisa plastik oleh PRC pada tahun 2018 menjadi isu yang besar buat Malaysia, pengeksport sisa plastik terutamanya dari negara maju perlu mencari alternatif untuk mengeksport sisa dari PRC. Ini telah menjadikan Malaysia antara destinasi utama pengeksport sisa plastik di Asia Tenggara. Sehubungan itu, Malaysia perlu mengukuhkan kriteria dan piawaian pengumpulan sisa nasional.

Permintaan global terhadap produk plastik dijangka akan mencecah kira-kira 334 juta MT menjelang tahun 2020. Majoriti permintaan ini adalah dari industri pengangkutan, terutamanya dalam subsektor automotif dan aeroangkasa. Kebergantungan yang lebih tinggi kepada plastik untuk menggantikan bahan-bahan tradisional dalam industri seperti automotif, pembinaan, aeroangkasa dan perubatan akan memacu keperluan untuk teknologi pengkompaunan yang lebih efisien dan bersih.

## Produk Getah


Malaysia berada di tempat kelima dalam pengeluaran getah asli, sementara produk getahnya dieksport ke lebih 190 negara. Industri ini terdiri daripada tayar dan produk berkaitan tayar, produk lateks, serta produk getah perindustrian dan umum.

Sepanjang tiga suku pertama tahun 2019, pengeluaran getah telah meningkat sebanyak 8.4 peratus kepada 601 ribu tan berbanding 554.3 ribu tan dalam tempoh yang sama pada tahun 2018. Getah asli meliputi 80 peratus daripada jumlah pengeluaran getah dengan 479.8 ribu tan, manakala getah sintetik menyumbang sebanyak 20 peratus.


Eksport produk getah mencatatkan RM25.63 bilion pada tahun 2019, di mana kebanyakan destinasinya adalah ke AS dan Eropah. Sebagai salah satu pengeksport terbesar produk getah, Malaysia menguasai 55 peratus saham eksport global. Sejumlah 11 projek telah diluluskan untuk industri produk getah pada tahun 2019 dengan jumlah pelaburan sebanyak RM3.11 bilion. FDI menyumbang RM2.39 bilion (76.9%), manakala DDI meliputi RM718.52 bilion (23.1%). Pelaburan yang diluluskan ini terdiri daripada tujuh projek baharu bernilai RM3.03 bilion dan empat projek pembesaran/pelbagaiannya sebanyak RM78.64 juta. Sementara sebanyak 2,046 peluang pekerjaan baharu akan dijana daripada jumlah pelaburan ini.

## Pelaburan Diluluskan dalam Industri Getah Tahun 2019

### Pelaburan Domestik berbanding Asing



### Projek Pembesaran/Pelbagai berbanding Projek Baharu



Sebagai sebahagian daripada L'Isolante K-Flex, pengilang global terkemuka dari Itali bagi sistem penebatan elastomer, K-Flex Malaysia Sdn. Bhd. (K-Flex) komited untuk menawarkan produk getah bermutu tinggi kepada pelbagai industri seperti tenaga solar, O&G, penebatan bunyi, dan redaman. Projek baharu K-Flex akan mengeluarkan *bonded shredded elastomeric foam* yang merupakan bahan mentah untuk produk getah bermutu tinggi. Dengan kos keseluruhan projek sebanyak RM66.93 juta, projek ini akan menjana 20 peluang pekerjaan.

Satu lagi projek penting yang diluluskan pada tahun 2019 adalah dari Doshin Rubber Products (M) Sdn. Bhd., pengeluar produk getah untuk kegunaan industri marin dan laluan rel. Projek bernilai RM41.4 juta di Klang, Selangor ini juga akan menujuhkan Pusat Pembangunan dan Kejuruteraan Getah untuk menawarkan penemuan penyelidikan dalam pembangunan bahan, rekaan komponen baharu anti seismos dan kaedah pengeluaran baharu yang menghasilkan ciri-ciri komponen yang optimum. Dengan kelebihan ini, pusat tersebut dapat menawarkan sokongan teknikal yang meluas.

Satu lagi projek berteknologi tinggi yang mendapat perhatian adalah dari Momixx Malaysia Sdn. Bhd. (sebelum ini dikenali sebagai Integrated Formwork Systems Sdn. Bhd.) yang merupakan pengeluar silikon elastomer. Bagi memenuhi keperluan masa hadapan teknologi 5G, Momixx komited untuk mengeluarkan produk yang digunakan sebagai bahan mentah dalam industri telekomunikasi dan automotif. Syarikat ini akan beroperasi di Perai, Pulau Pinang dengan pelaburan melebihi RM15.5 juta. Projek ini juga akan menyediakan 20 peluang pekerjaan baharu kepada rakyat Malaysia, di mana lapan daripadanya adalah dalam bidang sains dan teknologi.

Sementara itu, Maxtrek Tyre Manufacturing (Malaysia) Sdn. Bhd. yang telah diluluskan pada tahun 2018 akan melaksanakan projek dalam dua fasa, di mana fasa pertama melibatkan pelaburan sebanyak RM1.46 bilion dan fasa kedua bernilai RM600 juta. Maxtrek telah menjalankan upacara pecah tanah pada Jun 2019 untuk kilang tayar kereta dan trak di Taman Industri Kuantan Malaysia-PRC di Kuantan. Loji canggih ini merupakan pelaburan pertama Maxtrek di luar PRC yang disasar untuk mengeluarkan enam juta tayar bagi kereta dan trak ringan dan 500,000 tayar bagi trak/bas setahun.

Dalam melangkah ke masa hadapan, pemain industri perlu mula menerap dan menggunakan pakai automasi yang lebih canggih agar dapat meningkatkan kecekapan dan produktiviti serta mengurangkan kebergantungan kepada buruh asing. Secara keseluruhannya, industri juga perlu terus meningkatkan inovasi dan nilai ditambah ke atas produk-produk untuk terus bersaing dengan lebih baik di pasaran global, lebih-lebih lagi dalam ketidaktentuan ekonomi yang disebabkan oleh perang perdagangan AS-PRC dan krisis mata wang.

Majlis Promosi Eksport Getah Malaysia (MREPC) telah menujuhkan dana untuk menggalakkan industri dalam menerapkan automasi dan teknologi hijau. Peruntukan dana sebanyak RM20 juta ini telah dilancarkan oleh Menteri Industri Utama, YB

Teresa Kok pada Ogos 2019. Dana ini meliputi automasi dan teknologi hijau yang melibatkan tenaga boleh diperbaharui dalam bentuk solar dan biojisim, kitar semula dan pengumpulan air serta pengekstrakan air dalam tanah. Melalui dana ini, pemain-pemain industri getah bakal beroleh manfaat menerusi penambahbaikan baris pengeluaran dan pengilangan produk getah yang berkecekapan lebih tinggi.

Empat aktiviti promosi telah dijalankan oleh MIDA pada tahun 2019 bagi menyampaikan kepentingan industri getah di Malaysia. MIDA telah mengambil bahagian sebagai penceramah dan peserta pameran di Persidangan Persatuan Pengilang Produk Getah Malaysia 2019 yang diadakan dari 21-22 Jun 2019 di Top Glove Tower, Setia Alam. Seterusnya, pada 8 Oktober 2019 MIDA juga merupakan salah seorang penceramah di seminar ‘Insentif untuk Industri Produk Getah’ yang dianjurkan oleh MREPC bagi memberi hebahan mengenai inisiatif-inisiatif sedia ada kepada pengilang produk getah terutamanya perusahaan kecil dan sederhana. Pada 22 November 2019, MIDA diundang sekali lagi oleh MRPMA sebagai penceramah di seminar bertajuk “Rubber Manufacturing Sector: Taking on Opportunities of Industry 4.0”. Akhir sekali, MIDA juga telah menghadiri “Global Rubber Conference 2019” yang diadakan dari 12-14 Disember 2019 di Hainan, PRC yang dihadiri oleh kira-kira 500 eksekutif dan 25 pakar industri yang terkenal di peringkat antarabangsa.

## Oleokimia

Berdasarkan unjuran pasaran yang bakal mencecah nilai US\$28.6 bilion menjelang tahun 2025, permintaan terhadap oleokimia dipacu oleh pelbagai aplikasi pengguna seperti produk penjagaan diri dan isi rumah serta F&B. Malaysia yang tertumpu dalam pengeluaran oleokimia asas seperti asid lemak, alkohol lemak, metil ester dan gliserin, menikmati manfaat daripada limpahan bekalan minyak sawit dan minyak isirung sawit bagi pengeluaran hiliran dalam industri oleokimia.

Pada tahun 2019, kawasan kelapa sawit di Malaysia direkodkan seluas 4.49 hektar yang menyumbang sebanyak 28 peratus pengeluaran minyak sawit global dan 33 peratus eksport global selepas Indonesia. Industri ini telah berkembang ke arah pengeluaran beberapa derivatif oleokimia yang lain seperti ester lemak, amina lemak, mi sabun, sabun berlogam dan unsur berasaskan kelapa sawit yang lain. Oleokimia asas dan terbitan ini digunakan sebagai bahan bagi pelbagai jenis produk seperti detergen, surfaktan, syampu, sabun, kosmetik, produk farmaseutikal, plastik dan aditif makanan. Setakat ini, terdapat lebih 21 loji oleokimia yang beroperasi di Malaysia yang mengeluarkan kira-kira 2.68 juta tan oleokimia pada tahun 2019.

Berbanding kimia berasaskan fosil, oleokimia boleh terurai secara semula jadi kerana kebanyakan moiety hidrokarbon yang dikandung terdiri daripada rantaian karbon bernombor genap dan bersifat alifatik atau linear. Oleh itu, oleokimia adalah lebih mudah dihadam oleh mikroorganisma.

Pada tahun 2019, sejumlah 12 projek telah diluluskan dalam industri oleokimia yang mencatatkan pelaburan sebanyak RM918.08 juta. Pelabur domestik mendominasi industri ini dengan pelaburan berjumlah RM552.99 juta (60.2%), manakala FDI sebanyak RM365.09 juta (39.8%). Daripada projek-projek yang diluluskan, tujuh adalah projek baharu manakala selebihnya adalah projek pembesaran/pelbagai yang keseluruhannya akan menjana 471 peluang pekerjaan baharu.

Salah satu pelaburan penting yang diluluskan adalah projek bernilai RM200 juta oleh IOI Acidchem Sdn. Bhd. untuk meningkatkan kapasiti pengeluarannya sebanyak 30 peratus atau tambahan 120,000 MT setahun menjelang tahun 2021.

IOI Acidchem Sdn. Bhd. merupakan syarikat tempatan terkemuka yang secara umumnya

terlibat dalam pengilangan dan penjualan oleokimia dan produk-produk derivatif berasaskan sawit. Rangkaian pelanggan syarikat meliputi lebih 80 negara di seluruh dunia dan rangkaian produknya yang luas dan versatil digunakan dalam pelbagai aplikasi termasuk pengilangan detergen, surfaktan, syampu, sabun, kosmetik, produk farmaseutikal, aditif makanan dan plastik.

Satu lagi projek penting yang diluluskan adalah projek pelbagaiaan oleh Evyap Sabun Malaysia Sdn. Bhd. dengan pelaburan bernilai RM106.80 juta dan akan menjana 15 peluang pekerjaan baharu. Evyap akan menggunakan bahan kimia khas untuk kegunaan dalaman dan turut meliputi pelbagai industri lain seperti penjagaan diri, makanan dan aplikasi perindustrian.

Memandangkan terdapat peningkatan permintaan asid lemak oleokimia dalam industri farmaseutikal dan makanan, pasaran ini djangka akan menunjukkan pertumbuhan yang ketara. Sebagai salah satu industri pemangkin negara, industri oleokimia perlu meningkatkan rantaian nilai daripada pengeluaran oleokimia asas kepada produk-produk derivatif/khusus yang mempunyai aplikasi meluas, prestasi produk yang cemerlang serta bernilai ditambah yang selamat untuk penggunaan manusia, mesra alam dan mudah terurai. Pemain baharu perlu mempertimbangkan strategi selain daripada pengeluaran oleokimia asas. Peluang ke arah pembangunan produk secara terus daripada minyak sawit dan minyak isirung sawit tanpa perlu melalui oleokimia asas adalah tidak mustahil menerusi teknologi pengilangan baharu.

Pelabur juga boleh mempertimbangkan segmen pasaran oleokimia khusus yang masih terhad produknya. MPOB telah menerajui usaha R&D industri yang kebanyakannya tertumpu kepada produk akhir, bukan sekadar oleokimia asas. Antara contoh R&D yang dilaksanakan adalah bagi poliol dan poliuretana berasaskan sawit, metil ester sulfonat, kosmetik dan produk penjagaan diri serta esterquat berasaskan sawit. Berdasarkan usaha bersepudu ini, pemain industri digalakkan

untuk memanfaatkan teknologi baharu bagi mengeluarkan produk derivatif/khusus oleokimia dan menjalin usaha sama pintar dengan syarikat asing berteknologi yang bersesuaian.

## **Industri berdasarkan Kayu**

### **Kayu dan Produk Kayu & Perabot dan Lekapan**

Sejak 20 tahun lalu, industri berdasarkan kayu telah menjadi salah satu industri yang penting kepada negara, meliputi pengeluaran kayu gergaji, venier, produk panel (papan lapis, papan serpai, papan cip dan papan gentian), kumai, kerja pertukangan dan penyambungan kayu (BJC) serta perabot dan komponen perabot.

Menerusi kira-kira 3,500 kilang yang sedang beroperasi, industri ini menyediakan pekerjaan kepada lebih 240,000 orang pekerja. Menurut MPI, syarikat perabot kayu menyumbang sebanyak RM8.2 bilion setakat November 2019 daripada jumlah eksport kayu dan perabot Malaysia bernilai RM20.4 bilion. Manakala eksport papan lapis pula menyumbang sebanyak RM3.1 bilion.

Pada tahun 2018, perabot kayu menyumbang RM7.9 bilion daripada jumlah eksport dan disusuli oleh papan lapis sebanyak RM4.6 bilion. Jumlah nilai eksport didapati menurun sebanyak 3.8 peratus berbanding tahun terdahulu kepada RM23.2 bilion yang disebabkan oleh faktor seperti kemerosotan ekonomi global yang mengurangkan permintaan dari pasaran utama, sekatan ekonomi AS ke atas Iran yang merupakan pengimport utama papan fiber ketumpatan sederhana, ketidakstabilan politik di Timur Tengah dan pertumbuhan perlahan industri pembinaan tempatan.

Kayu dan produk kayu Malaysia dieksport ke lebih 170 negara, di mana Jepun, AS, India, ROK, PRC dan Australia merupakan destinasi utama. Nilai eksport keseluruhan industri ini mencecah RM110.5 bilion dari tahun 2014 hingga 2018 meliputi perabot kayu (33.5%), papan lapis (21.2%) dan kayu gergaji (15.2%) yang merupakan produk-produk eksport utama.

Pelancaran Dasar Perindustrian Kayu Negara (NATIP) 2009-2020 pada tahun 2009 telah disasarkan untuk menyeimbangkan semula perkadaran syarikat yang terlibat dalam pengeluaran produk huluan (seperti venier, papan lapis dan kayu gergaji) dan syarikat yang tertumpu dalam aktiviti hiliran bernalih ditambah (perekaan, pembangunan dan pengeluaran perabot kayu, kayu tereka bentuk/acuan kayu dan lain-lain.) pada nisbah 60:40. Dasar ini juga mensasarkan agar nilai keseluruhan eksport industri ini dapat mencecah RM25 biliar menjelang tahun 2020.

Di peringkat serantau, pelabur dan pemain industri telah menunjukkan minat untuk meneroka potensi negeri Sabah dalam industri ini. Pada seminar “New Era of Manufacturing for Furniture & Wood- Based Industry” yang dianjurkan oleh MIDA pada 23 Januari 2018 di Kota Kinabalu, Sabah, sekurang-kurangnya tiga syarikat dari Semenanjung Malaysia telah menyatakan hasrat untuk memanfaatkan sumber-sumber di Sabah dengan meluaskan operasi syarikat ke negeri tersebut. MIDA telah mengatur perbincangan antara syarikat-syarikat ini dengan Yayasan Sabah, Kluster Perindustrian Minyak Sawit Lahad Datu dan Sabah Softwood Berhad.

Sejumlah 34 projek telah diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM707.75 juta dalam industri kayu dan produk kayu pada tahun 2019, di mana 23 adalah projek baharu yang menyumbang RM612.32 juta (86.5%) dan 11 projek pembesaran/pelbagai dengan pelaburan RM95.43 juta (13.5%). Pelaburan domestik mencatatkan RM300.35 juta (42.4%), manakala pelaburan asing adalah RM407.4 juta (57.6%). Projek-projek ini dijangka akan menjana 1,649 peluang pekerjaan.

Salah satu projek penting yang diluluskan ialah dari syarikat milik sepenuhnya rakyat Malaysia yang melabur sebanyak RM84.42 juta untuk mengeluarkan sambungan jejari, kumai dan kayu gergaji bergred. Satu lagi pelaburan yang diluluskan adalah projek baharu oleh

syarikat milik sepenuhnya rakyat asing dengan pelaburan berjumlah RM40.31 juta untuk mengilang papan serpai.

Subsektor perabot merekodkan pelaburan berjumlah RM623.55 juta menerusi 40 projek pada tahun 2019. Daripada jumlah ini, 31 merupakan projek baharu dengan pelaburan bernalih RM596.9 juta (95.7%), manakala bakinya adalah projek pembesaran/pelbagai bernalih RM26.65 juta (4.3%). Pelaburan domestik dan asing adalah berjumlah RM179.5 juta (28.8%) dan RM444.02 juta (71.2%) masing-masing. Projek-projek yang diluluskan ini dijangka akan menjana 3,671 peluang pekerjaan.

Antara projek penting yang diluluskan pada tahun 2019 adalah dari syarikat milik sepenuhnya rakyat asing dengan pelaburan berjumlah RM108 juta yang akan menjalankan pengilangan perabot kayu di Johor. Satu lagi projek yang diluluskan adalah untuk mengeluarkan perabot kayu dan alat ganti oleh syarikat milik majoriti asing dengan pelaburan berjumlah RM68.60 juta.

## Kertas, Percetakan dan Penerbitan

Industri kertas Malaysia telah bermula sejak era 1960-an, walau bagaimanapun pertumbuhannya didapati agak perlahan kerana keupayaan syarikat kertas tempatan yang terbatas untuk mengembangkan perniagaan. Namun, prospek industri ini bakal berubah memandangkan MIDA menerima banyak permohonan syarikat-syarikat kertas dari PRC untuk menjalankan perniagaan di negara sejak tahun 2018. Pada tahun 2019, MIDA telah menerima 10 permohonan daripada syarikat-syarikat kertas terkemuka dari PRC yang menyumbang kepada kebanyakan jumlah nilai pelaburan industri ini. Kapasiti pengeluaran kertas di Malaysia dijangka akan melonjak sebanyak 395 peratus menerusi penglibatan syarikat-syarikat ini.

Meskipun bergantung kepada kertas terpulih sebagai bahan mentah, syarikat-syarikat kertas PRC akan melaksanakan amalan pengilangan baik selain menerapkan ciri-ciri Industri 4.0 dan amalan

mesra alam dalam operasinya. Sisa air dan sisa pepejal yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat ini akan dirawat dengan lanjut mengikut piawaian kerajaan dengan melaksanakan dasar sifar sisa menerusi pembakaran atau mengguna semula produk bagi tujuan lain yang boleh menyumbang kepada ekonomi kitaran.

Pengeluaran kertas di Malaysia didominasi oleh kertas pembungkusan seperti kertas kraf, testliner dan kertas pertengahan. Produk-produk ini dikeluarkan oleh syarikat-syarikat kertas utama iaitu GS Paper & Packaging Sdn. Bhd., Muda Paper Mills Sdn. Bhd., dan Pascorp Paper Industries Sdn. Bhd. Selain daripada pulpa dara dan kertas terbuang, kertas juga boleh dihasilkan menerusi penggunaan biojisim. Setakat ini, Eco Palm Paper Sdn. Bhd. merupakan satu-satunya syarikat yang beroperasi dalam pengilangan kertas daripada tandan buah kosong (EFB). Pada tahun 2019, satu lagi syarikat lain telah dilesenkan untuk mengilang pulpa dan produk kertas daripada EFB dengan cadangan jumlah pelaburan sebanyak RM84.4 juta. Selain itu, beberapa syarikat pulpa dan kertas dari PRC juga telah menunjukkan minat dalam pengilangan kertas menggunakan biojisim. Dengan keluasan ladang-ladang kelapa sawit sebanyak 5.8 juta hektar, Malaysia mempunyai kelebihan komparatif untuk menghasilkan kertas daripada EFB. Oleh itu, penambahbaikan teknologi bagi pengeluaran kertas berasaskan EFB dan kualiti kertas akan memerlukan lebih banyak kajian dan penyelidikan.


Sebanyak 47 projek telah diluluskan pada tahun 2019 dengan pelaburan berjumlah RM10.75 bilion. Projek-projek ini dijangka akan menjana 6,587 peluang pekerjaan. Daripada jumlah ini, 16 adalah projek pembesaran/pelbagai dengan pelaburan berjumlah RM2.72 bilion atau 25.3 peratus daripada jumlah keseluruhan, manakala 31 lagi adalah projek baharu dengan pelaburan berjumlah RM8.03 bilion atau 74.7 peratus. Pelaburan asing meliputi 90 peratus daripada jumlah keseluruhan atau RM9.68 bilion, manakala RM1.07 bilion atau 10 peratus disumbangkan oleh pelaburan domestik.

Kelulusan subsektor produk kertas meliputi 96.7 peratus atau RM10.39 bilion daripada jumlah pelaburan dalam industri ini. Baki sebanyak RM364.43 juta (3.3%) adalah dari subsektor percetakan dan penerbitan. Pelaburan ketara disumbangkan oleh syarikat-syarikat milik asing yang menjalankan akitiviti pengilangan kertas dengan pelaburan berjumlah RM10.1 bilion atau 96.8 peratus daripada jumlah pelaburan dalam subsektor produk kertas.


Automasi dalam pengilangan kertas di Malaysia berada di tahap yang agak baik, walau bagaimanapun masih terdapat potensi ke arah penaiktarafan atau pemodenan. Berbanding pesaing-pesaing di peringkat global, teknologi yang digunakan oleh kebanyakan pengilang kertas di Malaysia masih agak ketinggalan yang menggugat daya saing syarikat dalam pasaran global. Pemain industri digalakkan untuk menaik taraf dan meneroka teknologi baharu dan baru muncul dalam meneruskan operasi. Syarikat-syarikat boleh memanfaatkan insentif Elaun Modal Automasi (ACA) dan inisiatif-inisiatif di bawah Industry4WRD untuk menaik taraf mesin dan peralatan.

## Pelaburan Diluluskan dalam Industri Kertas, Percetakan dan Penerbitan Tahun 2019

### Pelaburan Domestik berbanding Asing



### Projek Pembesaran/Pelbagai berbanding Projek Baharu



## Pemerkasaan Jawatankuasa Nasional Mengenai Pelaburan (NCI)

Bagi mengurangkan kerentuan birokrasi dalam proses kelulusan pelaburan di Malaysia, MIDA telah menubuhkan Jawatankuasa Nasional Mengenai Pelaburan (NCI) pada Mei 2010 sebagai platform utama untuk meluluskan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan tertentu.

NCI diterajui oleh Pengerusi MIDA bersama pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA), Lembaga Hasil dalam Negeri (IRB) dan Bank Negara Malaysia (BNM) yang berperanan sebagai ahli tetap untuk menilai cadangan-cadangan projek pelaburan di Malaysia dan membuat keputusan dalam masa nyata. Inisiatif ini ternyata berkesan untuk meluluskan projek-projek yang disasarkan dengan pantas dan tuntas.

Pada 8 Mei 2019, NCI telah diperkisasikan lagi sebagai ‘Jawatankuasa Tunggal bagi Kelulusan Insentif’, selaras dengan keputusan Kerajaan bagi memastikan para pelabur dapat menikmati proses yang lebih telus dan bebas kerentuan dalam permohonan lesen dan insentif pelaburan. Terdahulu, didapati terdapat pertindihan usaha bagi menarik pelaburan di kalangan pelbagai agensi kerajaan yang bukan sahaja menyumbang kepada pembaziran sumber dan tenaga, tetapi mengakibatkan kekeliruan di kalangan pelabur. Perkara ini juga mewujudkan persaingan yang tidak sihat di antara agensi-agensi penggalakan pelaburan (IPA).

NCI baharu yang telah diperkisasikan ini akan membuat keputusan berdasarkan Akta Penyelarasaran Perindustrian (ICA) 1975, Akta Pembangunan Petroleum (PDA) 1974, Akta Penggalakan Pelaburan (PIA) 1986, Akta Cukai Pendapatan (ITA) 1967, Akta Kastam 1967, dan Akta Cukai Jualan 2018. Jawatankuasa ini akan turut mempertimbang dan meluluskan cadangan projek-projek pelaburan oleh IPA lain di Koridor Serantau, Perbadanan Pembangunan Industri Halal Malaysia (HDC), Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia Sdn. Bhd. (MDEC), Perbadanan Pembangunan Bioekonomi Malaysia Sdn. Bhd. (Bioekonomi) dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA).

Dalam usaha mengukuh dan mempercepatkan proses keputusan, NCI kini dipengerusikan secara bersama oleh MITI dan MOF. Mesyuarat NCI akan terus diadakan secara mingguan, di mana Menteri MITI dan MOF akan mempengerusikan secara bersama sekurang-kurangnya sekali setiap bulan. Sementara untuk mesyuarat mingguan yang lain, jawatankuasa ini akan dipengerusikan bersama oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Pengerusi MIDA. Jawatankuasa ini juga akan membincangkan cadangan dan langkah untuk menangani isu-isu pelaburan di peringkat negeri dan persekutuan, serta mengemukakan syor kepada Kerajaan untuk menyemak insentif-insentif sedia ada atau cadangan insentif baharu.

NCI yang diperbaharui ini dijangka akan mengukuhkan lagi usaha sama di kalangan IPA bagi menggalakkan pelaburan di negara ini, di mana MIDA akan memainkan peranan sebagai jendela tunggal untuk pelaburan. Pembaharuan ini juga akan membolehkan MIDA untuk menawarkan perkhidmatan yang lebih baik kepada pihak-pihak berkepentingan dalam usaha untuk menarik pelaburan berkualiti di Malaysia.

## SPM Atas Talian

Dalam usaha untuk terus menawarkan perkhidmatan yang cekap dan telus kepada pelabur, MIDA telah membangunkan sistem bersepadan *e-MIDA Transformation Enterprise System* (e-TRANS) untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan. Ini adalah selaras dengan transformasi MIDA dan Pelan Tindakan Sektor Perkhidmatan di bawah pelaksanaan RMK-11. Di antara objektif e-TRANS adalah untuk membangunkan infrastruktur ICT yang lebih kukuh, stabil dan selamat untuk memenuhi keperluan perniagaan serta melaksanakan tadbir urus IT yang berkesan bagi menyokong fungsi-fungsi utama MIDA.

Pembangunan sistem ini dimulakan dengan Surat Pengesahan MIDA (SPM) yang sebelum ini merupakan modul kecil di bawah sistem atas talian ‘Jawatankuasa Pengecualian Cukai (JPC)’. Sistem terbaru ini telah mula beroperasi atas talian pada 30 September 2019 menerusi <https://investmalaysia.mida.gov.my>

SPM merupakan surat yang dikeluarkan oleh MIDA kepada syarikat-syarikat yang layak untuk mengesahkan status syarikat-syarikat berkenaan bagi mengemukakan tuntutan duti import dan/atau pengecualian cukai jualan dari Jabatan Kastam Diraja Malaysia (KDRM).

Syarikat-syarikat yang layak boleh memohon SPM dari MIDA untuk dikemukakan kepada KDRM bersama senarai jentera, kelengkapan, alat-alat ganti, penggerak utama, treler kontena, alat khas, komponen, bahan mentah atau bahan guna habis khas yang akan diimport atau dibeli bagi mendapatkan kebenaran untuk tuntutan pengecualian. Syarikat-syarikat yang berkelayakan adalah meliputi:

- ◆ Pengilang dalam Kawasan Utama Kastam (PCA)
- ◆ Syarikat yang terlibat dalam perniagaan perhotelan
- ◆ Pengendali pengangkutan
- ◆ Syarikat penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) aeroangkasa

Sistem baharu yang dipertingkatkan ini menawarkan persekitaran yang lebih cekap dan berkesan untuk pihak-pihak berkepentingan. Ia juga akan menambahbaik sistem penilaian dan penyampaian MIDA menerusi integrasi proses-proses sedia ada berkaitan permohonan lesen pengilang serta insentif dengan pengecualian duti import dan cukai jualan.

Modul-modul lain dalam sistem atas talian JPC iaitu permohonan untuk pengecualian duti import dan/atau cukai jualan ke atas jentera, kelengkapan, sampel bahan, prototaip, bahan mentah dan/atau komponen akan diserapkan ke dalam sistem ini secara berperingkat.



# 3

## Prestasi Sektor Perkhidmatan



Sektor perkhidmatan di Malaysia telah menyediakan peluang pekerja kepada lebih 60 peratus tenaga kerja negara dan membentuk lebih separuh daripada KDNK yang menjadikan sektor ini penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi, produktiviti dan pendapatan negara. Pasaran perkhidmatan yang terbuka dan dikawal selia dengan baik juga memudahkan akses kepada maklumat, kemahiran, teknologi, dana, dan membolehkan pergerakan buruh berkemahiran merentasi sempadan

Sumber: Kaji Selidik Ekonomi OECD, Malaysia, Julai 2019

### **3.1 Ringkasan Prestasi**

## **Bersedia untuk Menerajui**

Sektor perkhidmatan negara terus menonjol pada tahun 2019 apabila ia mendahului dalam jumlah pelaburan yang diluluskan. Sektor perkhidmatan berjaya mengekalkan momentum pertumbuhan yang cemerlang iaitu sebanyak 11.3 peratus pada tahun ini menjadikan ianya bersedia untuk menghadapi cabaran yang lebih besar, memandangkan peranan penting yang akan dimainkannya dalam rancangan Malaysia ke-12 dan ke-13, dalam mencapai Wawasan Kemakmuran Bersama 2030



Keadaan ekonomi global pada tahun 2019 adalah mencabar, dengan perang perdagangan antara Amerika Syarikat-China dan Brexit yang membebankan sentimen pasaran. Segala ketidakpastian ini telah melemahkan momentum pertumbuhan apabila kebanyakan pelabur menangguhan dari meneruskan pelaburan. Kemas kini *World Economic Outlook* oleh IMF pada Oktober 2019 meramalkan pertumbuhan global pada kadar 3.0 peratus kerana momentum keseluruhannya adalah perlahan dan akan meningkat sedikit kepada 3.4 peratus pada tahun 2020.

Namun begitu, masih terdapat beberapa perkara yang memberangsangkan seperti, sektor perkhidmatan global yang masih bertahan walaupun aktiviti pengilangan global terus perlahan sejak awal 2018.


Di sebalik senario global sektor perkhidmatan Malaysia yang pelbagai telah berkembang pada kadar yang lebih cepat iaitu 6.1 peratus pada suku keempat 2019, berbanding 5.9 peratus pada suku sebelumnya. Sektor perkhidmatan menyumbang kepada lebih 55 peratus ekonomi Malaysia dan merupakan salah satu penyumbang utama kepada pertumbuhan negara, selain daripada sektor perkilangan. Terdapat beberapa faktor penting yang memacu pertumbuhan sektor ini, iaitu; perbelanjaan berkaitan pengguna yang teguh, terutamanya dalam subsektor makanan dan minuman dan tempat tinggal, serta kenderaan bermotor; pendapatan daripada bayaran yang lebih tinggi

dalam subsektor kewangan dan insurans; permintaan berterusan untuk perkhidmatan komunikasi data dalam subsektor maklumat dan komunikasi dan; trafik penumpang udara dan aktiviti berkaitan pelabuhan yang stabil dalam subsektor pengangkutan dan penyimpanan.

Selepas tahun 2019, pertumbuhan suku pertama Malaysia pada tahun 2020 dijangka akan terjejas akibat wabak Covid-19. Impaknya berkemungkinan besar akan dapat dirasai oleh industri pelancongan dan industri lain yang berkaitan. Magnitud kesannya ke atas ekonomi Malaysia, termasuk sektor perkhidmatan akan bergantung kepada tempoh wabak tersebut, dan keberkesanan tindak balas dasar oleh pihak berkuasa. Bagi menangani isu ini, MIDA bekerjasama dengan Kementerian Kewangan untuk merangka pakej rangsangan bagi meringankan kesan-kesan negatif wabak ini kepada ekonomi negara.

Dari segi kelulusan pelaburan, sektor perkhidmatan memberi sumbangan terbesar kepada ekonomi Malaysia pada tahun 2019, dengan lebih separuh daripada jumlah pelaburan yang diluluskan. Sebanyak RM118.10 bilion nilai pelaburan telah diluluskan untuk sektor ini, iaitu kenaikan sebanyak 11.3 peratus daripada jumlah kelulusan yang direkodkan pada tahun 2018, iaitu RM106.07 bilion. Sebanyak 4,087 projek perkhidmatan diluluskan di mana 44,811 peluang pekerjaan dijangka akan diwujudkan. Kebanyakan projek perkhidmatan, iaitu 74.9 peratus daripadanya dijalankan di Selangor, Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor dan Sabah.

### Pelaburan Diluluskan dalam Sektor Perkhidmatan pada 2019



### Pelaburan Domestik berbanding Asing



Terdapat banyak peluang perniagaan untuk pelabur di Malaysia dengan ekonominya yang berdasarkan sektor perkhidmatan dengan kepelbagaian yang tinggi. Pada tahun 2019, lima penyumbang utama dalam pelaburan yang diluluskan untuk sektor perkhidmatan adalah subsektor hartanah (RM40.85 bilion), utiliti (RM32.58 bilion), pertubuhan global (RM11.75 bilion), perdagangan pengedaran (RM11.70 bilion) dan perkhidmatan sokongan (RM5.66 bilion). Secara keseluruhan, lima subsektor ini mewakili 88.6 peratus daripada pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkhidmatan sepanjang tempoh tersebut. Pertumbuhan yang paling tinggi dari segi pelaburan yang diluluskan adalah dalam subsektor utiliti, perdagangan pengedaran dan pertubuhan global.


Syarikat-syarikat Malaysia menyumbang kepada majoriti pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkhidmatan, iaitu sebanyak 79.1 peratus daripada jumlah keseluruhan sebanyak RM93.44 bilion. Pelaburan asing membentuk 20.9 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan iaitu sebanyak RM24.66 bilion. Walaupun pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkhidmatan didominasi oleh pelaburan domestik, perlu ditekankan bahawa pelaburan asing telah menunjukkan peningkatan

yang tinggi iaitu sebanyak 53.4 peratus; daripada RM16.08 bilion pada tahun 2018, kepada RM24.66 bilion pada tahun 2019.

Ini membuktikan minat para pelabur asing untuk menjadikan Malaysia pangkalan capaian global mereka di rantau ini telah meningkat. Antara sumber utama pelaburan asing ke dalam sektor perkhidmatan termasuklah AS, Jepun, Mauritius, Singapura, dan PRC. Apabila digabungkan, lima buah negara ini membentuk 89.6 peratus daripada jumlah pelaburan asing ke dalam sektor ini.



### Lima Subsektor Utama Perkhidmatan pada 2019



## Sumber Utama Pelaburan Asing dalam Sektor Perkhidmatan pada 2019



AS



Jepun



Mauritius



Singapura



PRC

5 Negara Ini  
Menyumbang  
**89.6%**  
Pelaburan Asing  
dalam Sektor Ini

Beberapa subsektor merekodkan penurunan dalam jumlah pelaburan yang diluluskan. Antaranya adalah kelulusan insentif untuk status MSC yang menghadapi pembekuan sementara kerana mematuhi keperluan Forum on Harmful Tax Practices (FHTP). Beberapa subsektor lain turut dikenal pasti menunjukkan penurunan berbanding jumlah projek pelaburan bernilai tinggi yang diluluskan pada tahun 2018.

Kerajaan Malaysia akan terus memberi tumpuan kepada usaha-usaha mempromosikan subsektor perkhidmatan, menggalakkan pelaburan dalam aktiviti bernilai tinggi yang boleh dipasarkan, berintensifkan pengetahuan yang tinggi dan perkaitan dengan rantaian ekonomi, serta berpotensi untuk menjana peluang pekerjaan berpendapatan tinggi. Ini akan membolehkan sektor perkhidmatan maju ke peringkat yang lebih tinggi dalam rantaian nilai, seterusnya menyediakan perkaitan yang lebih kukuh kepada sektor-sektor utama ekonomi yang lain seperti Teknologi Hijau, Perkhidmatan Logistik Bersepadu dan aktiviti-aktiviti R&D dan Reka Bentuk.

Berdasarkan kepentingannya kepada dana negara, sektor perkhidmatan juga memainkan peranan yang besar dalam mencapai Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang merupakan suatu komitmen untuk memastikan negara mencapai pertumbuhan yang lestari dengan lebih kemakmuran dan menangani perbezaan sosioekonomi sepanjang tempoh Rancangan Malaysia ke-12 dan ke-13, dari tahun 2021 hingga 2030. Kesemua ciri-ciri yang dinyatakan ini bermakna sektor perkhidmatan akan memainkan peranan yang penting dalam


dekad seterusnya, apabila negara menstruktur semula ekonominya untuk menjadi lebih progresif, berdasarkan pengetahuan dan bernilai tinggi dimana keseluruhan komunitinya mengambil bahagian di semua peringkat.

**Berdasarkan kepentingannya kepada dana negara, sektor perkhidmatan juga memainkan peranan yang besar dalam mencapai Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang merupakan komitmen untuk memastikan negara mencapai pertumbuhan yang lestari dengan lebih kemakmuran dan menangani perbezaan sosioekonomi sepanjang tempoh Rancangan Malaysia ke-12 dan ke-13, dari tahun 2021 hingga 2030**

### 3.2 Prestasi Subsektor Perkhidmatan

## Kedudukan Yang Baik

Insentif yang ditambahbaik telah menarik lebih banyak perniagaan untuk menubuhkan hab di Malaysia, menjadikan negara ini mempunyai daya tarikan tinggi untuk pelaburan baharu. Keinginan rakyat tempatan yang semakin meningkat untuk konsumerisme digital dan perkembangan dalam gangguan digital mewujudkan peluang pelaburan, dan dalam pelbagai bidang sampingan ekonomi



## Pertubuhan Global

### Hab Prinsipal: Umpan Lebih Besar

Hab Prinsipal 2.0 (PH2.0) adalah skim insentif yang telah ditambahbaik dan dilancarkan pada Oktober 2019 untuk menarik lebih banyak syarikat multinasional (MNC) asing dan tempatan untuk melabur di Malaysia sebagai hab operasi serantau atau global mereka.

Di bawah skim PH yang diperbaharui yang kini dikenali sebagai PH2.0, syarikat yang sedang beroperasi di Malaysia boleh mengambil peluang dengan menggunakan lokasi mereka untuk menguruskan perniagaan serantau atau global kerana mereka dapat menikmati kadar cukai konsesi 10 peratus ke atas operasi di Malaysia, menggantikan skim sebelum ini yang hanya memberi insentif ke atas pendapatan tambahan.

Walaupun syarat-syarat kelayakan untuk skim ini telah diperketat, sesetengah kriteria telah dilonggarkan untuk membantu syarikat mengembangkan operasi perniagaan mereka. Sebagai contoh, di bawah PH 2.0, syarikat tidak perlu lagi membuka perkhidmatan minima di beberapa negara, seterusnya menarik minat lebih banyak syarikat tempatan yang perniagaannya bertumpu kepada pasaran Malaysia. Sebaliknya, syarikat perlu membuka perkhidmatan bagi bilangan minimum syarikat-syarikat rangkaian, dan ini menggalakkan mereka untuk mengukuh dan mengembangkan rantaian bekalan mereka.

Bagi memastikan kelangsungan kumpulan bakat Negara dapat dipertingkatkan, penyediaan lebih banyak pekerjaan bernilai tinggi termasuk peluang-peluang seperti *internship*, latihan dan usaha sama dengan institusi tempatan adalah perlu. Skim PH terus menjadi platform yang amat berkesan untuk membantu ekonomi bergerak ke tahap yang lebih tinggi dalam rantaian nilai dengan menawarkan insentif kepada syarikat-syarikat untuk memindahkan operasi mereka ke Malaysia, seterusnya mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan berdasarkan pengetahuan untuk rakyat Malaysia, terutamanya dalam sektor-sektor utama ekonomi seperti E&E, aeroangkasa, O&G, bahan kimia serta makanan dan minuman. Dengan menempatkan dan meluaskan operasi serantau atau global mereka di negara ini, MNC

dan konglomerat tempatan juga akan meningkatkan penggunaan perkhidmatan sokongan tempatan, seterusnya mengukuhkan peranan syarikat-syarikat tempatan dalam ekosistem sektor-sektor tersebut.

Selain daripada insentif cukai yang kompetitif, Malaysia juga menawarkan kos hidup yang agak rendah, ketersediaan kemahiran yang baik, infrastruktur yang kukuh, serta perjanjian dagangan serantau dan hubungan logistik yang mantap. *Business Environment Rankings* dari *Economist Intelligence Unit* (EIU) meletakkan Malaysia di tempat ketujuh di Asia pada tahun 2019, di belakang Jepun, namun mendahului Republik Korea. Ekspatriat juga menganggap Kuala Lumpur sebagai bandar yang sesuai didiami dengan EIU meletakkan Malaysia kira-kira sebaris dengan Beijing atau Shanghai dalam metrik tersebut.

### Projek hab prinsipal diluluskan

Sejak skim insentif PH diperkenalkan pada tahun 2015, MIDA telah meluluskan sejumlah 36 projek PH, di mana syarikat-syarikat tersebut komited untuk membelanjakan RM47.25 bilion selain menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan sampingan tempatan bernilai RM5.82 bilion dan menyediakan 2,932 pekerjaan bernilai tinggi dalam sektor-sektor seperti E&E, aeroangkasa, O&G, bahan kimia dan teknologi maklumat.

### Projek Hab Prinsipal Diluluskan sejak 2015 (Setakat Disember 2019)



Dalam tempoh dari 2015 hingga 31 Disember 2019, sebanyak 18 projek Hab Prinsipal telah direalisasikan yang melibatkan pelaburan sebanyak RM7.08 bilion dan menyediakan 1,792 pekerjaan bernilai tinggi; di mana sekurang-kurangnya 50 peratus adalah untuk rakyat Malaysia. Syarikat-syarikat Hab Prinsipal ini telah melangkaui komitmen masing-masing dalam tahun pertama operasi. Beberapa projek lain yang telah diluluskan juga dijangka akan mula dilaksanakan pada tahun 2020.

## Pejabat Serantau/Perwakilan (RO/RE)

Fasa awal untuk syarikat asing yang ingin menyelaras dan menyokong operasi mereka di rantau Asia Pasifik di Malaysia adalah dengan membina pangkalan hadapan, sama ada Pejabat Serantau atau Pejabat Perwakilan (RO/RE). Pengumpulan maklumat dan kajian kebolehlaksanaan ke atas peluang pelaburan tempatan biasanya dijalankan sebagai langkah awal sebelum komitmen yang lebih besar dibuat.

Penubuhan RE dan RO di Malaysia biasanya bertindak sebagai pangkalan pertama untuk operasi serantau mereka, di samping menyelaras aktiviti-aktiviti perniagaan untuk syarikat induk mereka sebagai persiapan untuk komitmen jangka panjang.

Sejumlah 168 RE/RO baharu telah diluluskan antara Januari hingga Disember 2019 dengan pelaburan sebanyak RM277.63 juta. Ini dijangka akan mewujudkan 554 pekerjaan, dengan 406 peluang pekerjaan untuk rakyat Malaysia. Daripada 168 RE/RO, 96 projek (57%) adalah RE, manakala 72 projek (43%) adalah RO. Pelaburan RE/RO yang diluluskan sebanyak 32 antaranya adalah milik syarikat-syarikat dari Jepun, PRC, Singapura, Hong Kong SAR, Jerman, United Kingdom, Perancis, Republik Korea, AS dan Australia. Jumlah RE/RO tertinggi yang diluluskan adalah dari Singapura dengan 27 kelulusan. Ini diikuti oleh Jepun (25), United Kingdom (14), Perancis (13), Hong Kong SAR (12), Australia (10), Jerman (8), AS (8) dan PRC (7). Projek-projek yang diluluskan adalah untuk subsektor sokongan jentera dan kejuruteraan, minyak dan gas, E&E, bahan kimia, peranti perubatan, serta IT dan perisian.

## Projek RE/RO Diluluskan Pada 2019



## Logistik dalam Ekonomi Digital Semua Sudah Bersedia

Kemunculan e-dagang telah memperkasakan pengguna yang semakin cepat membiasakan diri dengan perkhidmatan digital. Pelanggan dalam talian kini bukan hanya mempunyai jangkaan yang tinggi untuk kualiti dan fleksibiliti perkhidmatan; mereka juga membuat pesanan yang rumit dan pelbagai. Oleh itu, peralihan kepada digital merupakan suatu kemestian untuk industri logistik.

Satu kelebihan untuk industri ini ialah transformasi digital yang turut menyediakan pelbagai manfaat sosial dan alam sekitar yang penting kerana ia meningkatkan kecekapan dan mengurangkan penggunaan tenaga serta emisi.

**Pelaburan RE/RO yang diluluskan sebanyak 32 antaranya adalah milik syarikat-syarikat dari Jepun, PRC, Singapura, Hong Kong SAR, Jerman, United Kingdom, Perancis, Republik Korea, AS dan Australia**

Kerajaan melalui MIDA telah mengenal pasti industri logistik sebagai kaitan penting yang menghubungkan setiap titik sambungan dan memenuhi keperluan perniagaan dan rakyat. Oleh itu, Kerajaan telah memperkembangkan skim insentif logistik di bawah insentif Perkhidmatan Logistik Bersepadu (ILS) untuk menggalakkan syarikat-syarikat logistik menerapkan teknologi ke dalam operasi mereka. Matlamat utamanya adalah untuk memposisikan Malaysia sebagai hab e-Fulfillment serantau.

## Perkhidmatan Logistik Bersepadu (ILS)

Bagi mengembangkan skop dan melengkapi pertumbuhan dua digit e-Dagang di negara ini, pusingan kedua insentif untuk penyedia ILS telah diperkenalkan dan diumumkan pada tahun 2017.

ILS menyediakan perkhidmatan seperti gudang, pengangkutan, penghantaran, pengedaran, dan pengurusan rantai bekalan. Pertumbuhannya pesat dan dijangka akan berterusan sepanjang tahun. Daripada ILS yang diluluskan pada tahun 2019, lapan adalah milik syarikat domestik dengan pelaburan sebanyak RM841.98 juta dan 1,486 peluang pekerjaan dijangka akan disediakan untuk rakyat Malaysia.

### Projek ILS Diluluskan Pada 2019



Projek-projek ILS yang diluluskan setakat ini menunjukkan bahawa terdapat tren di kalangan syarikat-syarikat logistik Malaysia untuk beralih ke

operasi yang bersepadu, berinovasi yang dipacu oleh ICT untuk menyokong e-dagang, dan menyediakan perkhidmatan logistik khas bagi menyokong pelbagai sektor industri seperti industri O&G dan petrokimia.

Antara contoh perkembangan penting yang dicapai oleh syarikat-syarikat Malaysia dalam projek ILS termasuklah Air-Marine Cargo Agency Sdn. Bhd. (AMCA) dan Integrated Cold Chain Logistics Sdn. Bhd. (ICCL), dimana kedua-duanya mendapat kelulusan projek pada tahun 2019.

Air-Marine Cargo Agency adalah penyedia perkhidmatan logistik pihak ketiga yang diasaskan pada tahun 1986 di Bintulu, Sarawak, mengkhususkan dalam penyediaan perkhidmatan pengangkutan muatan berat, serta perkhidmatan untuk pelanggan-pelanggan O&G seperti Sapura Kencana Petroleum Berhad, Petroliam Nasional Berhad dan Murphy Oil Corporation. AMCA telah memanfaatkan insentif ILS untuk mengembangkan operasi syarikat dengan membekalkan perkhidmatan logistik khususnya kepada pemain-pemain O&G tempatan serta antarabangsa iaitu ke Singapura, Indonesia dan Filipina. Di bawah projek pembesarannya, AMCA akan melabur RM114.71 juta dan mewujudkan 273 peluang pekerjaan baharu untuk rakyat Malaysia.

AMCA juga menyediakan perkhidmatan penyumberan luar seperti punggahan keluar bagi modul luar pesisir dan pemindahan muatan sangat berat, jacking dan skidding menggunakan sistem skid biasa/hidraulik, kren muatan tinggi dan sokongan kejuruteraan, serta solusi strand jack. Syarikat logistik tersebut mempunyai kebolehan moden dalam kenderaan khas seperti self-propelled modular transporter (SPMT); sebuah mesin canggih yang hanya dimiliki oleh beberapa buah syarikat logistik, yang kebanyakannya digunakan untuk mengangkat dan memindahkan objek-objek bersaiz sangat besar dalam projek-projek berkaitan gas asli cecair (LNG).

ICCL ialah sebuah syarikat logistik menyeluruh yang menawarkan perkhidmatan penuh untuk pengurusan rantai bekalan yang berpusat di Bukit Minyak, Pulau Pinang. Syarikat ini mula beroperasi pada tahun 2006 dan kini dikenali sebagai salah satu

penyedia perkhidmatan logistik rantaian sejuk yang paling terkenal dalam perkhidmatan penggudangan dan pengedaran.



ICCL telah mencatatkan perkembangan yang baik dalam penerapan automasi dan teknologi berkaitan Industri 4.0 lain untuk menyediakan perkhidmatan bertahap lebih tinggi kepada para pelanggannya. Untuk tujuan itu, ICCL melabur RM58.53 juta untuk lebih banyak perkhidmatan bernilai tambah dalam Sistem Pengurusan Gudang serta Sistem Penyimpanan & Dapatkan Semula Automatik yang baru diperoleh syarikat tersebut.

## Perkhidmatan Logistik Bersepadu Antarabangsa (IILS)

IILS adalah status yang diberikan kepada syarikat logistik yang berupaya menyediakan perkhidmatan logistik bersepadu dan lancar (pintu-ke-pintu) di sepanjang rantaian nilai logistik sebagai entiti tunggal pada skala serantau atau global. Lesen Ejen Kastam dikeluarkan kepada syarikat-syarikat IILS yang layak.

Pada tahun 2019, 29 syarikat telah diberikan status IILS dengan pelaburan berjumlah RM244.66 juta di mana 1,185 peluang pekerjaan telah diwujudkan. Hanya satu daripada kelulusan tersebut adalah milik syarikat asing (dari PRC).

## Perkhidmatan Perniagaan

### Perkhidmatan Profesional: Sasaran Lebih Tinggi

Perkhidmatan Perniagaan dan Profesional telah dikenal pasti sebagai salah satu sektor bernilai tambah yang merangkumi pelbagai industri tersendiri dalam perkhidmatan bernilai tinggi seperti kejuruteraan, perundangan, seni bina, pengiklanan dan perakaunan.

Industri-industri dengan polisi dan strategi berbeza merentasi subsektor, mempunyai potensi yang besar untuk menjana pertumbuhan ekonomi dan pengwujudan pekerjaan yang tinggi, meningkatkan produktiviti dan daya saing, seterusnya menyumbang kepada peningkatan eksport perkhidmatan dan nilai pelaburan ke Malaysia.

### Perkhidmatan ICT Masa Hadapan yang Amat Menarik

Pengumuman perancangan Sony Interactive Entertainment Worldwide Studios (SIE Worldwide Studios) pada November 2019 untuk membuka sebuah studio di Malaysia adalah satu pencapaian besar hasil penglibatan berterusan MIDA dan MDEC dengan syarikat gergasi multinasional itu. Studio tersebut yang akan menjadi salah satu studio global milik Sony yang membangunkan pelbagai ciptaan eksklusif antarabangsa untuk PlayStation menandakan pertumbuhan berterusan industri ICT-sebuah industri yang kreatif dan menyerlah yang menjalankan pelbagai aktiviti berkaitan Kandungan Digital dan Keselamatan Siber.

Selain merupakan studio pertama di luar AS, studio tersebut dijangka akan mencipta peluang penyumberan luar bernilai sekurang-kurangnya RM15 juta dalam bentuk pembangunan permainan digital untuk syarikat-syarikat Malaysia, seterusnya mencipta peluang untuk mereka memasuki rantaian nilai global bagi pembangunan permainan digital. Kemajuan ini membuktikan bahawa industri permainan akan terus berkembang, dan meletakkan Malaysia di landasan yang betul untuk menjadi Hab Permainan Digital di rantau ini.

Satu lagi pihak yang akan menikmati manfaat daripada penyumberan luar pembangunan permainan digital adalah institut-institut pengajian tinggi tempatan yang menawarkan kursus-kursus berkaitan pembangunan perisian permainan, seni permainan dan reka bentuk, serta pengaturcaraan. Universiti tempatan seperti Universiti Tunku Abdul Rahman, Limkokwing University of Creative Technology, dan Management and Science University yang menawarkan kursus sedemikian akan menyaksikan para siswazah mereka menjadi lebih sesuai untuk diambil bekerja.

SIE Worldwide Studios akan membuka lebih 100 peluang pekerjaan langsung dalam bidang kreatif, dan dengan meningkatnya bilangan bakat tempatan yang mengkhusus dalam rekaan permainan, Malaysia akan dilihat sebagai lokasi pilihan untuk penyumberan luar aktiviti-aktiviti pembangunan permainan yang bernilai ditambah tinggi. Antara manfaat lain termasuklah pemindahan teknologi dan kepakaran kerana ia merupakan pusat teknologi dan penghasilan berkualiti tinggi yang pertama milik SIE Worldwide Studios di luar Amerika Syarikat, yang akan menjadikan Malaysia antara negara pertama yang menerima kit alat proprietari, perisian tengah dan pengetahuan penghasilan seperti tangkapan animasi wajah dan enjin permainan.

Selain daripada fokus ke atas pembangunan permainan, Kerajaan telah memperuntukkan RM10 juta dalam Bajet 2019 untuk membangunkan sukan elektronik (e-Sukan), sebuah arena pertandingan menggunakan permainan video yang turut dijadikan acara berpingat di Sukan SEA 2019 di Filipina. Segmen e-Sukan dalam industri permainan yang diterajui oleh Kementerian Belia dan Sukan ingin menjadikan Malaysia hab e-Sukan di rantau ini dan ia dijangka akan menyaksikan hasil global mencapai US\$1.5 bilion menjelang tahun 2020. Pada tahun 2018, industri permainan di Malaysia menyumbang US\$100 juta dan dijangka akan merekodkan kadar pertumbuhan tahunan (CAGR 2018-2023) sebanyak 10.9 peratus yang akan menghasilkan nilai pasaran sebanyak US\$168 juta menjelang tahun 2023.

## **Penyelidikan dan Pembangunan Menghidupkan Semula R&D**

Salah satu penggerak utama negara dalam merealisasikan cita-cita untuk menjadi ekonomi yang dipandu inovasi dan penciptaan nilai ialah dengan menyalurkan kebanyakan tenaganya ke dalam inisiatif-inisiatif Penyelidikan dan Pembangunan (R&D). Di tahap makroekonomi, selain daripada meningkatkan daya saing industri-industri sedia ada, R&D menyediakan asas yang kukuh untuk Malaysia membangunkan keupayaan baharu dalam industri-industri masa hadapan. Di peringkat perusahaan, pelaburan ke dalam R&D boleh merangsang inovasi dalam penawaran produk dan proses pengeluaran. Inovasi ini boleh meningkatkan produktiviti, seterusnya menyokong pertumbuhan ekonomi yang lestari.

Inovasi kini bukan lagi usaha sporadik oleh negara-negara tertentu; sebaliknya merupakan usaha global dalam suasana perniagaan yang kompetitif dan pantas berubah. Bagi Malaysia, landskap yang beralih menimbulkan banyak cabaran untuk Kerajaan, industri, universiti, institut penyelidikan dan keseluruhan ekosistem Sains, Teknologi dan Inovasi (STI). Oleh itu, untuk kekal relevan dan kompetitif, Malaysia perlu mengatur langkah untuk inovasi yang berterusan dengan memupuk usaha sama yang kuat dan berdaya tahan melalui kesalinghubungan dan kebergantungan di kalangan pihak-pihak berkepentingan.



Menurut laporan *Global Innovation Index (GII) 2019*, pencapaian R&D Malaysia adalah seiring dengan jangkaan untuk tahap pembangunannya. Negara ini telah mengekalkan posisi di tempat ke-35 daripada 129 buah negara, dan kekal sebagai ekonomi berpendapatan sederhana yang merapatkan jurang inovatif, dikuatkan dengan kedudukan tinggi dalam penunjukkecil seperti eksport bersih teknologi tinggi dan eksport barang kreatif.

### Sinergi Kerajaan-Industri-akademia

Sebagai agensi promosi pelaburan utama di negara ini, MIDA bertindak sebagai pemangkin bagi memastikan landskap perindustrian Malaysia dan kelestarian masa hadapannya diselaraskan dengan dunia teknologi yang pantas berubah. Oleh itu, usaha sama di antara sektor perkilangan dan institut-institut penyelidikan Malaysia terus menjadi keutamaan untuk R&D. Kerajaan terus menyokong usaha-usaha ini, membuka jalan untuk penyelidikan yang dijalankan oleh universiti dan institut pengajian tinggi dikomersialkan, seterusnya menggalakkan pertumbuhan ekonomi.

Sektor swasta, termasuk SME, akan mendapat banyak manfaat dengan mengutamakan inovasi untuk membawa idea-idea mereka ke peringkat seterusnya, dan menghasilkan produk baharu atau dipertingkat, melalui proses, perkhidmatan atau penyelesaian inovatif. Ini penting untuk perniagaan terus berada di hadapan dan menyumbang kepada pertumbuhan negara. Namun, sesetengah sektor swasta dan SME yang lebih besar di Malaysia terhalang oleh kekurangan insentif, masa dan sumber untuk menjalankan R&D dalaman, dan menerapkan teknologi dan inovasi.

Oleh itu, dengan memupuk rangkaian dan usaha sama yang erat di antara sektor awam dan swasta, organisasi penyelidikan, dan institut penyelidikan khusus industri, serta pelbagai insentif dari Kerajaan, industri R&D akan dicergaskan semula; manfaat inovasi akan dapat dilihat di seluruh rantaian nilai perindustrian. Akademia dan industri mempunyai banyak sinergi untuk dimanfaatkan, dan hubungan mereka sepatutnya menghasilkan nilai penyelidikan yang lebih tinggi, seterusnya merangsang pengkomersialan dan pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat.

Begitu juga dengan MIDA yang terus memberikan sokongan yang padu untuk menggalakkan usaha sama di antara industri, institut penyelidikan dan akademia. Bagi membuktikannya, MIDA telah menganjurkan '*Innovation Pitch and Business Matching 2019*' bersama Universiti Malaysia Perlis dan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia yang merupakan sebuah inisiatif untuk mempromosi dan membangunkan aktiviti-aktiviti R&D, serta menguatkan keupayaan industri dalam inovasi.

Penubuhan Penyelidikan Bersama dalam Kejuruteraan, Sains dan Teknologi (CREST) pada tahun 2012 adalah salah satu contoh inisiatif Kerajaan untuk meningkatkan usaha sama dalam aktiviti penyelidikan, reka bentuk dan pembangunan dan merangsang inovasi penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam sektor E&E melalui platform yang berstruktur.



## Rangka Kerja yang Mantap

Kerajaan terus menyokong penambahbaikan rangka kerja R&D melalui pelbagai insentif dan bantuan kewangan; yang terkini diumumkan dalam Bajet 2020, dengan objektif untuk menggiatkan R&D dalam sektor awam, menggalakkan pengkomersialan R&D dari sektor awam termasuk universiti penyelidikan, mempromosikan harta intelek, dan menarik lebih ramai pelajar untuk menceburi bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Untuk tujuan ini, MIDA menawarkan insentif cukai kepada pengilang yang mempunyai fasiliti R&D sendiri atau penyedia perkhidmatan penyelidikan. Jenis-jenis insentif yang ditawarkan termasuklah status R&D, Syarikat R&D, Syarikat Kontrak R&D, dan R&D Dalaman. Insentif-insentif ini boleh didapati dalam bentuk Elaun Cukai Pelaburan (ITA) atau Taraf Perintis (PS).

Untuk menggalakkan lagi aktiviti-aktiviti R&D, pelanggan kepada penerima kelulusan status R&D layak untuk menuntut dua potongan bagi pembayaran perkhidmatan mereka secara terus

melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Ini merupakan cara yang berkesan untuk membantu syarikat-syarikat memasarkan perkhidmatan R&D mereka, dan turut membantu ekosistem R&D secara keseluruhannya.

Satu lagi langkah berkesan yang boleh diambil oleh syarikat-syarikat tempatan untuk membina daya saing jangka panjang dan kelestarian ialah dengan mendapatkan hak milikan ke atas Harta Intelek (IP) mereka. IP penting untuk membantu syarikat mencipta, melindungi dan memperoleh keuntungan daripada produk dan perkhidmatan mereka. Untuk meningkatkan inovasi, kreativiti dan keusahawanan, Kerajaan pada bulan Oktober telah mengumumkan Insentif Pembangunan Harta Intelek semasa pembentangan Bajet 2020. Tujuan utamanya adalah untuk menarik minat syarikat tempatan meningkatkan pelaburan ke dalam inovasi R&D, dan menggalakkan eksloitasi ke atas IP kerana menurut Perbadanan Harta Intelek Malaysia, hanya 15 peratus daripada IP di Malaysia dimiliki oleh syarikat-syarikat tempatan, berbeza dengan situasi di Jepun di mana 80 peratus hak IP dimiliki oleh syarikat-syarikat tempatan di sana.

## Pelaburan dalam Industri R&D

Jenis R&D	1995 – 2019				
	Bilangan	Pekerjaan	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan Modal (RM juta)
Kontrak R&D	79	1,528	394.34	207.32	601.66
Syarikat R&D	30	631	87.65	109.96	197.61
R&D Dalaman	61	3,403	709.48	1,237.62	1,947.10
Status R&D	23	1,167	149.33	130.86	280.19
<b>Jumlah</b>	<b>193</b>	<b>6,729</b>	<b>1,340.80</b>	<b>1,685.76</b>	<b>3,026.56</b>

Insentif yang diumumkan itu membolehkan syarikat yang layak, mendapat pengecualian penuh ke atas cukai pendapatan sehingga 10 tahun pendapatan IP layak yang diperoleh daripada paten dan perisian hak cipta aktiviti yang layak. Kerajaan menganggap sokongan terhadap syarikat sedemikian amat penting untuk daya saing jangka panjang dan kelestarian ekonomi.

Insentif ini juga konsisten dengan standard minimum untuk Tindakan 5 Base Erosion and Profit Shifting (BEPS). Pengecualian cukai pendapatan akan dikira berdasarkan pendekatan neksus yang diubah suai mengikut Forum on Harmful Tax Practices (FHTP), yang merupakan sebahagian daripada OECD.

### Perkembangan R&D

Pada tahun 2019, lapan projek berkaitan R&D telah diluluskan; dua syarikat terlibat dalam R&D dalaman, satu projek diluluskan sebagai syarikat Kontrak R&D dan selebihnya diberikan status R&D. Jumlah pelaburan bagi kesemua projek ini berjumlah RM57.10 juta, melibatkan pelaburan domestik sebanyak RM11.45 juta dan pelaburan asing sebanyak RM45.65 juta. Sebanyak 125 peluang pekerjaan dijangka akan dicipta daripada projek-projek ini. Ini menjadikan jumlah projek yang diluluskan untuk insentif di bawah Akta Promosi Pelaburan 1986 untuk menjalankan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan sebanyak 193 projek dengan pelaburan modal berjumlah RM3.03 bilion, mewujudkan 6,729 peluang pekerjaan teknologi tinggi.

**MIDA** juga menganugerahkan Status R&D kepada sebuah syarikat berkait universiti pada tahun 2019, menjadikan jumlah keseluruhannya sebanyak enam; membolehkan para pelanggan syarikat-syarikat ini menikmati potongan berganda ke atas perbelanjaan R&D mereka

MIDA juga menganugerahkan Status R&D kepada sebuah syarikat berkait universiti pada tahun 2019, menjadikan jumlah keseluruhan syarikat bertaraf R&D sebanyak enam dan menggalakkan para pelanggan syarikat-syarikat ini menikmati potongan berganda ke atas perbelanjaan R&D mereka. Ia merupakan cara yang efektif cukai untuk melabur dalam R&D di mana rakan-rakan industri dapat mengakses kepakaran universiti di samping membolehkan pihak akademia menghasilkan lebih banyak penyelidikan dengan potensi komersial yang lebih tinggi.

Salah satu projek R&D penting adalah milik Volume Research & Development Sdn. Bhd. yang ditubuhkan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti R&D dalam bidang robotik, kejuruteraan perindustrian dan sains komputer. Bidang projek R&D yang dijalankan juga selari dengan dasar kebangsaan untuk Industri4.0. Projek yang dijalankan di Sarawak ini akan menyediakan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi kepada penduduk setempat dengan 15 peratus daripada pekerja berkemahiran tingginya dijangka akan menerima pendapatan sebanyak RM5,000 sebulan.

### Teknologi Hijau Pertumbuhan Ekonomi yang Lestari

Peningkatan mendadak dalam permintaan tenaga global yang kebanyakannya dari India, PRC dan negara-negara Asia lain – menyumbang dua pertiga daripada kenaikan tersebut – secara amnya disebabkan oleh peningkatan dalam standard kehidupan. Mujurlah apabila dunia menyahut seruan ‘lebih tenaga’ dan ‘kurang karbon’, peningkatan sumber penjanaan tenaga terbesar datang daripada Sumber Boleh Diperbaharui (RE) – yang membentuk lebih separuh daripada pertumbuhan dalam bekalan tenaga global. RE bukan sahaja dijangka akan menjadi sumber tenaga terbesar pada tahun 2040, tetapi juga satu alternatif yang lebih murah untuk batu arang dan gas di kebanyakan rantau menjelang tahun 2030.

Berdasarkan situasi global ini, Kerajaan Malaysia yang menyedari peranan RE dalam pertumbuhan

ekonomi yang lestari telah menghasilkan Pelan Tindakan Peralihan Tenaga Boleh Diperbaharui (RETR) 2035 yang menyeru supaya penggunaan sumber-sumber RE dipertingkatkan agar ia menyumbang 20 peratus daripada campuran tenaga nasional menjelang tahun 2025, dari hanya dua peratus pada tahun 2018. Malah, pada tahun 2019, Malaysia mencapai tahap 33 peratus pengurangan emisi gas rumah hijau (GHG), dan bakal memenuhi ikrar *Paris Agreement* iaitu pengurangan sebanyak 45 peratus emisi GHG menjelang tahun 2030 berbanding dengan KDNK negara ini pada tahun 2005.



RETR adalah penambahan kepada Pelan Induk Teknologi Hijau (2017-2030), iaitu sebuah strategi untuk melaksanakan pembangunan ekonomi yang lestari dalam menghadapi perubahan iklim global. Ia merupakan sebahagian daripada komitmen Malaysia terhadap 17 Sasaran Pembangunan Lestari yang dibentuk oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 2015 dan kini diterapkan ke dalam perancangan jangka panjang negara di bawah Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.


RETR akan mengkaji strategi dan pelan tindakan yang boleh diambil untuk pelaksanaan oleh Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia dan disokong oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim untuk mencapai sasaran tahun 2025. Antara perancangan ini adalah perdagangan tenaga rakan-ke-rakan, pilihan untuk memperoleh sumber sepenuhnya daripada tenaga elektrik RE dan mewujudkan pasaran pensijilan RE.

Bagi meningkatkan sokongan terhadap teknologi hijau, Kerajaan semasa pembentangan Bajet 2020 pada Oktober 2019 telah melanjutkan Elaun Cukai Pelaburan Hijau (GITA) untuk pembelian aset teknologi hijau dan Pengecualian Cukai Pendapatan Hijau (GITE) untuk penggunaan perkhidmatan teknologi hijau. Ini akan menggalakkan lagi pelaburan dalam teknologi hijau sama ada untuk pengkomersialan atau penggunaan swasta, membolehkan Malaysia menjadi pencetus inovasi dan pengeluar utama teknologi hijau dalam pasaran global.

### Tenaga Boleh Diperbaharui

Tenaga boleh diperbaharui (RE) ditakrifkan sebagai tenaga (elektrik, wap, haba dan air sejuk) yang dijana atau dihasilkan daripada sumber-sumber boleh diperbaharui seperti solar, biomas, biogas, hidro mini dan tenaga geotermal. Di Malaysia, projek tenaga solar adalah alternatif RE yang paling banyak dilaksanakan kerana kos peralatan fotovolta (PV) yang lebih rendah dan pembiayaan yang lebih mudah untuk projek hijau. Walaupun penerimaan awal tidak begitu memberangsangkan, terdapat kesan positif selepas syarat-syarat Pemeteran Tenaga Bersih (NEM) disemak semula, bermula 1 Januari 2019 – satu langkah yang menyumbang kepada kenaikan tiga kali ganda dalam masa sembilan bulan pada tahun 2019 berbanding tempoh yang sama dari tahun 2016 hingga 2018. Perubahan ini adalah disebabkan penambahbaikan yang dibuat ke atas dasar NEM ke arah konsep ‘perdagangan adil’ yang membenarkan tenaga lebih dari janaan PV solar dieksport semula ke grid atas dasar ofset “satu-dengan-satu”.

## Projek RE Diluluskan pada 2019



Dari segi projek-projek RE yang diluluskan pada tahun 2019, sebanyak 350 projek telah diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM3.78 bilion, di mana 88.5 peratus telah disumbangkan oleh pelaburan domestik dan 11.5 peratus adalah dari pelaburan asing. Projek tenaga solar merupakan penyumbang terbesar dengan 330 projek bernilai RM2.10 bilion yang terdiri daripada 314 projek solar penggunaan sendiri bernilai RM413.35 juta dan 16 projek solar skala besar yang bernilai RM1.69 bilion. Dalam tempoh tersebut, enam projek hidro mini bernilai RM1.52 bilion juga telah diluluskan, manakala selebihnya adalah 13 projek biogas bernilai RM149.33 juta, dan satu projek biomas bernilai RM6.58 juta. Secara keseluruhannya, 761 peluang pekerjaan telah diwujudkan dari projek-projek RE.

Dua projek penting yang diluluskan pada tahun 2019 adalah projek sukuk hijau hidro mini pertama dunia yang dijalankan oleh Telekosang Hydro One Sdn. Bhd. dan Telekosang Hydro Two Sdn. Bhd. masing-masing untuk membangunkan loji kuasa hidro kecil 24MW dan 16MW di Tenom, Sabah di bawah skim Tarif Feed-in dengan pelaburan bernilai RM587.50 juta.

Dengan pelanjutan GITA dan GITE sehingga tahun 2023, Kerajaan menjangka minat berterusan terhadap pengkomersialan teknologi hijau akan meningkat. Perniagaan yang melaksanakan projek PV solar boleh memohon rebet sebanyak dua peratus setahun ke atas kadar bunga/keuntungan (terhad kepada tujuh tahun pertama sahaja) bagi setiap pinjaman/pembiayaan dan 60 peratus jaminan Kerajaan ke atas kos teknologi hijau di bawah Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS) 2.0.

**Walaupun penerimaan awal tidak begitu memberangsangkan, terdapat kesan positif selepas syarat-syarat Pemeteran Tenaga Bersih (NEM) disemak semula, bermula 1 Januari 2019 – satu langkah yang menyumbang kepada kenaikan tiga kali ganda dalam masa sembilan bulan pada tahun 2019 berbanding tempoh yang sama dari tahun 2016 hingga 2018**

## Kecekapan Tenaga

Sebagai sebahagian daripada usaha kerajaan untuk memastikan pembangunan ekonomi yang lestari, Pelan Tindakan Kecekapan Tenaga Nasional 2016-2025 telah diperkenalkan untuk menggalakkan penerapan kecekapan tenaga dalam sektor awam dan swasta dengan mengurangkan pertumbuhan permintaan tenaga elektrik sebanyak lapan peratus dalam tempoh 10 tahun dengan jumlah pengurangan emisi GHG bersamaan 38 juta tan karbon dioksida.

### Projek Tenaga Efisien Diluluskan pada 2019



### Pelaburan Domestik berbanding Asing



Inisiatif ini menyaksikan 75 projek kecekapan tenaga dimulakan pada tahun 2018 dalam sektor perindustrian dan komersial, dengan jumlah pelaburan diluluskan sebanyak RM536.44 juta. Pelaburan asing merupakan penyumbang terbesar sebanyak RM367.58 juta jumlah pelaburan diluluskan, manakala RM168.86 juta disumbangkan oleh pelabur domestik. Secara keseluruhannya, 148 peluang pekerjaan telah disediakan.

## Peluang Belum Diteroka dalam Perkhidmatan Hijau

Malaysia menyedari terdapat banyak potensi untuk penyedia perkhidmatan teknologi hijau, iaitu mereka yang menyediakan perkhidmatan berkaitan RE, kecekapan tenaga, perkhidmatan sokongan kenderaan elektrik (EV), sebagai contoh, perkhidmatan untuk stesen pengecasan EV, operasi dan penyelenggaraan stesen pengecasan EV, pembaikan dan baik pulih EV; bangunan hijau, pusat data hijau, pensijilan dan pengesahan hijau, dan bandar hijau.

Pada tahun 2019, sebanyak 12 projek perkhidmatan hijau telah diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM31.67 juta. Daripada pelaburan ini, pelaburan domestik membentuk majoriti dengan RM29.69 juta dan bakinya adalah dari pelaburan asing. Kebanyakan projek perkhidmatan hijau melibatkan RE, kecekapan tenaga dan bangunan hijau. Projek-projek perkhidmatan hijau ini akan mewujudkan 74 peluang pekerjaan.

Bagi menyokong penyedia-penyedia perkhidmatan ini, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa insentif baharu di bawah Bajet 2020 untuk perniagaan pajakan solar dengan 70 peratus pengecualian cukai bagi tempoh sehingga 10 tahun untuk menggalakkan peningkatan penjanaan tenaga elektrik dari sumber solar di negara ini.

## Perkhidmatan dan Peralatan Minyak dan Gas

### Membuat Persiapan

Minyak dan gas (O&G) terus menjadi sumber yang penting dalam campuran tenaga di Malaysia serta sektor yang penting untuk ekonomi dengan menyumbang 20 peratus kepada KDNK tahunan. Sektor ini melibatkan perkhidmatan dan pengilangan jentera dan peralatan (M&E) untuk rantai bekalan huluan yang meliputi cari gali dan pengeluaran, aktiviti-aktiviti aliran tengah seperti pengangkutan dan penyimpanan serta penyelenggaraan M&E.



Di Asia Tenggara, permintaan tenaga keseluruhan telah meningkat melebihi 80 peratus, kebanyakannya daripadanya dipenuhi dengan menggandakan penggunaan bahan bakar fosil. Menurut laporan *Southeast Asia Energy Outlook* oleh *International Energy Agency*, minyak adalah elemen paling besar dalam campuran tenaga di rantau ini dengan arang, kebanyakannya untuk penjanaan kuasa, telah berkembang dengan pesat. Laporan tersebut menyatakan bahawa keadaan ini telah mengukuhkan perkembangan dan pertumbuhan perindustrian di rantau ini, namun menjadikan pencemaran udara risiko yang besar kepada kesihatan awam dan meningkatkan emisi karbon dioksida dari penjanaan tenaga.

Laporan ini juga menggambarkan senario yang meneliti kesan matlamat-matlamat dasar yang diumumkan serta dasar-dasar tenaga sedia ada di kalangan negara di rantau ini sekiranya permintaan tenaga keseluruhan meningkat sebanyak 60 peratus menjelang tahun 2040, dengan jangkaan ekonomi di rantau ini meningkat dua kali ganda dalam tempoh yang sama dan 120 juta lagi ditambah ke angka populasi yang bertumpu di kawasan-kawasan bandar.

Walaupun dengan potensi ramalan pertumbuhan ini, aktiviti-aktiviti industri masih bergantung kepada harga minyak dan gas global, di mana harga minyak mengalami naik turun akibat ketidakstabilan dan risiko tinggi yang dikaitkan dengan bekalan dan permintaan serta kebimbangan geopolitik. Semua pengusaha minyak masih mengamalkan langkah berhati-hati dengan kos dalam usaha memastikan pertumbuhan dan kelestarian. Bagi menangani ketidakpastian ini, pemain-pemain industri O&G telah cuba mewujudkan kelainan dengan menyediakan pelbagai perkhidmatan dan penyelesaian yang inovatif melalui teknologi. MIDA juga telah menggalakkan para penyedia perkhidmatan minyak dan gas untuk menerapkan pendigitalan melalui penyediaan pelbagai insentif dan fasiliti berkaitan inisiatif automasi atau Industri 4.0.

Antara bidang yang didapati berpotensi tinggi untuk kepelbagaian dan pertumbuhan adalah pusing balik (*turnaround*, TA), kebanyakannya aktiviti kejuruteraan intensif buruh untuk fasiliti dalam pesisir yang secara amnya melibatkan kerja mekanikal dan aktiviti khusus disiplin lain seperti elektrik, instrumentasi, pemeriksaan dan penyelenggaraan peralatan bergilir. Penerapan pendigitalan, *big-data* dan *Internet of Things*

akan memastikan operasi yang lebih efisien dan mengurangkan shutdown serta menangani isu keselamatan dan kebimbangan alam sekitar. Kompleks Bersepadu Pengerang dijangka akan menjalani TA pada tahun 2023, manakala terdapat 54 loji petrokimia sedia ada yang akan menyaksikan peningkatan yang tinggi dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankannya.

Memandangkan wujud usaha untuk meningkatkan perkhidmatan bernilai tambahan melalui penerapan teknologi Industri 4.0, pelaburan dalam industri perkhidmatan minyak dan gas berpotensi untuk berkembang apabila para penyedia perkhidmatan menawarkan pelbagai penyelesaian untuk kecekapan operasi dan penyelenggaraan jentera yang sudah lama digunakan, serta memanfaatkan lokasi yang strategik untuk perdagangan tenaga melalui laut, dan menjadi pemain-pemain hab perdagangan dan penyimpanan minyak di rantau ini dengan bantuan MIDA.

### Projek Minyak dan Gas Diluluskan pada 2019



### Pelaburan Domestik berbanding Asing



Pada tahun 2019, industri ini merekodkan 13 projek yang diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM3.28 bilion. Pelaburan langsung domestik yang berjumlah RM2.80 bilion menyumbang sebahagian besar perkongsian, manakala pelaburan asing berjumlah RM482.21 juta. Projek-projek ini mewujudkan 972 peluang pekerjaan. Lima daripada projek yang diluluskan adalah untuk aliran tengah penyimpanan terminal bagi gas asli dan produk petroleum bernilai RM2.40 bilion, tiga projek untuk perkhidmatan O&G huluan bernilai RM67.77 juta, empat projek untuk jentera dan peralatan O&G bernilai RM88.05 juta dan satu projek untuk penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) peralatan O&G bernilai RM729.11 juta. Projek MRO tersebut melibatkan penubuhan sebuah pusat MRO bersepadu untuk industri minyak, gas, petrokimia dan penjanaan kuasa di Hab Tenaga Bersepadu Bintulu, Sarawak.

## Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan

### Pelancongan Kesihatan Semakin Berkembang

Permintaan untuk penjagaan kesihatan swasta telah berkembang pesat di Malaysia, di mana rawatan perubatan pada harga yang berpatutan, penjagaanperubatan yang berkualiti dan mudah dilawati serta pertumbuhan ekonomi yang stabil telah membantu menjana permintaan daripada golongan pertengahan dan pelancong perubatan yang semakin meningkat di negara ini.

Tinjauan positif ini dan keperluan perkhidmatan yang berkualiti mewujudkan peluang pelaburan kerana terdapat 369 perkhidmatan penjagaan kesihatan di Malaysia pada tahun 2018 berbanding 306 pada tahun 2013, yang menandakan pertumbuhan sebanyak 20.5 peratus. Pada tahun 2019, lima projek baharu dan dua projek pembesaran untuk perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta telah diluluskan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM338.15 juta serta mewujudkan 772 pekerjaan bernilai tinggi. Kerajaan terus memainkan peranan dengan menyediakan pelbagai insentif

bagi menarik pelaburan dalam perkhidmatan penjagaan perubatan dan perubatan swasta yang berkualiti tinggi.

Walaupun pelaburan domestik menerajui industri ini, terdapat peningkatan minat dari pelabur antarabangsa terutamanya syarikat-syarikat dari Jepun, Republik Korea (ROK), dan Timur Tengah yang ingin mengembangkan operasi mereka ke dalam pasaran penjagaan kesihatan di Asia Tenggara yang semakin berkembang dan meneliti pilihan-pilihan yang ada untuk memperoleh, mengurus atau menyertai usaha sama dengan pemain-pemain sedia ada tempatan.

Antara contoh perjanjian yang dimeterai pada September 2019 adalah, Hong Leong Financial Group Berhad dari Malaysia, bersama Fort Worth, sebuah firma ekuiti swasta yang berpusat di AS TPG Capital yang membeli 17 hospital Columbia Asia di Malaysia, Indonesia dan Vietnam pada harga RM5.01 bilion. Satu lagi contoh lain adalah IHH Healthcare Berhad (dengan 16% ekuiti oleh Mitsui & Co. Ltd.) sebuah pengendali hospital terkemuka, yang membeli saham langsung milik syarikat dana pelaburan negara- Khazanah Nasional Berhad dalam Prince Court Medical Centre pada harga RM1.02 bilion.

## Pelancongan Perubatan

Pelancongan perubatan telah menjadi satu perniagaan yang menguntungkan di Malaysia , di mana dari segi pendapatan kadar pertumbuhan agregat terkumpul dari tahun 2015-2018 adalah pada purata 17.0 peratus. Pada tahun 2018, terdapat 1.2 juta pelancong perubatan yang menjana pendapatan hospital sebanyak RM1.5 bilion dan menyumbang RM6.4 bilion kepada ekonomi negara.

Majlis Pelancongan Perubatan Malaysia (MHTC) mensasarkan kira-kira 1.5 juta pelancong penjagaan kesihatan antarabangsa dengan perbelanjaan perubatan sebanyak RM1.8 bilion. MHTC, merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Kewangan (MOF) bertanggungjawab untuk mempromosi pelancongan perubatan

di negara ini dan turut mensasarkan dua juta pelancong perubatan pada tahun 2020, dengan perbelanjaan hospital melebihi RM2.0 bilion dan impak keseluruhan ke atas ekonomi sebanyak RM8.0 bilion.

MHTC melancarkan kempen *Malaysia Year of Healthcare Travel 2020* (MyHT2020) pada November 2019, seiring dengan kempen Melawat Malaysia 2020, untuk meningkatkan profil Malaysia sebagai destinasi pelancongan penjagaan kesihatan global dan memasarkan negara sebagai hab Asia bagi rawatan kesuburan dan kardiologi.

Menyedari kepentingan pelancongan perubatan dan potensinya kepada ekonomi, Kerajaan dalam pembentangan Bajet 2020 pada Oktober lalu telah mengumumkan bahawa peruntukan sebanyak RM25 juta telah diperuntukkan untuk mengukuhkan posisi Malaysia sebagai destinasi pilihan untuk pelancongan kesihatan di ASEAN bagi rawatan onkologi, kardiologi dan kesuburan.

Pelancongan perubatan telah dibangunkan dengan baik di Malaysia, di mana kejayaan negara dalam bidang ini telah membawa beberapa pengiktirafan, termasuk *Asia Pacific Healthcare and Medical Tourism Award 2019*, serta mendapat tempat pertama dalam kategori “Penjagaan Kesihatan Terbaik di Dunia” dalam *International Living Annual Global Retirement Index*.

Industri penjagaan kesihatan juga sedang melalui transformasi digital untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada para pesakit. Rekod Perubatan Elektronik (EMR) yang memudah cara pemindahan dan perkongsian maklumat pesakit, akan dilaksanakan secara berperingkat oleh Kementerian Kesihatan (MOH) dalam tempoh lima tahun di semua hospital dan klinik kerajaan dengan kos anggaran sebanyak RM1.5 bilion. Daripada 145 hospital kerajaan, 35 telah dilengkapi dengan Sistem Maklumat Hospital (HIS), manakala 118 daripada 1,703 klinik kerajaan mempunyai Sistem Maklumat Klinikal (CIS).



Bagi meningkatkan kecekapan, Kerajaan juga menyarankan para penyedia penjagaan kesihatan swasta untuk melabur di dalam teknologi seperti *big data*, *cloud* dan fasiliti perkhidmatan perkongsian kerana teknologi tersebut menawarkan peluang pertumbuhan baru seperti pemantauan pesakit, sistem e-presripsi dan peranti boleh pakai. Penyedia penjagaan kesihatan swasta digalakkan untuk mengautomasi dan menyediakan prosedur melalui pembedahan robotik dan perkhidmatan jarak jauh lain yang juga mungkin layak untuk Elaun Modal Dipercepatkan.

Selain insentif, MIDA akan meneruskan usaha dengan inisiatif dan sokongan industri penjagaan kesihatan melalui kerjasama dengan MHTC, MOH, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), dan Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM) bagi menyokong pelaburan penjagaan kesihatan melalui program seperti *Insight 2019*, *Medical Travel Market Intelligence*, *ASEAN Healthcare Transformation Summit* dan APHM.

### Perkhidmatan Pendidikan

Pendidikan yang sempurna adalah tunggak ekonomi dalam merealisasikan aspirasi untuk menjadi ekonomi yang maju, seperti yang ditekankan dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (SPV2030), yang juga akan menyaksikan rakyat menikmati pendapatan yang tinggi. Sektor

perkhidmatan pendidikan di negara ini berusaha untuk menyediakan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan bagi menghadapi permintaan yang semakin meningkat.

Sektor ini mencerminkan kepelbagaiannya masyarakat di negara ini. Selain daripada sistem pendidikan awam kerajaan, Malaysia juga mempunyai pelbagai pilihan pendidikan swasta yang telah berkembang dengan pesat berikutan permintaan yang tinggi. Terdapat lebih 210,000 pelajar Malaysia yang telah mendaftar di sekolah-sekolah rendah dan menengah swasta serta antarabangsa, manakala terdapat lebih daripada 4.7 rakyat Malaysia yang didaftarkan dalam sistem persekolahan awam dari prasekolah sehingga peringkat menengah. Terdapat juga lebih daripada 500,000 pelajar yang berdaftar di universiti awam dan 600,000 lagi yang berdaftar di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT).

Pendidikan tinggi swasta juga telah berkembang sejak beberapa dekad ini dan dapat menyokong keperluan modal insan dalam ekonomi yang semakin berkembang. Terdapat 446 IPT swasta berbanding 20 universiti awam, setakat November 2019. Kadar pendaftaran peringkat pengajian tinggi juga telah meningkat untuk rakyat Malaysia yang berumur 17 hingga 23 kepada kira-kira 44 peratus, berbanding hanya 14 peratus pada 1970-an dan 1980-an.

## Mengeksport Pendidikan

Malaysia kini berada di tempat ke-11 sebagai pengeksport terbesar pendidikan di dunia menurut *British-Malaysian Chamber of Commerce Report 2018/2019* dan meletakkan Negara di kalangan hab pendidikan tinggi yang terbaik di Asia dengan sasaran pendaftaran sebanyak 200,000 pelajar antarabangsa menjelang tahun 2020.

**Malaysia kini berada di tempat ke-11 sebagai pengeksport terbesar pendidikan di dunia menurut British-Malaysian Chamber of Commerce Report 2018/2019 dan meletakkan Negara di kalangan hab pendidikan tinggi yang terbaik di Asia dengan sasaran pendaftaran sebanyak 200,000 pelajar antarabangsa menjelang tahun 2020.**

Kerajaan terus menggiatkan usaha mentransformasi negara untuk menjadi hab pengetahuan dengan menjalin usaha sama antara institut pengajian tinggi tempatan dan institusi asing.

Ini akan mencipta peluang pendidikan yang akan memberi manfaat kepada golongan muda tempatan selain menarik minat pelajar antarabangsa. Subsektor pendidikan yang telah dipilih untuk menerajui pembangunan pengantarabangsaan industri pendidikan di Malaysia adalah sekolah antarabangsa/swasta, pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET), dan, institusi pengajian tinggi swasta.

## Memperkasakan Modal Insan

Fokus strategik Kerajaan ke atas modal insan dalam SPV2030 menekankan komitmennya untuk melahirkan lebih ramai pekerja berkemahiran di masa hadapan bagi meningkatkan peluang pekerjaan selepas menamatkan pengajian.

Dengan peruntukan RM64.1 bilion dalam Bajet 2020, Kerajaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi memenuhi objektif SPV2030 dan menyokong inisiatif untuk sistem pendidikan dari prasekolah hingga institut pengajian tinggi dan memberi penekanan ke atas TVET. Dalam usaha untuk memasukkan TVET ke dalam aliran utama, Kerajaan juga telah meningkatkan peruntukan daripada RM5.7 bilion pada tahun 2019 kepada RM5.9 bilion pada tahun 2020.

## Merapatkan Jurang Kemahiran

TVET adalah fokus yang penting kepada Malaysia. Rancangan Malaysia Kesebelas mensasarkan tenaga kerja sebesar 1.5 juta menjelang tahun 2020, di mana 60 peratus daripadanya adalah para siswazah TVET. TVET memainkan peranan yang penting dalam menyediakan latihan amali dalam pendidikan berasaskan sekolah, dan menyediakan latihan perantis untuk menyokong pengajian tinggi. MIDA menyeru para pelabur swasta dan pemain industri untuk meningkatkan keupayaan TVET melalui program keterlibatan khusus bersama Badan Peneraju Industri seperti Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), Persatuan Pengilang Plastik Malaysia dan Persatuan Hotel Malaysia. Para pelajar akan mendapat pengalaman amalan terbaik industri dan kursus kemahiran yang amat diperlukan dalam zaman digital dan teknologi ini.

Terdapat ketidakpadanan antara kemahiran para siswazah dan keperluan industri, menyebabkan mereka tidak dapat diambil bekerja. Seruan MIDA untuk merapatkan jurang kemahiran di antara sukatan pelajaran TVET dan apa yang relevan dalam persekitaran industri semasa telah disahut oleh banyak syarikat. Salah satu daripadanya adalah Muehlbauer Technologies, sebuah syarikat Jerman yang mendermakan sistem intergrasi automasi bernilai RM200,000 yang dikenali sebagai unit mock-up Beckhoff serta memperuntukkan 40 jam latihan dari operasinya di Melaka untuk pelajar-pelajar di Universiti Malaysia Pahang, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan German Malaysian Institute. MIDA



terus menggalakkan syarikat-syarikat melabur dalam bakat dan teknologi untuk meningkatkan produktiviti serta kebolehan, bersedia menghadapi masa hadapan dengan menyumbang kepada peningkatan kemahiran modal insan.

Sebanyak 45 projek pendidikan swasta telah diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM469.32 juta pada tahun 2019. Projek-projek ini terdiri daripada pusat pendidikan rendah, sekolah swasta, hingga kolej dan universiti. Pelaburan domestik menyumbang 74.0 peratus atau RM347.72 juta daripada jumlah keseluruhan pelaburan, dengan 26.0 peratus berjumlah RM121.60 juta yang disumbangkan oleh pelaburan asing. Projek-projek ini dijangka akan mencipta 2,320 pekerjaan berkaitan pendidikan yang bernilai tinggi.

## Hospitaliti (Pelancongan dan Hotel)

Industri pelancongan kekal sebagai penyumbang penting kepada ekonomi, dengan pendapatan dari industri ini sebanyak RM66.1 bilion bagi tempoh Januari-September dengan 20.1 juta kedatangan pelancong. Sasaran untuk 2019 adalah 28.1 juta pelancong asing dan RM92.2 bilion dalam perbelanjaan, menjadikan sektor pelancongan penyumbang pendapatan asing ketiga paling penting kepada ekonomi.

### Laporan Prestasi Pelancongan (Januari-September 2019)

#### Komponen Perbelanjaan (Nilai)



Sumber: Laporan Prestasi Pelancongan Malaysia Januari-September 2019

## 5 Negara dengan Jumlah Kedatangan Pelancong Paling Tinggi (Januari – September 2019)

Kedudukan	Kedatangan Pelancong	Jumlah Perbelanjaan	Perbelanjaan Per Kapita	Purata Tempoh Tinggal
1	 Singapura 7,868,775	 Singapura RM16,334.1 juta	 Arab Saudi RM11,394.4	 Arab Saudi 10.7 malam
2	 Indonesia 2,792,776	 PRC RM12,797.9 juta	 PRC RM5,301.5	 Belanda 9.5 malam
3	 PRC 2,413,956	 Indonesia RM8,798.7 juta	 UK RM5,245.7	 Perancis 9.4 malam
4	 Thailand 1,442,224	 Thailand RM2,814.8 juta	 Kanada RM4,839.8	 UK 9.3 malam
5	 Brunei 929,789	 India RM2,467.3 juta	 Taiwan RM4,760.7	 AS 8.3 malam

Sumber: Laporan Prestasi Malaysia Januari – September 2019

Mengikut negara asal, 10 negara yang paling banyak menerima kedatangan pelancong dari Januari – September 2019 adalah dari Singapura ( 7,868,775 ), Indonesia ( 2,792,776 ), PRC ( 2,413,956 ), Thailand ( 1,442,224 ), Brunei ( 929,789 ), India ( 539,167 ), ROK ( 508,080 ), Vietnam ( 323,393 ), Jepun ( 321,283 ) dan Taiwan ( 304,273 ).

### Melawat Malaysia 2020

Kempen Melawat Malaysia 2020 (VM2020) adalah edisi terkini kempen Melawat Malaysia yang telah dijalankan secara berkala sejak tahun 1990 apabila Tahun Melawat Malaysia dianjurkan dengan tema “Fascinating Malaysia. Year of Festivals”.

Tema VM2020 adalah “Visit Truly Asia Malaysia”, yang bertujuan untuk menonjolkan kekayaan budaya masyarakat berbilang bangsa di negara ini.

Selain mempromosikan kepelbagaian budaya, penganjuran pada kali ini berfokuskan kepada pelancongan lestari dan pengalaman imersif dalam seni dan budaya di Malaysia. Ini adalah seiring dengan Pelan Pelancongan Eko Nasional 2016-2025 dan

Dasar Budaya Nasional, manakala pelancongan lestari menepati saranan untuk menangani kesan negatif pelancongan, termasuk terhadap alam sekitar dan masyarakat, dengan memberikan manfaat langsung kepada masyarakat melalui industri pelancongan.

Kerajaan mensasarkan 30 juta kedatangan pelancongan antarabangsa dan RM100 bilion dalam perbelanjaan pelancong melalui kempen VM2020 ini.

Malaysia terus meraih pengiktirafan industri dengan tiga anugerah emas dari *Pacific Asia Travel Association* pada tahun 2019 dan anugerah-anugerah untuk pelancongan perubatan di mana *Malaysia Healthcare Travel Council (MHTC)*, *TMC Fertility* dan Thomson Hospital Kota Damansara diiktiraf di atas kejayaan perkhidmatan mereka.

Kerajaan terus memberikan sokongan kepada industri hospitaliti dan pelancongan dengan pelbagai geran, pinjaman dan insentif cukai untuk menarik pelabur. Sokongan juga diberikan melalui Dana Pinjaman Infrastruktur Pelancongan sebanyak RM1 bilion yang diwujudkan untuk membantu syarikat-syarikat

baharu dan sedia ada yang terlibat dalam aktiviti dan perkhidmatan berkaitan pelancongan. Terdapat juga GAMELAN Malaysia, geran padanan sebanyak RM5 juta yang dilancarkan pada tahun 2019 untuk menyokong program-program promosi dan pemasaran pelancongan.

Dasar Pelancongan Nasional telah menggariskan pelbagai strategi bagi tahun 2020-2030 untuk memaksimumkan potensi dan keperluan pelancongan untuk penerapan teknologi digital bagi meningkatkan kecekapan industri tersebut.

Dari segi pelaburan, 61 projek berkaitan hotel dan pelancongan telah diluluskan pada tahun 2019 dengan jumlah pelaburan sebanyak RM3.93 bilion, kebanyakannya dari pelabur domestik. Daripada jumlah keseluruhan, 13 adalah untuk pembesaran dan pemberian fasiliti yang dijangka akan mencipta 462 peluang pekerjaan tambahan. Sebanyak 48 projek lagi dijangka akan mewujudkan 4,383 peluang pekerjaan baharu.

## Perkhidmatan Lain

### Hartanah

Subsektor harta tanah terus merasai kesan akibat lebihan bekalan unit perumahan. Dalam tempoh lima tahun antara 2014 hingga akhir 2018, bilangan unit perumahan siap yang tidak dijual meningkat daripada 11,816 unit kepada lebih 45,000 unit pada akhir 2018, iaitu peningkatan sebanyak 281 peratus dalam tempoh tersebut. Menurut rekod Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), nilai unjuran perumahan melonjak sebanyak 635 peratus, akibat peningkatan harga harta tanah.

Walaupun terdapat pemulihan dalam segmen pasaran harta tanah perumahan pada tahun 2019 berdasarkan jumlah unit yang berharga tinggi telah berjaya dijual dengan permintaan masih kekal lemah. Ini menggambarkan permintaan yang rendah untuk harta tanah yang bernilai tinggi. Menyedari itu ini, Kerajaan dan pemaju swasta kini membina lebih banyak harta tanah dengan harga mampu milik.

Satu inisiatif untuk menyelesaikan masalah pemilikan serta memenuhi permintaan harta kediaman, Kempen

Milikan Rumah Kebangsaan 2019 (HOC) 2019 telah diadakan pada 1 Januari hingga 30 Jun 2019. HOC 2019 ini telah dilanjutkan sehingga hujung tahun 2019. Sepanjang tempoh tersebut, pembeli rumah di Malaysia dapat menikmati pelepasan duti setem serta pemaju menawarkan diskaun harga minimum sebanyak sepuluh peratus kepada pembeli rumah.

Walaupun nilai pelaburan yang diluluskan lebih rendah, bilangan projek harta tanah yang diluluskan meningkat kepada 1,279 projek pada tahun 2019 berbanding 968 projek pada tahun 2018. Trend ini menunjukkan bahawa fokus para pemaju harta tanah kini beralih kepada projek-projek berskala lebih kecil. Kerajaan melalui Dasar Perumahan Nasional 2.0, akan membuat semakan ke atas dasar-dasar berkaitan dari masa ke semasa untuk menyokong dan menstabilkan pasaran perumahan tempatan. Subsektor harta tanah yang terdiri daripada segmen harta kediaman terus menjadi penyumbang terbesar pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkhidmatan. Pada tahun 2019, subsektor ini merekodkan nilai pelaburan yang diluluskan sebanyak RM40.85 bilion, kebanyakannya dari sumber domestik.

### Utiliti

Subsektor utiliti meliputi perkhidmatan utiliti tenaga dan air. Perkhidmatan tenaga merangkumi penjanaan kuasa, transmisi, dan pengedaran tenaga elektrik oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB), Syarikat SESCO Bhd. (SESCO) dan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB). Perkhidmatan utiliti air pula terdiri daripada perkhidmatan yang disediakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) and Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB).



Pada tahun 2019, subsektor ini mencatatkan RM32.58 pelaburan yang diluluskan dan muncul sebagai penyumbang kedua terbesar bagi pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkhidmatan, selepas hartanah.


## Perdagangan Pengedaran

Perdagangan pengedaran melibatkan perdagangan borong dan runcit; pasaraya besar dan pasaraya, gedung serbaneka dan penjualan langsung, francais yang dikawal di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan projek-projek perdagangan pengedaran lain yang diluluskan di bawah Akta Pembangunan Petroleum 1974.

Subsektor ini adalah salah satu daripada lima penyumbang utama kepada pelaburan yang diluluskan sepanjang tempoh tersebut dengan RM11.70 bilion atau 10 peratus daripada jumlah kelulusan dalam sektor perkhidmatan. Ia juga merekodkan pertumbuhan sebanyak 61.2 peratus, berbanding RM7.26 bilion yang direkodkan pada tahun 2018. Sumber asing menyumbang majoriti (90%) pelaburan dan kebanyakannya bertumpu kepada perdagangan borong dan runcit. 1,136 projek yang diluluskan ini akan menjana lebih daripada 30,000 peluang pekerjaan, menjadikan ia majikan terbesar dalam sektor perkhidmatan.

## Perkhidmatan Kewangan

Subsektor perkhidmatan kewangan terdiri daripada perbankan, insurans dan pasaran modal (pengurusan dana, khidmat nasihat pelaburan, perancangan kewangan, modal teroka dan pembrokeran).



Pelaburan yang diluluskan pada tahun 2019 berjumlah RM4.14 bilion berbanding RM9.69 bilion yang direkodkan pada tahun 2018. Sumber domestik menyumbang pelaburan terbesar sebanyak RM3.42 bilion, manakala pelaburan asing berjumlah RM718 juta dengan 119 pekerjaan bernilai tinggi dapat diwujudkan dalam subsektor ini sepanjang tempoh tersebut.

Segmen perbankan terus menjadi penyumbang terbesar kepada subsektor ini dengan pelaburan berjumlah RM2.63 bilion, kebanyakannya dari aktiviti-aktiviti perbankan konvensional. Pelaburan dalam insurans dan pasaran modal masing-masing berjumlah RM1.51 bilion dan RM11.3 juta.

## Telekomunikasi

Aktiviti-aktiviti subsektor telekomunikasi yang berkaitan komunikasi dan multimedia (telekomunikasi, pos dan penyiaran) dikawal selia oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC).

Pelaksanaan Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara untuk tempoh lima tahun dari 2019 hingga 2023 bertujuan untuk meningkatkan kelajuan jalur lebar dan meluaskan akses jalur lebar di kawasan luar bandar.

Pendaftaran jalur lebar di Malaysia meningkat hampir dua kali ganda sejak lima tahun ini dalam mencapai 39.4 juta pada tahun 2018. Bagi menyokong agenda ini, Malaysia juga dalam proses penyerahan jalur frekuensi 5G yang mana apabila siap, MCMC menjangkakan penggunaan komersial rangkaian ini akan bermula pada suku ketiga tahun 2020.

Sebanyak RM4.98 bilion nilai pelaburan telah diluluskan sepanjang tempoh Januari hingga September 2019 dari sumber domestik.

## Pengangkutan

Kerajaan memperkenalkan Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030 (NTP) pada tahun 2019 yang bertujuan untuk menjadi pemboleh kritikal kepada pembangunan sosioekonomi Malaysia.

Beberapa projek pengangkutan yang sebelum ini tergendala juga telah disambung semula seperti Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), sebuah projek sepanjang

640km yang menghubungkan Pelabuhan Klang dengan Kota Bharu, Kelantan dengan kos RM44 bilion, 32.8 peratus lebih rendah berbanding kos asal sebanyak RM65.5 bilion. Projek rel lain seperti Transit Aliran Ringan 3, Mass Rapid Transit 2 dan fasa kedua Landasan Berkembar Lembah Klang juga telah disambung selepas beberapa langkah penjimatan kos dilaksanakan.

Subsektor ini akan terus memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan peluang ekonomi dan memberikan ketercapaian yang lebih baik di seluruh negara. NTP yang baru diperkenalkan akan mengukuhkan lagi infrastruktur pengangkutan negara dan menyumbang kepada pembangunan sistem pengangkutan negara yang lestari.

Subsektor pengangkutan terdiri daripada pengangkutan maritim; penerbangan, termasuk infrastruktur dan penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih lapangan terbang, serta pembinaan dan penyelenggaraan lebuhraya. Pada tahun 2019, sebanyak lapan projek berkaitan penerbangan telah diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM481.40 juta, di mana RM411.40 juta adalah dari sumber domestik.

### **Syarikat Berstatus Multimedia Super Corridor (MSC)**

Status MSC Malaysia adalah sebuah inisiatif yang menawarkan pelbagai jenis insentif dan kelebihan kepada syarikat-syarikat teknologi tempatan dan asing untuk menyokong perkembangan perniagaan mereka.

Status ini diberikan oleh Kerajaan melalui Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia dan pada mulanya

merupakan tunggak sokongan kepada objektif-objektif Wawasan 2020, sebuah inisiatif holistik untuk mentransformasi ekonomi dan masyarakat Malaysia menjadi masyarakat yang pandang ke hadapan dan berpengetahuan. Hari ini, status MSC Malaysia juga bertujuan untuk membantu mengerakkan negara ke arah penerapan digital, keusahawanan digital dan inovasi.

Setakat Disember 2019, terdapat 2,911 syarikat yang aktif dengan status MSC Malaysia, manakala hasil yang dijana sejak diperkenalkan pada tahun 1996 hingga suku ketiga 2019 adalah sebanyak RM513.6 bilion dan telah mencipta 180,926 pekerjaan setakat suku ketiga 2019.

Berikutnya penambahbaikan dalam pakej status MSC Malaysia bagi mematuhi keperluan *Forum on Harmful Tax Practices*, tiada kelulusan status yang direkodkan dari Januari hingga Disember 2019.

**Beberapa projek pengangkutan yang sebelum ini tergendala juga telah disambung semula seperti Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), sebuah projek sepanjang 640km yang menghubungkan Pelabuhan Klang dengan Kota Bharu, Kelantan dengan kos RM44 bilion, 32.8 peratus lebih rendah berbanding kos asal sebanyak RM65.5 bilion**



## Melangkau Tahun 2020

Dunia kini sedang menyelusuri Revolusi Perindustrian Keempat seiring kepantasannya perkembangan teknologi. Sebagai enjin pertumbuhan ekonomi, sektor perkilangan perlu bersiap sedia untuk memperkasakan diri agar tidak ketinggalan.

Untuk kekal berdaya saing di peringkat global dengan meningkatkan rantaian nilai, sektor perkilangan perlu menggunakan teknologi bagi memastikan proses pengeluaran lebih cekap, cepat dan fleksibel. Ini akan dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih pantas, peningkatan produktiviti, peluang pekerjaan berkemahiran dan berpendapatan lebih tinggi, keupayaan berinovasi dan seterusnya menjadikan negara sebagai destinasi pelaburan perkilangan pintar.

Meskipun penggunaan teknologi akan menyumbang pelbagai manfaat, terdapat juga cabaran dan risiko yang perlu diseimbangkan seperti aspek keselamatan dan privasi, kehilangan pekerjaan dan jurang tahap ketercapaian. Kunci utama adalah untuk mengenal pasti keperluan sektor perkilangan negara dan bagaimana untuk memanfaatkan dan menyesuaikan keperluan ini agar industri dapat mara ke hadapan dan tumbuh lebih mampan.

Di antara trend-trend teknologi yang menjana peluang pekerjaan, Kecerdasan Buatan (AI) didapati menonjol kerana dilihat sebagai teknologi teras dalam Revolusi Perindustrian Keempat yang menggabungkan proses-proses berasingan menerusi *Internet of Things* (IoT) dalam menghasilkan pelbagai aplikasi dan perkhidmatan khusus.

Untuk kesalinghubungan yang lebih pantas dan cekap, pemain-pemain telekomunikasi telah memulakan kerja-kerja asas untuk ketersambungan internet mudah alih Generasi Kelima (5G) yang bakal menyediakan kelajuan yang lebih tinggi dan sambungan yang lebih stabil. 5G menjanjikan pelan data yang lebih mampu milik, kelajuan dan kapasiti yang lebih tinggi serta liputan yang lebih baik bagi membantu perniagaan-perniagaan yang bergantung kepada IoT dan mesin-mesin pintar. Pembahagian rangkaian atau Pemayaan Fungsi Rangkaian juga akan memperolehi manfaat daripada pelaksanaan 5G, di mana sistem-sistem penting perniagaan boleh kekal pantas melalui internet mudah alih memandangkan perkhidmatan rangkaian dibangunkan oleh perisian untuk mempercepatkan perkhidmatan. Bidang-bidang lain yang turut mendapat manfaat dari 5G adalah eKesihatan, sistem keselamatan dan penyiasatan jarak jauh.

Objek-objek autonomi yang menggunakan AI untuk menjalankan fungsi yang dikendalikan oleh manusia sebelum ini seperti kenderaan automatik, akan menjadi trend yang terus berkembang. Bermula dari penggunaan dalam persekitaran terkawal di darat, laut dan udara kepada penggunaan di kawasan awam yang lebih bebas. Memandangkan objek autonomi dari pelbagai peringkat semakin banyak digunakan, langkah-langkah bersesuaian seperti penetapan undang-undang dan penyediaan infrastruktur termasuk penerimaan sosial perlu diselaraskan.


Kemajuan dalam AI dan genom bakal menyaksikan pelbagai aplikasi baharu dalam augmentasi manusia sepanjang tahun 2020. Kemajuan ini akan digunakan untuk meningkatkan kebolehan dan keupayaan manusia dalam menjaga kesihatan predictive untuk rawatan yang lebih terkhusus dan efektif yang akan memberi kesan kesihatan yang lebih baik. Ini meliputi dua kategori luas iaitu fizikal dan kognitif yang melangkau penggunaan komputer dan aplikasi semata-mata, tetapi turut melibatkan faktor-faktor

kejuruteraan biologi. Contoh transformasi dalam penjagaan kesihatan yang pantas berkembang adalah peranti boleh dipakai (wearable) yang mampu merakam dan meramal data untuk merawat masalah kesihatan dengan tepat.

Sepanjang tahun 2020, ‘penglihatan komputer’ yang melibatkan sistem-sistem untuk mengenal pasti barang, tempat, objek atau manusia berdasarkan imej-imej visual yang dikumpul oleh kamera atau sensor dijangka akan berkembang luas untuk pelbagai kegunaan. Di antara contohnya adalah kenderaan autonomi – navigasi automatik yang dapat mengesan kawasan merbahaya; sistem pengeluaran kilang – yang dapat mengesan keluaran rosak atau kerosakan mesin; dan sistem kamera keselamatan – yang dapat mengesan ancaman dan tidak memerlukan pengawasan 24 jam.

Melangkaui 2020, *extended reality* iaitu penciptaan pengalaman digital mendalam yang baharu dan baru muncul sama ada melalui realiti maya (VR), realiti tambahan (AR) dan realiti campuran; dijangka akan memainkan peranan lebih penting yang bukan sekadar untuk dunia hiburan dan permainan semata-mata. Peningkatan penggunaan VR dan AR akan dapat disaksikan dalam bidang latihan dan simulasi serta interaksi pelanggan.

Manfaat yang ditawarkan oleh trend-trend teknologi ini adalah tidak berbatas memandangkan potensi dan peluangnya untuk berkembang adalah luas bagi menyampaikan perkhidmatan yang tepat dalam tempoh masa yang pantas. Oleh itu, pemain-pemain industri hendaklah bersiap-sedia untuk menerapkannya di dalam operasi dan bergerak pantas seiring perubahan ini.







# 4

## Prestasi Sektor Utama

Harga tenaga dijangka akan mencapai purata hampir 15 peratus lebih rendah pada tahun 2019 berbanding tahun 2018 (penurunan yang tinggi dari April) dan dijangka akan terus menurun pada tahun 2020. Harga bukan tenaga diunjurkan menurun sebanyak lima peratus pada tahun 2019 (penurunan yang lebih rendah dari April) dan dijangka lebih stabil pada tahun 2020. Tinjauan untuk harga komoditi, terutamanya minyak dan logam, dijangka akan dipengaruhi oleh kelemahan pertumbuhan global yang lebih buruk dari jangkaan, terutamanya dalam pasaran baru muncul dan ekonomi membangun (EMDE)

Sumber: *World Bank Commodity Markets Outlook*, kemas kini Oktober 2019 update

## 4.1 Gambaran Keseluruhan dan Prestasi Sektor Utama

# Catatan Sektor Utama

Berikut adalah ringkasan prestasi sektor utama Malaysia – yang merangkumi subsektor pertanian, perlombongan, perladangan dan komoditi – pada tahun 2019 dalam menghadapi penurunan indeks harga komoditi global



Permintaan untuk komoditi utama adalah perlaha pada suku ketiga tahun 2019 berikutan kemerosotan persekitaran makroekonomi global, termasuk kelembapan serius dalam aktiviti perkilangan, perdagangan, pertumbuhan keluaran, serta tekanan perdagangan. Dalam keimbangan mengenai penurunan ketara dari yang dijangka, ditambah pula dengan permintaan minyak yang menurun, indeks harga bagi hampir 60 peratus komoditi menghadapi kemerosotan di seluruh dunia.

Di Malaysia, senario global ini telah memberi kesan kepada eksport sektor utama serta syarikat yang terlibat dalam pelbagai aktiviti berkaitan industri ini. Sektor utama menyaksikan 65 projek diluluskan pada tahun 2019, dengan pelaburan bernilai RM7.03 bilion, penurunan sebanyak 35.6 peratus daripada RM10.91 bilion pada tahun 2018. Daripada jumlah ini, RM3.82 bilion (54.3%) diperoleh daripada pelaburan asing, manakala pelaburan domestik menyumbang RM3.21 bilion (45.7%). Pelaburan-pelaburan ini dijangka akan mewujudkan 1,026 pekerjaan baharu.

## Pertanian

Subsektor pertanian yang melibatkan tanaman, ternakan, pertanian dan perikanan laut dalam, merekodkan kelulusan sembilan projek bernilai RM135.08 juta pada tahun 2019. Ini merupakan peningkatan dua kali ganda daripada RM68.84 juta yang diluluskan pada tahun 2018. Projek-projek ini dijangka akan mewujudkan 407 pekerjaan baharu. Semua projek yang diluluskan adalah dari sumber domestik, dengan dua projek penting yang terdiri daripada ladang durian di Pahang (RM73.33 juta) dan pusat penanaman cendawan king oyster di Negeri Sembilan (RM28.30 juta).

## Pelombongan

Pelaburan dalam subsektor pelombongan terdiri daripada cari gali minyak dan pelombongan mineral lain. Sebanyak 38 projek telah diluluskan pada tahun 2019 dengan pelaburan berjumlah RM6.60 bilion, menyumbang 93.9 peratus jumlah pelaburan dalam sektor utama. Sebanyak RM3.82 bilion atau 57.9 peratus adalah daripada sumber asing, manakala pelaburan domestik berjumlah RM2.78 bilion atau 42.1 peratus. Projek-projek ini dijangka akan mewujudkan 106 pekerjaan baharu. Sabah dan Sarawak merekodkan 26 projek pembangunan minyak dan gas, yang menyumbang pelaburan bernilai RM3.51 bilion.


## Perladangan dan Komoditi

Subsektor kelapa sawit dan getah merekodkan pelaburan berjumlah RM291.35 juta atau 18 projek yang diluluskan adalah dari sumber domestik pada tahun 2019. Projek-projek ini dijangka akan mewujudkan 513 pekerjaan baharu. Daripada keseluruhan projek-projek yang diluluskan, sebanyak RM222.93 juta adalah daripada penanaman semula dan penanaman baharu getah.

Sektor utama dijangka menghadapi pertumbuhan yang lebih perlaha pada tahun 2020, kerana berkait rapat dengan permintaan dan harga indeks komoditi global. Industri kelapa sawit dijangka akan mengalami sedikit penurunan daripada 7.7 peratus pada tahun 2019 kepada 5.5 peratus pada tahun 2020 disebabkan kekurangan tenaga kerja, harga minyak sawit mentah yang rendah dan kos pengeluaran yang tinggi. Sektor perlombongan juga dijangka akan mengalami penurunan daripada pertumbuhan sebanyak 0.6 peratus pada tahun 2019 kepada 0.3 peratus, disokong oleh pengeluaran gas yang stabil dalam industri hiliran domestik dan eksport gas asli cecair (LNG).


## Prestasi Sektor Utama pada 2019

### Pelaburan Diluluskan mengikut Subsektor



### Pelaburan Domestik berbanding Asing





# 5

## Usaha Sama untuk Menarik Pelaburan Berkualiti



Sebagai agensi pelaburan utama di Malaysia, MIDA bekerjasama dengan pelbagai IPA dan agensi Kerajaan lain bagi memacu pelaburan yang lebih tinggi serta menyeluruh ke dalam negara sama ada secara langsung atau tidak langsung

## Usaha Sama Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC)

MDEC, sebuah agensi kerajaan di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, telah diberi mandat untuk menerajui pembangunan ekonomi digital di Malaysia. Kerajaan menyedari kepentingan ekonomi digital dalam memastikan pertumbuhan yang berterusan, dan berhasrat menjadikan Malaysia sebagai hab digital pilihan di Asia. MIDA telah bekerjasama dengan MDEC bagi mempercepatkan pertumbuhan ekonomi digital. Sejak beberapa tahun lalu, MIDA telah menjadi ahli dalam pelbagai jawatankuasa kelulusan MDEC; iaitu Jawatankuasa Kelulusan MSC, Jawatankuasa Kelulusan Dana Kandungan Digital, dan Jawatankuasa Kelulusan Dana Teknologi Global, bagi mempertimbangkan projek-projek pelaburan yang berpotensi bagi syarikat-syarikat berdasarkan teknologi.

MIDA dan MDEC juga membantu syarikat yang merancang untuk melabur di Malaysia serta memudah cara pelaksanaan projek mereka dengan membekalkan maklumat mengenai peluang pelaburan dan membantu mereka mencari rakan usaha sama. Antara projek berkualiti di bawah seliaan MIDA dan MDEC adalah projek pusat data. Secara khususnya, Pasukan Petugas Pusat Data telah ditubuhkan bagi membolehkan MIDA dan MDEC merangka pelbagai strategi untuk menggalakkan pelaburan yang lebih



besar di Malaysia, serta menempatkan Malaysia sebagai hab serantau strategik yang menyokong MNC global.

Pada 8 November 2019, Sony Interactive Entertainment Worldwide Studios mengumumkan penubuhan Sony Interactive Malaysia Studio, projek pembesaran Sony Interactive Entertainment pertama di luar AS. Pengumuman ini adalah hasil daripada penglibatan berterusan MIDA dan MDEC bersama dengan syarikat gergasi multinasional tersebut.

Sebagai ahli Majlis E-Dagang Kebangsaan (NeCC) yang melaksanakan Pelan Induk Strategik e-Dagang Kebangsaan (NeSR), MIDA telah diberi kepercayaan untuk mentransformasi Malaysia menjadi sebuah hab *e-fulfillment*. MDEC dan MITI sebagai sekretariat bersama NESR, bertindak sebagai penggerak dan penyelia kepada ekonomi digital. Melalui peranan tersebut, MIDA dan MDEC



bersama-sama menganjurkan sebuah seminar dengan tema “*Investment Opportunities in the E-Commerce Fulfilment Industry Seminar 2019*” yang diadakan pada 10 Julai 2019 dan dihadiri lebih 350 peserta dari pelbagai bidang. Seminar yang diadakan di MITI itu bertujuan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab e-fulfilment, dengan fokus kepada memanfaatkan integrasi yang lebih tinggi antara industri dalam menyokong pertumbuhan yang pesat.

Di masa hadapan, MIDA akan terus bekerjasama dengan MDEC dan memainkan peranan yang aktif dalam menyediakan pelbagai inisiatif untuk terus memacu pembangunan ekonomi digital di Malaysia.

### **Usaha Sama Collaborative Research in Engineering, Science and Technology (CREST)**

CREST adalah ahli tetap *Post-School Finishing Program In IC Design* (PSFP-IC), yang merupakan sebuah platform usaha sama jangka pendek antara Kerajaan, agensi, pemain industri dan akademia bagi memenuhi keperluan industri. Program ini bertujuan untuk memupuk kesediaan para jurutera reka bentuk IC supaya dapat memenuhi permintaan dan keperluan industri menjelang tahun 2021.

YB Dr. Ong Kian Ming, Timbalan Menteri MITI, telah menyertai lawatan kerja ke Pulau Pinang dari 4 hingga 6 September 2019 yang dianjurkan oleh MIDA

dan CREST, yang membolehkan pihak akademia dan industri bekerjasama dan memamerkan hasil penyelidikan mereka.

### **R&D dan Penerapan Teknologi**

MIDA dan ITRI, institusi penyelidikan gunaan teknologi tinggi terbesar di Taiwan – dan terkemuka di dunia, telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) pada 7 Mei 2018 untuk bekerjasama dalam pelbagai bidang kepentingan bersama; khususnya untuk memudah cara projek-projek usaha sama, menjalankan penyelidikan gunaan, latihan dan program penempatan, dan saling bertukar maklumat dan kepakaran teknikal dalam teknologi industri.

MIDA dan SIRIM telah melawat ITRI di Taiwan pada 24 Julai 2019 untuk bekerjasama dalam meningkatkan R&D di Malaysia, dan mengenal pasti projek/program yang bersesuaian untuk dijalankan berkaitan dengan Jentera & Peralatan, Peranti Perubatan, dan Pengeluaran Lestari.

Selain itu, MIDA dan ITRI juga telah menjadi pengajur bersama dalam acara “*Technology Talk and Smart Collaboration*” pada 21 November 2019 di MIDA. Acara ini bertujuan untuk meningkatkan kerjasama ekonomi dalam perdagangan, pelaburan dan pembangunan PKS, terutamanya dalam pengilangan pintar, Industri 4.0, *Internet of Things* dan Ekonomi Kitaran. Acara tersebut turut menampilkan sesi panel oleh SIRIM Berhad, Technology Park Malaysia (TPM), MIMOS Berhad, Malaysian Technology Development Corporation Sdn. Bhd. (MTDC), dan Inari Amertron





Berhad bagi berkongsi perspektif masing-masing mengenai pengilangan pintar dan inisiatif-inisiatif Industri 4.0. termasuk menjalankan usaha sama pintar bersama pemain-pemain industri.

### **Program Jangkauan Menyeluruh Industry4wrd**

Industry4WRD yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad, pada 31 Oktober 2018 adalah seruan Kerajaan bagi transformasi digital dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan yang berkaitan, dengan membantu syarikat-syarikat mengadaptasi Industri 4.0 dengan cara yang sistematik dan lengkap. MITI dan pelbagai agensi lain telah bekerjasama untuk mempromosikan serta memberi kesedaran mengenai pelbagai inisiatif dan insentif Industri4WRD di kalangan pemain-pemain industri, terutamanya PKS.

Pada tahun 2019, MIDA terlibat sebagai penceramah di sembilan program jangkauan semasa ceramah jelajah Industri 4.0 untuk memberi maklumat mengenai insentif yang bertujuan membantu pemain-pemain industri mengadaptasi elemen Industri 4.0. Program jangkauan tersebut bertindak sebagai saluran komunikasi yang efektif antara Kerajaan dan pemain-pemain industri dalam menyediakan

dan menyebarkan maklumat penting mengenai Industri 4.0, yang akan membawa perubahan yang signifikan kepada pemain-pemain industri. Oleh itu, program-program ini memberi tumpuan kepada usaha menyediakan tenaga kerja masa hadapan dan membantu PKS memahami dan memulakan perubahan yang diperlukan dalam operasi perniagaan masing-masing.

MIDA juga membantu MITI dalam menganjurkan Persidangan Industry4WRD yang diadakan pada 30-31 Oktober 2019 di MITEC. Selain daripada mengambil bahagian sebagai penceramah, MIDA juga telah memberi khidmat rundingan kepada para peserta di rerurainya sepanjang persidangan tersebut. Persidangan Industry4WRD diadakan untuk memberi maklumat kepada komuniti perniagaan mengenai perkembangan terkini dalam inisiatif-inisiatif Industry4WRD, dan menggalakkan adaptasi Industri 4.0, terutamanya di kalangan PKS.

### **Perkongsian Inovasi dan Padanan Perniagaan 2019**

Bagi menggalakkan inovasi dan pengkomersialan R&D, MIDA telah bekerjasama dengan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) dalam

menganjurkan Perkongsian Inovasi & Padanan Perniagaan 2019 yang bertemakan ‘Inovasi untuk Masa Depan Malaysia’ pada 5 Ogos 2019 di MIDA.

Acara tersebut merupakan platform untuk ahli teknologi, saintis dan penyelidik dari pelbagai universiti untuk mempromosikan ciptaan, inovasi dan hasil penyelidikan mereka kepada pelabur berpotensi serta pemain industri.

Kerjasama ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan MIDA untuk mengukuhkan hubungan R&D antara pemain industri, universiti dan institusi penyelidikan. Dengan mengukuhkan ekosistem inovasi dan R&D, MIDA berharap agar persekitaran yang kondusif dapat diwujudkan bagi memupuk kepercayaan antara semua pihak berkepentingan, dan membantu syarikat-syarikat tempatan memasarkan perkhidmatan R&D mereka kepada pelanggan.

### **Usaha Sama Malaysia *Automotive Robotics and IoT Institute (MARii)***

Tahun 2019 adalah merupakan tahun yang mencabar dan tidak menentu bagi industri automotif negara. Selain daripada ketidaktentuan ekonomi global yang semakin perlahan, industri automotif Malaysia juga menghadapi beberapa cabaran di peringkat domestik yang melemahkan keyakinan perniagaan dan sentimen pengguna secara keseluruhan.

Melalui Bahagian Teknologi Pengangkutan, MIDA telah memulakan beberapa sesi rundingan dengan pihak-pihak berkepentingan industri, terutamanya pengeluar kenderaan, untuk mengumpulkan input berkenaan semakan semula NAP, serta mengenal pasti dan menyelesaikan beberapa isu berbangkit; iaitu, proses kelulusan yang lambat serta ketidakpastian dasar dan garis panduan.

Sesi rundingan tersebut telah diadakan dengan kerjasama MITI dan beberapa pihak berkepentingan kerajaan seperti Kementerian Kewangan (MOF), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (RMCD) dan MARii. Melalui sesi rundingan tersebut, beberapa pelan tindakan telah diambil bagi mempercepatkan proses



kelulusan dan memberi maklumat terkini kepada pemain-pemain industri mengenai dasar-dasar dan garis panduan sedia ada.

Selain daripada sesi keterlibatan ini, sebagai ahli Jawatankuasa Pembangunan Perniagaan Automotif, MIDA juga turut serta dalam lawatan ke *Tokyo Motorshow 2019*. Lawatan tersebut bertujuan untuk mengumpul maklumat dan idea yang relevan untuk dijadikan penanda aras, khususnya berkenaan teknologi terkini yang berkaitan dengan masa depan pengangkutan di Malaysia.

Di masa hadapan, MIDA akan meneruskan penglibatan dan kerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan yang berkaitan, terutamanya dalam usaha menggalakkan lebih banyak pembangunan dan pelaburan dalam projek-projek berkaitan automotif di Malaysia.

**Selain daripada ketidaktentuan ekonomi global yang semakin perlahan, industri automotif Malaysia juga menghadapi beberapa cabaran di peringkat domestik yang melemahkan keyakinan perniagaan dan sentimen pengguna secara keseluruhan.**





# 6

## Maju ke Hadapan

“Saya berharap supaya tahun 2020 akan menjadi tahun yang bermakna untuk kita semua. Semoga ia menjadi titik permulaan untuk Malaysia mencapai kejayaan yang hebat dan menjadi negara maju menjelang tahun 2030.”  
Tun Dr Mahathir Mohamad

Sumber: The Star, 7 Januari 2020

## 6.1 Tinjauan Pelaburan

# Masa Hadapan

Dalam ketidaktentuan ekonomi global, usaha berlipat kali ganda telah diatur oleh negara bagi menghadapi unjuran pertumbuhan pelaburan yang perlahan pada tahun 2020. Dalam memastikan kelestarian sosioekonomi Malaysia seiring peralihan ke arah dunia digital, Kerajaan bertungkus lumus menggalakkan automasi dan pendigitalan melalui pelbagai insentif dan inisiatif untuk menggalakkan penyertaan holistik dalam 4IR. Hala tuju sedang dirancang dengan tujuan untuk menjana peluang ekonomi, memantapkan modal insan, menjamin inklusiviti dan memperkuuhkan institusi Kerajaan dan kewangan awam.

0001  
1101  
1101  
0001



Dalam melangkah ke tahun terakhir bagi dekad ini, unjuran oleh beberapa organisasi menunjukkan tinjauan global yang kurang memberangsangkan bagi tempoh terdekat. *Global Economics Prospects Report January 2020* oleh Bank Dunia mengunjurkan bahawa ekonomi global dijangka akan mengalami pemulihan sederhana sekiranya semua perancangan berjalan lancar, berdasarkan tinjauan tahun 2020 yang rapuh. Hutang global yang semakin memuncak dan kelembapan pertumbuhan produktiviti yang berlarutan merupakan dua trend yang dinyatakan akan mempengaruhi pemulihan perlahan ini.

Sementara itu, *Economic Outlook Report* oleh Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) pada November 2019 turut menyuarakan pandangan yang sama. Berdasarkan unjuran yang tidak menentu, laporan ini menekankan bahawa keruduman KDNK global kepada 2.9 peratus pada tahun 2019 berbanding 3.5 peratus pada tahun 2018 merupakan kadar tahunan yang paling rendah setakat ini sejak krisis kewangan terdahulu. Pasca 2019, OECD menjangkakan unjuran KDNK global akan mencapai kira-kira 2.9 hingga 3.0 peratus pada tahun 2020 dan 2021. Isu-isu global yang berputar di sekitar konflik perdagangan, pelaburan perniagaan yang lemah dan ketidakpastian politik yang berpanjangan boleh membawa risiko yang lebih besar kepada ekonomi dunia.

Selain dari itu, pertumbuhan KDNK bagi ekonomi-ekonomi gergasi dunia seperti PRC dan AS dijangka akan turut menurun. Bagi AS, jumlah 2.3 peratus pada tahun 2019 akan merosot kepada 2.0 peratus pada tahun 2020 dan 2021, manakala PRC pula akan merosot daripada 6.2 peratus pada tahun 2019 kepada 5.7 peratus pada tahun 2020 dan 5.5 peratus pada tahun 2021 yang disebabkan oleh penangguhan projek-projek pembesaran. Pertumbuhan bagi Jepun diunjurkan sebanyak 0.6 peratus pada tahun 2020, manakala pasaran baru muncul dan ekonomi membangun (EMDE) dijangka akan menghadapi pemulihan yang perlahan dan tidak seimbang, di bawah potensi kadar pertumbuhan.

Laporan OECD juga menyatakan bahawa aktiviti perniagaan pada tahun 2019 terutamanya dalam sektor perkilangan didapati terus merosot berdasarkan petunjuk output global dan pesanan baharu yang menurun ke tahap paling rendah bagi tempoh tujuh tahun. Output sektor perkhidmatan yang sebelum ini lebih stabil disebabkan perbelanjaan pengguna, turut menunjukkan isyarat ke arah perkembangan yang perlahan. Trend yang sama turut dilaporkan dalam pertumbuhan jumlah perdagangan global bagi barang dan perkhidmatan berdasarkan anggaran penurunan kepada 1.2 peratus bagi tahun 2019 – kadar yang paling rendah sejak tahun 2009. Bagi tahun 2020 dan 2021, OECD menjangkakan pemulihan yang

## Unjuran Tinjauan Ekonomi OECD

### Pertumbuhan KDNK Sebenar

Peratus, tahun-ke-tahun. Anak panah menunjukkan arah semakan berdasarkan Tinjauan Ekonomi Interim September 2019

	2019	2020	2021		2019	2020	2021
Dunia	2.9 ➡	2.9 ⚡	3.0	G20	3.1 ➡	3.2 ➡	3.3
Australia	1.7 ➡	2.3 ⚡	2.3	Argentina	-3.0 ⚡	-1.7 ⚡	0.7
Kanada	1.5 ➡	1.6 ➡	1.7	Brazil	0.8 ➡	1.7 ➡	1.8
Negara Eropah	1.2 ⚡	1.1 ⚡	1.2	China	6.2 ⚡	5.7 ➡	5.5
Jerman	0.6 ⚡	0.4 ⚡	0.9	India	5.8 ⚡	6.2 ⚡	6.4
Perancis	1.3 ➡	1.2 ➡	1.2	Indonesia	5.0 ➡	5.0 ➡	5.1
Itali	0.2 ⚡	0.4 ➡	0.5	Mexico	0.2 ⚡	1.2 ⚡	1.6
Jepun	1.0 ➡	0.6 ➡	0.7	Rusia	1.1 ⚡	1.6 ➡	1.4
Korea	2.0 ⚡	2.3 ➡	2.3	Arab Saudi	0.2 ⚡	1.4 ⚡	1.4
United Kingdom	1.2 ⚡	1.0 ⚡	1.2	Afrika Selatan	0.5 ➡	1.2 ⚡	1.3
Amerika Syarikat	2.3 ⚡	2.0 ➡	2.0	Turki	0.3 ⚡	3.0 ⚡	3.2

⬇️ menurun 0.3 pp ke atas ⚡ menurun kurang daripada 0.3 pp ➡️ tiada perubahan ⚡ meningkat kurang daripada 0.3 pp ⚡ meningkat 0.3 pp ke atas

*Nota:* Perbezaan pada peratusan berdasarkan angka-angka yang digenapkan. Kesatuan Eropah adalah ahli penuh G20 tetapi agregat G20 hanya merangkumi negara-negara yang merupakan ahli berdaftar sendiri. Tahun kewangan bermula April.

Sumber: Pangkalan Data OECD Economic Outlook dan pengiraan OECD.

perlahan kira-kira 1.5 peratus pada tahun 2020 dan 2.25 peratus pada tahun 2021, berikutan perdagangan yang kembali stabil di Asia.



Di sebalik keruduman ini, *World Investment Report 2019* oleh UNCTAD melaporkan bahawa prospek aliran FDI ke negara-negara membangun Asia pada tahun 2019 adalah agak cerah. Ini adalah berdasarkan tinjauan ekonomi positif terhadap usaha berterusan dari ekonomi-ekonomi besar dalam menjelaki persekitaran pelaburan yang lebih baik. Memandangkan nilai projek pelaburan *greenfield* yang diumumkan di sekitar Asia didapati berganda pada tahun 2018, potensi pertumbuhan FDI yang berterusan adalah menggalakkan. Walau bagaimanapun, UNCTAD mengingatkan bahawa ketegangan perdagangan global mungkin dapat menjelaskan sentimen pelabur dan mengakibatkan lencongan pelaburan.

Dalam laporan terkini *Global Investment Trend Monitor No 33* yang diterbitkan pada Januari 2020 oleh UNCTAD, organisasi tersebut menjangkakan aliran FDI global akan meningkat secara sederhana pada tahun 2020 disebabkan oleh pertumbuhan perlahan dalam ekonomi global yang sedang pulih dari prestasi yang paling teruk sejak tahun 2009. Pendapatan korporat akan kembali meningkat selaras harapan terhadap ketegangan perdagangan akan mulai reda. Pertumbuhan KDNK, pembentukan modal tetap kasar (GFCF) dan perdagangan dijangka akan turut meningkat di peringkat global dan beberapa ekonomi besar baru muncul. Kedudukan makroekonomi yang positif ini boleh bertindak sebagai insentif untuk syarikat-syarikat multinasional meneruskan pelaburan dalam aset-aset yang produktif. Walau bagaimanapun, pengumpulan hutang yang tinggi dalam ekonomi-ekonomi baru muncul dan membangun, risiko geopolitik, dasar perlindungan yang semakin meningkat dan kelembapan projek-projek

greenfield global yang diumumkan (turun 22 peratus pada tahun 2019) telah dikenal pasti sebagai risiko besar yang dapat menggugat jangkaan.

Melangkah ke hadapan, bagi menangani risiko terhadap prospek dan kesan pertumbuhan global yang lebih lemah serta mengelakkan kepegunaan jangka panjang, OECD menyarankan agar negara dapat meningkatkan pertumbuhan masa hadapan dan mutu kehidupan, mengurangkan ketidakpastian dasar, mempertimbangkan semula dasar fiskal dan berusaha menangani cabaran pendigitalan dan perubahan iklim. Seluruh inisiatif ini mengkehendaki tindakan dasar yang lebih berani untuk menangani isu ketidakpastian yang tinggi di kalangan komuniti perniagaan dan mengatasi perubahan asas dalam ekonomi global. Kerajaan perlu bekerjasama untuk melonjakkan pelaburan dan menetapkan peraturan antarabangsa yang seimbang bagi percuaihan dan perdagangan. Penggubal dasar perlu terlibat dalam menerajui peralihan ke arah penggunaan tenaga yang lebih bersih dalam dunia digital yang semakin berkembang demi kelestarian masa hadapan.

Di sebalik tinjauan global yang mencabar dan penurunan unjuran semula pertumbuhan KDNK Malaysia oleh Bank Dunia daripada 4.6 peratus kepada 4.5 peratus, asas-asas negara yang kukuh diyakini akan dapat menyokong ekonomi. Kadar perkembangan dijangka akan bergerak lebih pantas sebanyak 0.1 peratus pada 2020 yang melonjakkan KDNK negara kepada 4.8 peratus. Faktor-faktor utama yang menyumbang kepada pertumbuhan ini adalah kepelbagaiannya ekonomi, kadar inflasi yang rendah dan stabil, institusi awam yang kukuh dan dipercayai, pasaran buruh yang sihat dan lebihan akaun semasa pada kadar yang selesa. Walau bagaimanapun, laporan Tinjauan Ekonomi 2019/20 oleh Kementerian Kewangan mengingatkan bahawa di sebalik pengembangan yang dijangka, ketidakpastian luaran mungkin boleh menjelaskan prospek pertumbuhan.

Selain sektor perkilangan, penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negara adalah sektor perkhidmatan yang meliputi kira-kira 58 peratus KDNK Malaysia. Sektor perkhidmatan dijangka akan berkembang daripada 6.1 peratus kepada 6.2 peratus pada tahun 2020. Secara menyeluruh, pertumbuhan ini akan dipacu oleh subsektor perdagangan pemborongan & peruncitan, maklumat & komunikasi dan kewangan & insurans yang merupakan

kesan daripada kemampunan perbelanjaan isi rumah. Sektor perkilangan pula dijangka akan berkembang pada kadar yang lebih perlahan berikutan penurunan kitaran sektor E&E. Walau bagaimanapun, peluang yang lebih baik dijangka pada suku kedua berdasarkan tinjauan yang memberangsangkan dalam subsektor semikonduktor.

Pelaburan swasta di Malaysia yang telah disasarkan sebagai pemacu utama pertumbuhan di Malaysia dijangka akan meningkat pada tahun 2020. Ini adalah berikutnya penyambungan semula beberapa projek infrastruktur dan ditambah pula dengan perbelanjaan modal yang berterusan oleh sektor perkhidmatan dan perkilangan.

## Usaha Berganda dalam Negara

Malaysia telah melaksanakan beberapa perubahan bagi menjamin pertumbuhan ekonomi yang lebih mampan dan seimbang sejak pertengahan tahun 2018. Susulan perubahan ini, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (SPV 2030) telah diumumkan secara rasmi pada 5 Oktober 2019. Tiga sasaran utama di bawah agenda SPV 2030 adalah untuk menangani ketidakseimbangan pendapatan dan kemakmuran, membangunkan ekonomi yang lebih progresif dan penyertaan bernilai tinggi serta menjadikan Malaysia sebagai salah satu tonggak ekonomi yang utama di Asia.

Memandangkan Rancangan Malaysia Kesebelas (2016-2020) telah hampir tiba ke penghujung, MIDA telah bekerjasama dengan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) untuk merangka Rancangan Malaysia Kedua Belas (12MP) (2021-2025) serta Pelan Induk Perindustrian Baharu (2021-2030) (IMP Baharu) bagi memastikan kedua-duanya memenuhi intipati SPV 2030. Dalam memainkan peranan untuk meminimumkan risiko luaran dan menterjemahkan objektif SPV 2030, Kerajaan akan menetapkan langkah untuk menyuburkan peluang ekonomi, mengukuhkan modal insan, memastikan penglibatan menyeluruh dan memantapkan institusi Kerajaan dan kewangan awam.

Malaysia juga telah melaksanakan pelbagai langkah dalam menghadapi Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) bagi memastikan daya saing sektor perkilangan yang berterusan dari segi produktiviti, inovasi dan bakat, di samping menjana pekerjaan yang diperlukan untuk

menjamin pertumbuhan. Inisiatif di bawah Industry4WRD telah dilancarkan pada tahun 2018 sebagai pemangkin untuk menyokong peralihan sektor perkilangan dan perkhidmatan berkaitan perkilangan (MRS) ke arah Industri 4.0. Penerapan digital turut diliputi dalam Bajet 2020 oleh Kerajaan berdasarkan pengumuman fasiliti tambahan bagi menggalakkan automasi dan pendigitalan di kalangan syarikat menerusi lanjutan Elaun Modal Automasi (Automation CA) termasuk sektor perkhidmatan, selain geran padanan Automasi Pintar untuk 1,000 syarikat perkilangan dan 1,000 syarikat perkhidmatan. Seterusnya, Kerajaan akan terus meluaskan skop 4IR yang melangkaui perkilangan dan MRS menerusi penerapan digital yang lebih holistik ke seluruh negara oleh semua pihak berkepentingan dari sektor swasta dan awam.

Penerapan Industri 4.0 oleh negara juga akan terus dimantapkan dengan pelancaran rangkaian selular generasi kelima (5G) yang akan memacu Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ) sebagai hab e-dagang rentas sempadan. Teknologi 5G juga dijangka akan mentransformasikan Sektor Maklumat dan Komunikasi negara dan merangsang pasaran yang lebih kompetitif untuk perkhidmatan jalur lebar di rumah, selain meningkatkan kualiti liputan dan rangkaian.

Perkembangan ini akan terus mengukuhkan penglibatan Malaysia dalam 4IR yang membolehkan industri untuk menggunakan teknologi seperti kecerdasan buatan (AI), robotik, realiti maya, *big data analysis* (BDA), *internet of things* (IoT) dan kejuruteraan perisian. Menerusi penggunaan teknologi ini, Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ) yang merupakan lubuk ekonomi digital Malaysia perlu terus dikembangkan ke arah aktiviti-aktiviti e-dagang rentas sempadan dan hab *e-fulfilment* bagi meningkatkan eksport.

Sebagai pengajur forum *Asia-Pacific Economic Cooperation* (APEC) 2020 (lihat artikel kotak di muka surat 14-15) dan untuk memenuhi aspirasi teras agenda SPV2030, Malaysia akan meneraju perbincangan mengenai isu-isu berbangkit di rantau ini dengan menetapkan sasaran-sasaran baharu bagi APEC. Sebagai sekretariat kebangsaan untuk APEC 2020, MITI akan memanfaatkan forum ini untuk menyarankan inisiatif-inisiatif ke arah pembangunan yang inklusif.

## 6.2 Strategi Penggalakan Pelaburan Tahun 2020

# Mempertingkatkan Promosi

Seiring usaha negara bagi mencapai status ekonomi maju, Malaysia berhadapan dengan cabaran untuk menyemarakkan produktiviti, inovasi dan kemakmuran bersama untuk terus berdaya tahan. Sebagai agensi promosi pelaburan utama negara, MIDA terus menyumbang dalam merealisasikan hasrat ini dengan menggiatkan pelbagai usaha penggalakan untuk meraih pelaburan asing yang kritikal untuk menjana pendapatan negara



Ketidakpastian yang menyelubungi ketegangan perdagangan AS-PRC, pilihan raya presiden AS yang bakal diadakan dan perpecahan dalam Kesatuan Eropah telah dikenal pasti sebagai antara faktor yang mempengaruhi tinjauan 2020. Perjanjian perdagangan fasa satu yang telah ditandatangani oleh AS dan PRC pada pertengahan Januari samping meningkatkan sentimen pasaran ke atas Malaysia. Para penganalisis menganggarkan kemungkinan besar pemulihan dalam eksport dan import akan dicapai secara beransur-ansur. Meskipun AS dan PRC menyumbang pengaruh yang besar secara langsung dan tidak langsung ke atas ekonomi, kepelbagaiannya produk eksport dan destinasi Malaysia sejak beberapa tahun kebelakangan ini telah meringankan impak luaran kepada negara.

Sebagai sebuah negara perdagangan, ekonomi Malaysia adalah tidak terkecuali daripada impak luaran. Walau bagaimanapun negara masih mampu bertahan secara keseluruhan kerana dasar ekonomi dan perubahan yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Ekonomi negara merupakan salah satu daripada beberapa ekonomi yang menyaksikan kadar kenaikan pertumbuhan KDNK lebih pantas pada suku kedua tahun 2019 (4.9%) berbanding suku pertama (4.7%). Fitch Solutions Macro Research mengunjurkan aliran FDI ke Malaysia akan kembali meningkat pada penghujung tahun 2019 berikutan penyambungan semula projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dan beberapa projek infrastruktur yang disokong oleh PRC. Selain itu, negara juga menikmati manfaat daripada pemindahan lokasi pelbagai syarikat dari PRC berikutan ketegangan perdagangan.

Walau bagaimanapun, seperti kebanyakan negara berpendapatan pertengahan yang lain, Malaysia berhadapan cabaran-cabaran yang melibatkan keterbatasan produktiviti, inovasi dan perkongsian kemakmuran yang boleh menjelaskan peralihan negara untuk menjadi ekonomi maju. Usaha-usaha menarik FDI perlu diteruskan dengan tersusun memandangkan kepentingannya terhadap pertumbuhan ekonomi negara. MIDA meneruskan usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai hab bagi industri berteknologi tinggi dan perkhidmatan global, di samping memperkasakan pelaburan domestik menerusi pelbagai strategi spesifik meliputi industri dan negeri dalam menarik pelaburan. Kerjasama dengan IPA dan pihak berkepentingan lain seperti dewan perdagangan, majlis perniagaan asing dan institusi perbankan bakal diteruskan untuk mencapai matlamat yang sama.

Bagi memastikan kejayaan strategi-strategi utama ini, MIDA telah memulakan siri Program Penggalakan FDI pada tahun 2020 untuk menyemarakkan aktiviti promosi pelaburan di dalam dan luar negara. MIDA telah mengatur enam misi perdagangan dan pelaburan yang diterajui oleh Menteri atau Timbalan Menteri MITI ke AS, Eropah, PRC, Jepun, Republik Korea, Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan India. Pelbagai lawatan kerja juga akan dilaksanakan di PRC, Indonesia, Singapura, New Zealand dan Switzerland untuk menyusuli misi perdagangan dan pelaburan ini.

Bagi meningkatkan usaha penggalakan pelaburan, bahagian-bahagian industri di MIDA juga akan menganjurkan 29 Misi Projek Spesifik (SPM) ke lokasi-lokasi yang disasarkan di luar negara bagi menarik projek-projek berprofil tinggi, projek baharu, syarikat 'Fortune 500' dan 'Global Unicorn'. Selain itu, syarikat-syarikat sedia ada juga disasarkan untuk pelaburan semula, selain pelaburan daripada projek-projek pejabat perwakilan/pejabat serantau.

Pejabat-pejabat MIDA di luar negara juga telah merancang 21 program utama yang akan dianjurkan bersama rakan-rakan kongsi tempatan dalam usaha untuk menjelaki dan menggalakkan pelaburan di pasaran luar negara.

## Agenda Pelaburan Strategik MIDA



## 6.3 Bajet 2020 - Perspektif MIDA

# Peranan MIDA dalam Bajet 2020

Selain daripada menjamin kesejahteraan golongan B40 dan meneruskan disiplin fiskal, Bajet 2020 turut menampilkan pelbagai insiatif yang dirancang untuk memastikan keterlibatan bersama, meneraju Malaysia ke arah transformasi digital dan meningkatkan daya saing Malaysia untuk terus menjadi destinasi pilihan pelaburan asing. Bajet tersebut memperkenalkan pelbagai insentif pelaburan yang menarik meliputi elauan dan pengecualian cukai untuk pihak-pihak berkepentingan dan pelabur-pelabur dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan



Bajet 2020 Malaysia yang bertemakan “Memacu Pertumbuhan dan Keberhasilan Saksama ke Arah Kemakmuran Bersama” telah diumumkan oleh Menteri Kewangan, Lim Guan Eng pada 11 Oktober 2019. Bajet yang menyeluruh ini dipacu oleh empat teras yang tertumpu kepada inisiatif-inisiatif bagi memastikan keterlibatan bersama, meneraju negara ke arah transformasi digital dan meningkatkan daya saing Malaysia untuk terus menjadi lokasi pilihan di kalangan pelabur asing. Ia juga bertujuan untuk menjamin kesejahteraan golongan B40 dan meneruskan disiplin fiskal. MITI bersama agensi-agensinya termasuk MIDA sedang merangka IMP Baharu untuk merancang pertumbuhan industri perkilangan dan perkhidmatan pasca tahun 2020. Selain itu, pelaksanaan pelbagai inisiatif yang dirancang di bawah Bajet 2020 akan menjadi asas dalam usaha meningkatkan daya saing negara, meningkatkan produktiviti, mengutamakan pelaburan dalam sektor-sektor strategik, merancakkan semula perindustrian yang diterajui ekspor serta menggalakkan keusahawanan.

## Sektor Perkilangan: Perangsang Perkilangan

Di bawah Teras Pertama - “Memacu Pertumbuhan Ekonomi dalam Ekonomi Baharu dan Era Digital”, tujuh inisiatif dan insentif telah diumumkan bagi menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan pelaburan’.

## Empat Teras Bajet 2020



## Isi Utama: Lapan Inisiatif dan Insentif

Inisiatif/Insentif	Ciri-ciri	Manfaat kepada sasaran peserta
<b>1</b> <b>Memperkasakan Jawatankuasa Nasional mengenai Pelaburan (NCI)</b> <i>*Dipersetujui dalam mesyuarat Kabinet pada 8 Mei 2019</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>NCI telah diperkasakan sebagai Jawatankuasa Tunggal untuk Kelulusan Insentif</li> <li>NCI yang ditambah baik akan dipengerusikan secara bersama oleh MOF dan MITI</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengukuhkan kawal selia jawatankuasa</li> <li>Mempercepatkan keputusan projek pelaburan</li> <li>Mempercepatkan kelulusan projek yang disasarkan</li> </ul>
<b>2</b> <b>Semakan menyeluruh dan pembaharuan Akta Penggalakan Pelaburan 1986, Pakej Insentif Istimewa dan Insentif di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dijangka siap menjelang tahun 2021</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menangani isu pengelakan cukai</li> <li>Mengurangkan jurang cukai sedia ada</li> <li>Meneroka sumber hasil baharu</li> <li>Mengkaji cukai ke atas ekonomi digital</li> <li>Menyemak keberkesanan insentif cukai yang ditetapkan oleh undang-undang</li> </ul>

(...bersambung di muka surat seterusnya)

Inisiatif/Insentif	Ciri-ciri	Manfaat kepada sasaran peserta
<b>3</b> <b>Pakej Istimewa Insentif Pelaburan untuk pelaburan asing di Malaysia</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan memperuntukkan insentif tahunan sebanyak <b>RM1 bilion</b> untuk tempoh lima tahun</li> <li>Disasarkan untuk menarik syarikat-syarikat <i>Fortune 500</i> dan <i>global unicorn</i> dalam sektor berteknologi tinggi, perkilangan, kreatif dan sektor-sektor ekonomi baru</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menarik pelaburan baharu yang berkualiti dari pelabur asing</li> <li>Menggalakkan MNC asing sedia ada untuk mengambil risiko dan meningkatkan rantaian nilai</li> <li>Menjana aktiviti ekonomi tambahan untuk menyokong PKS</li> <li>Mewujudkan <b>150,000 pekerjaan berkualiti tinggi</b> dalam tempoh lima tahun akan datang</li> <li>Mengukuhkan ekosistem perkilangan dan perkhidmatan tempatan</li> </ul>
<b>4</b> <b>Pakej Istimewa Insentif Pelaburan untuk menaik taraf perniagaan Malaysia yang terbaik dan berpotensi</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Peruntukan Insentif tahunan bernilai <b>RM1 bilion</b> untuk tempoh lima tahun</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mbolehkan PKS tempatan dan MNC untuk meningkatkan keupayaan teknologi agar lebih berdaya saing di peringkat antarabangsa, meningkatkan rantaian nilai serta menyertai ekosistem dan rantaian bekalan global</li> <li>Mengukuhkan ekosistem rantai bekalan tempatan</li> <li>Mewujudkan tambahan <b>100,000 pekerjaan berkualiti tinggi</b> untuk rakyat Malaysia dalam tempoh lima tahun akan datang</li> </ul>
